

LAPORAN TAHUNAN 2022

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA



LAPORAN TAHUNAN 2022

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA

Hak Cipta © 2022
Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara

Hak cipta terpelihara. Tiada sebahagian daripada penerbitan ini boleh dihasilkan semula atau disalin dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

NO. ISSN 1394 - 844X



لماڤت ڤمباڤون سنڤ وڤسوال نڤارا
Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara
National Visual Arts Development Board
 Balai Seni Negara | National Art Gallery

Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara

No. 2, Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur
 T 603 4026 7000 F 603 4025 4987
www.artgallery.gov.my

KANDUNGAN

PERUTUSAN

Pengerusi Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara

6

Maklumat Korporat

Ahli Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara

8

Penyata Tadbir Urus Korporat Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara

8

Jawatankuasa Ahli Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara

10

Carta Organisasi

12

16

BAHAGIAN PENGURUSAN PAMERAN, KOLEKSI DAN KONSERVASI

18

Seksyen Perkhidmatan Pameran

20

Cawangan Pameran

22

Cawangan Perkhidmatan Galeri dan Pelawat Berpandu

42

Cawangan Creative Space

48

Seksyen Koleksi Dan Konservasi

50

Cawangan Koleksi

51

Cawangan Konservasi

59

Pusat Sumber

158

BAHAGIAN MEDIA DAN PEMBANGUNAN SENI

162

Seksyen Perancangan Media, Jaringan dan Reka Bentuk

164

Cawangan Penerbitan dan Dokumentasi

165

Cawangan Reka Bentuk

173

Cawangan Jaringan dan Pendidikan

175

Seksyen Penyelidikan dan Pembangunan Industri

190

Cawangan Penyelidikan Kuratorial

192

Cawangan Pembangunan Usahawan dan Industri

232

BALAI SENI NEGARA LANGKAWI

248

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

267

UNIT AUDIT DALAM

279

UNIT INTEGRITI

285

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

294

Seksyen Dasar Pentadbiran

296

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia

299

Seksyen Teknologi Maklumat

302

Seksyen Pembangunan

307

Seksyen Kewangan

310

PENYATA KEWANGAN

315

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA

Merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang permulaannya ditubuhkan sebagai Balai Seni Lukis Negara pada 28 Ogos 1958 melalui Akta Balai Seni Lukis Negara 1959 (Akta 516).

Penguatkuasaan Akta Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara 2011 (Akta 724) pada 28 Ogos 2011 telah menukarkan nama Balai Seni Lukis Negara menjadi Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara. Kini Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.



Objektif

- Peneraju Pembangunan Seni Visual
- Membangun, Meningkatkan dan Memelihara Himpunan Karya
- Mendokong Pengetahuan dan Perkembangan Ilmu

Misi

Mengumpul, memulihara, memelihara, mempamer, mempromosi, memupuk kesedaran, kefahaman dan penghayatan terhadap seni moden dan kontemporari kepada semua lapisan masyarakat.


GLAM

Galleries

Libraries

Archives

Museums



Logo

Bentuk mata melambangkan penglihatan pelukis, bentuk persegi mewakili seni rupa dan bentuk bujur memanjang menandakan intisari seni.

Logo dicipta oleh YBhg. Datuk Syed Ahmad Jamal, Seniman Negara (1995).

Visi

Menjadi pusat terunggul pengembangan serta pengumpulan hasil seni visual dan pemegang amanah warisan negara.

Merujuk kepada institusi seni dan budaya yang mempunyai misi mengumpul dan memelihara warisan budaya untuk kepentingan umum.

Sebagai institusi yang mengumpul dari dalam dan luar negeri, mengekalkan warisan dan menjadikannya boleh diakses dan menjadi bahan utama kepada penyelidik.

Faktor ini juga menjadi tarikan kepada pelawat untuk datang berkunjung dan melihat koleksi yang dipamerkan. Kedatangan pelawat dari dalam dan luar negara, ini akan menjadi faktor limpahan ekonomi dalam ekosistem seni visual yang akan melibatkan penciptaan pekerjaan, perniagaan dan perkhidmatan yang berkaitan. Semua ini adalah penyumbang kepada peningkatan pendapatan ekonomi negara.

Sektor GLAM adalah aset kepada Pelancongan.

Dasar Kualiti

Memberikan perkhidmatan yang cekap, amanah, bermutu, efektif dan inovatif dalam merancang, mengurus dan melaksanakan tanggungjawab dan peranan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN).

PERUTUSAN

Pengerusi

Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara

Dengan penuh rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T, saya bagi pihak Ahli Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan LPSVN yang berakhir pada 31 Disember 2022. Tahun 2022 telah melakarkan sejarahnya yang tersendiri buat LPSVN dalam memupuk semula minat masyarakat menerusi penganjuran aktiviti-aktiviti pembangunan seni visual di negara ini khususnya dalam mendepani cabaran era pasca COVID-19.

Bagi menyemarakkan kembali penghayatan seni dalam kalangan masyarakat, sepanjang tahun 2022, LPSVN telah berjaya menganjurkan pameran-pameran yang berprestij tinggi di galeri utama seperti pameran NUSA yang mempamerkan 466 koleksi negara bertemakan kenegaraan, pameran TERA yang memaparkan perkembangan seni cetak tanah air, pameran Fotoseni yang menceritakan perkembangan seni foto tanah air, pameran Hanya Satu (*Single*) daripada tiga artis seni visual tanah air dan pameran bertaraf antarabangsa *Walking Through a Songlines* yang dianjurkan dengan kerjasama Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Australia di Malaysia, National Museum of Australia dan Mosser Studio Australia.

Selain dari itu, LPSVN juga telah mengorak langkah ke hadapan melalui pelaksanaan program Desentralisasi, Norma Baharu, Alternatif Seni (DNA) yang bertujuan untuk menyebarluaskan lagi minat terhadap seni dalam





kalangan lapisan masyarakat. Di bawah inisiatif ini, LPSVN telah melaksanakan program *Community Based Tourism*: Arca Dasar Laut yang telah menjadi produk tarikan baharu ekopelancongan marin di Langkawi, *Rural Art Experience* - Kem Seni Bakun yang melibatkan perkongsian pengalaman pelukis bersama komuniti setempat di kawasan pedalaman dan pameran bergerak Gerak Rupa dengan kerjasama Lembaga Muzium Negeri Kedah dan Yayasan Warisan Johor.

Bagi mempromosikan kekayaan warisan seni budaya negara kepada pelancong-pelancong asing, LPSVN telah menjalin kerjasama dengan pihak Malaysia Airport Holdings Berhad bagi penganjuran pameran KUL Art Airport yang telah diadakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Bagi membantu melonjakkan industri pelancongan tanah air, LPSVN telah melaksanakan projek Jejak Seni Malaysia yang memetakan ekosistem seni seperti karya awam, lorong seni, persatuan, komuniti dan kolektif seni, galeri, studio dan residensi di seluruh negara.

Melalui penganjuran-penganjuran program ini, LPSVN telah berjaya mencatatkan bilangan pengunjung fizikal seramai 269,327 dan sebanyak 28,012,707 pengunjung secara atas talian sepanjang tahun 2022. Saya yakin dan percaya dengan pendekatan baharu dan inisiatif yang diperkenalkan oleh LPSVN ini dapat memberikan impak terhadap pembangunan seni visual dan kemajuan ekonomi negara pada tahun 2023. Besarlah harapan saya agar prestasi ini dapat dikekalkan bahkan dipertingkatkan sesuai dengan peranan dan tanggungjawab LPSVN bagi mendepani cabaran yang lebih besar di masa hadapan. Syabas dan tahniah kepada semua yang telah menyumbang kepada prestasi yang cemerlang ini.

Salam hormat,

YBhg. Dato' Indera Dayang Fatimah Tom Abang Saufi

Ahli Lembaga

2022

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA



YBhg. Dato' Seri Indera Dayang Fatimah
Tom Abang Saufi



YBhg. Datuk Hajah
Saraya Arbi



YBrs. Encik Hazlan
Abdul Aziz



YBrs. Encik Zain Azmir
Zain Azahari



YBrs. Prof. Madya Dr.
Lim Swee Tin



YBrs. Encik Thangarajoo
M.A Kanniah



YBhg. Dato' Lee Yew
Meng

Pengerusi

YBhg. Dato' Seri Indera Tom Abang Saufi

Ahli

YBhg. Datuk Hajah Saraya Arbi

YBrs. Encik Hazlan Abdul Aziz

YBrs. Encik Zain Azmir Zain Azahari

YBhg. Dato' Dr. Mohamed Najib Ahmad Dawa

YBrs. Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin

YBrs. Encik Iskandar Abdullah @ Sim Kia Miang

YBrs. Prof. Madya Jalaini Abu Hassan

YBrs. Encik Thangarajoo M.A Kanniah

YBhg. Dato' Lee Yew Meng



YBhg. Dato' Dr. Mohamed Najib
Ahmad Dawa



YBrs. Prof. Madya Jalaini Abu Hassan



YBrs. Encik Iskandar Abdullah
@ Sim Kia Miang

Penyata Tadbir Urus Korporat

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA

Keanggotaan Lembaga Dalam Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (Akta Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara 2011 (Akta 724))

Seksyen 6 (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Seorang Pengerusi yang dilantik oleh Menteri;
- (b) Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan seni visual negara, atau wakilnya;
- (c) Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan, atau wakilnya; dan
- (d) tidak kurang daripada lima (5) tetapi tidak lebih daripada sepuluh (10) orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri yang separuh daripadanya hendak merupakan artis pengamal atau ahli akademik dalam bidang seni visual yang pada pendapat Menteri, dapat menyumbang kepada pembangunan seni visual.

Mesyuarat Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara

Merujuk kepada Akta Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara 2011 (Akta 724), Seksyen 14 (1), Lembaga hendaklah mengadakan apa-apa bilangan mesyuarat sebagaimana yang perlu bagi memenuhi fungsinya dengan wajarnya.

Pada tahun 2022, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara telah melaksanakan Mesyuarat Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara sebanyak tiga (3) kali iaitu seperti berikut:

Bil.	Mesyuarat	Tarikh	Peratus Kehadiran
1.	Mesyuarat Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara Bil. 1 Tahun 2022	15 Februari 2022	100%
2.	Mesyuarat Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara Bil. 2 Tahun 2022	21 Jun 2022	80%
3.	Mesyuarat Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara Bil. 3 Tahun 2022	3 Oktober 2022	90%

Tanggungjawab Utama Lembaga

1. Menghadiri mesyuarat Lembaga dan mesyuarat-mesyuarat penting lain seperti mesyuarat jawatankuasa atau mesyuarat khas lain yang perlu dihadiri termasuk sesi latihan dan strategi;
2. Meneliti dan mengawasi perkembangan, meluluskan dasar, pelan strategik dan hala tuju Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara dengan mengambil kira peluang-peluang, ancaman dan risiko terhadap Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara;
3. Melaksanakan tugas dengan jujur serta amanah, dengan tidak melibatkan kepentingan peribadi sebagai ahli Lembaga;
4. Meneliti dan meluluskan bajet tahunan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara dan memastikan integriti penyata kewangan, kawalan dalaman, sistem maklumat kewangan, unjuran, ramalan dan penyata yang diaudit;
5. Memastikan pematuhan kepada kehendak undang-undang dan peraturan;
6. Memahami dan menyokong misi dan matlamat Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, serta peka dengan perkembangan semasa Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara dan persekitaran operasinya;
7. Memberi nasihat dan pandangan berkaitan dengan pembangunan, kemajuan dan pengembangan seni visual negara serta pengurusan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara melalui jawatankuasa yang dibentuk oleh Lembaga.
8. Mewujudkan jaringan kerjasama dengan agensi lain, sektor korporat, individu perseorangan untuk mendapatkan tajaan dan sumber kewangan untuk aktiviti seni visual negara
9. Mengesyorkan cadangan membina dan membantu Lembaga membuat keputusan secara berkumpulan yang mencerminkan pandangan seluruh ahli Lembaga.



Jawatankuasa Ahli Lembaga

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA

**Jawatankuasa-jawatankuasa di bawah
Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara
(LPSVN) berdasarkan peruntukan Seksyen
16, Akta Lembaga Pembangunan Seni Visual
Negara 2011 [Akta 724]**

a) Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia

Cadangan Keanggotaan:

Pengerusi: Pengerusi LPSVN atau seorang ahli
Lembaga yang dilantik oleh Pengerusi

Ahli-ahli:

- i) Ahli Lembaga Wakil Kementerian Kewangan
- ii) Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber
Manusia, Kementerian Pelancongan, Seni dan
Budaya (MOTAC) atau wakil;
- iii) Ketua Pengarah LPSVN
- iv) Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) LPSVN

Setiausaha: Pengarah Khidmat Pengurusan

Urus setia: Seksyen Pengurusan Sumber Manusia

Bidang tugas:

Menguruskan hal-hal perjawatan dan
melaksanakan tatacara dalam peraturan-
peraturan perjawatan dan pengurusan sumber
manusia LPSVN.

Keanggotaan:

Pengerusi: YBhg. Datuk Hajah Saraya Arbi

Ahli:

- i) YBr. Encik Hazlan Abdul Aziz
- ii) Setiausaha Bahagian Sumber Manusia MOTAC
- iii) Ketua Pengarah LPSVN
- iv) Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

Setiausaha: Pengarah Khidmat Pengurusan

Urus setia: Seksyen Pengurusan Sumber Manusia

b) Jawatankuasa Pelaburan dan Kewangan

Cadangan Keanggotaan:

Pengerusi: Pengerusi LPSVN atau seorang ahli
Lembaga yang dilantik oleh Pengerusi

Ahli-ahli:

- i) Ahli Lembaga Wakil Kementerian Kewangan
- ii) Setiausaha Bahagian Kewangan, Kementerian
Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)/ wakil
- iii) Ahli Lembaga yang dilantik oleh Pengerusi
- iv) Ketua Pengarah LPSVN
- v) Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

Setiausaha: Pengarah Khidmat Pengurusan

Urus setia: Seksyen Kewangan

Bidang tugas:

Mengenal pasti pelaburan-pelaburan yang bersesuaian dan pengurusan kewangan LPSVN.

Keanggotaan:

Pengerusi: YBrs. Encik Zain Azmir Zain Azahari

Ahli:

- i) YBhg. Dato' Lee Yew Meng
- ii) YBrs. Encik Hazlan Abdul Aziz
- iii) Setiausaha Bahagian Kewangan MOTAC
- iv) Ketua Pengarah LPSVN
- v) Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

Setiausaha: Pengarah Khidmat Pengurusan

Urus setia: Seksyen Kewangan

c) Jawatankuasa Audit

Cadangan Keanggotaan:

Pengerusi: Seorang ahli Lembaga yang dilantik oleh Pengerusi

Ahli-ahli:

- i) Ahli Lembaga Wakil Kementerian Kewangan
- ii) Dua (2) ahli lembaga yang dilantik oleh Pengerusi

Setiausaha: Ketua Audit Dalam

Urus setia: Unit Audit Dalam

Bidang tugas:

- i) Membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh Unit Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara; dan
- ii) Memastikan tindakan pencegahan (*preventive*) dan penambahbaikan (*corrective*) diambil oleh pihak yang diaudit supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang.

Keahlian bagi Jawatankuasa Audit ini adalah minimum tiga (3) orang dan maksimum lima (5) orang berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1998.

Keanggotaan :

Pengerusi: YBrs. Encik Hazlan Abdul Aziz

Ahli:

- i) YBhg. Dato' Dr. Mohamed Najib Ahmad Dawa
- ii) YBrs. Encik Iskandar Abdullah

Setiausaha: Ketua Audit Dalam

Urus setia: Unit Audit Dalam

d) Jawatankuasa Perolehan Koleksi Negara

Cadangan Keanggotaan:

Pengerusi: Ahli Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara yang dilantik oleh Pengerusi

Ahli-ahli:

- i) Dua (2) ahli lembaga yang dilantik oleh Pengerusi
- ii) Ketua Pengarah
- iii) Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Setiausaha: Pengarah Pengurusan Pameran, Koleksi dan Konservasi

Urus setia: Seksyen Koleksi dan Konservasi

Bidang tugas:

- i) Memilih, menilai dan memperakukan kepada Lembaga karya-karya yang dicadangkan untuk dibeli;
- ii) Memilih, menilai dan memperakukan kepada Lembaga karya-karya yang dihadiahkan kepada LPSVN; dan
- iii) Menyelaras tugas-tugas penilaian semula Koleksi Seni Negara.

Keanggotaan:

Pengerusi: YBrs. Dr. Lim Swee Tin

Ahli:

- i) YBrs. Encik Zain Azmir Zain Azahari
- ii) YBrs. Prof. Madya Jalaini Abu Hassan
- iii) Ketua Pengarah
- iv) Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Setiausaha: Pengarah Pengurusan Pameran, Koleksi dan Konservasi

Urus setia: Seksyen Koleksi dan Konservasi

e) Jawatankuasa Kuratorial

Cadangan Keanggotaan:

Pengerusi: Pengerusi LPSVN atau seorang ahli Lembaga yang dilantik oleh Pengerusi

Ahli-ahli:

- i) Ahli Lembaga yang dilantik oleh Pengerusi
- ii) Pengamal seni visual atau ahli akademik dalam bidang seni visual yang dilantik oleh Pengerusi
- iii) Ketua Pengarah LPSVN
- iv) Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Setiausaha: Ketua Kurator Kanan Seksyen Perkhidmatan Pameran

Urus setia: Seksyen Perkhidmatan Pameran

Bidang tugas:

- i) Menasihati dan menambah baik perancangan cadangan program penyelidikan dan pameran;
- ii) Menilai setiap cadangan permohonan program penyelidikan dan pameran yang diterima LPSVN;
- iii) Bertanggungjawab memilih dan memperakukan kepada Lembaga jenis pameran dan penyelidikan yang dicadangkan untuk diangkat dalam takwim tahunan; dan
- iv) Menilai perancangan program penyelidikan dan pameran.

Cadangan Keanggotaan:

Pengerusi: YBrs. Prof. Madya Jalaini Abu Hassan

Ahli:

- i) YBrs. Dr. Lim Swee Tin
- ii) YBrs. Encik Thangarajoo M.A Kanniah
- iii) Ketua Pengarah LPSVN
- iv) Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Setiausaha: Ketua Kurator Kanan Seksyen Perkhidmatan Pameran

Urus setia: Seksyen Perkhidmatan Pameran

f) Ahli Jawatankuasa Young Art Entrepreneur dan Pembangunan Industri LPSVN

Cadangan Keanggotaan:

Pengerusi: Pengerusi LPSVN atau seorang ahli Lembaga yang dilantik oleh Pengerusi

Ahli-ahli:

- i) Ahli Lembaga yang dilantik oleh Pengerusi
- ii) Pengamal industri yang dilantik oleh Pengerusi
- iii) Ketua Pengarah LPSVN

Setiausaha: Ketua Kurator Kanan Seksyen Penyelidikan dan Pembangunan Industri

Urus setia: Cawangan Pembangunan Usahawan dan Industri

Bidang kuasa:

- i) Menyelaras dan mengkoordinasi program dan membuat ketetapan berkenaan piawaian/*standard* berkaitan program;
- ii) Membincangkan isu/masalah berkaitan pelaksanaan program dan membuat cadangan penyelesaian;
- iii) Memberi pandangan mengenai langkah-langkah penajaan dana dan pengurusan kewangan;
- iv) Mengenal pasti keperluan modul dan latihan dalam program;
- v) Menubuhkan dan mempertimbangkan cadangan Kumpulan Kerja Teknikal (*Technical Working Group*);

- vi) Mengenal pasti pihak-pihak dari agensi awam, institusi pengajian tinggi awam tempatan dan serantau, masyarakat tempatan, badan bukan kerajaan dan pihak swasta yang difikirkan dapat memberi sumbangan dari segi kepakaran dalam pelaksanaan program.
- vii) Memberi sokongan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada sokongan kewangan, nasihat dan maklumat kepada mana-mana orang, organisasi atau institusi ke arah pemajuan pembangunan seni visual di Malaysia.

Keanggotaan:

Pengerusi: YBhg. Dato' Dr. Mohamed Najib Ahmad Dawa

Ahli:

i) YBhg. Dato' Lee Yew Meng

ii) YBr. Encik Iskandar Abdullah

iii) Ketua Pengarah LPSVN

Setiausaha: Ketua Kurator Kanan Seksyen Penyelidikan dan Pembangunan Industri


Urus setia: Cawangan Pembangunan Usahawan dan Industri



Carta Organisasi

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA






BAHAGIAN PENGURUSAN PAMERAN, KOLEKSI DAN KONSERVASI



**SEKSYEN PERKHIDMATAN PAMERAN
SEKSYEN KOLEKSI DAN KONSERVASI
PUSAT SUMBER**



Seksyen Perkhidmatan Pameran

CAWANGAN PAMERAN
CAWANGAN PERKHIDMATAN GALERI DAN PELAWAT BERPANDU
CAWANGAN CREATIVE SPACE

**BAHAGIAN PENGURUSAN PAMERAN,
KOLEKSI DAN KONSERVASI**



Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan	Status
1.	Pengarah, Kurator	S52	1	Tetap
2.	Kurator	S48	1	Tetap
3.	Kurator	S44	1	Tetap
4.	Kurator	S41	1	Tetap
5.	Penolong Kurator	S38	1	Tetap
6.	Penolong Kurator	S32	4	Tetap
7.	Penolong Kurator	S29	2	Tetap
8.	Pembantu Tadbir	N19	1	Tetap
9.	Pembantu Muzium	S22	8	Tetap
10.	Pegawai Khidmat Galeri	S41	1	Kontrak

Bangunan galeri Balai Seni Negara telah dibuka semula kepada khalayak pada 21 Jun 2022. Pembukaan semula Bangunan Galeri telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya pada 22 Jun 2022. Dengan pembukaan semula galeri, telah mendapat sambutan yang sangat luar biasa dengan mencatatkan seramai 88,799 orang pengunjung pada tahun 2022.

Seksyen Perkhidmatan Pameran telah menjalankan perancangan program di bawah tiga cawangan utama iaitu Cawangan Pameran, Cawangan Perkhidmatan Galeri dan Pelawat Berpandu serta Cawangan Creative Space. Seksyen Perkhidmatan Pameran menjalankan kesemua program yang dirancang pada tahun 2022 dengan melibatkan belanja mengurus sebanyak RM 968,093.72.

Cawangan Pameran menjalankan program pameran di galeri-galeri utama Balai Seni Negara serta melaksanakan program desentralisasi dengan menganjurkan pameran di luar dari galeri utama. Menerusi Cawangan Pameran juga jaringan dan kerjasama antara syarikat korporat dan badan kerajaan turut dilaksanakan seperti Pameran *Single: Anti-Panic Buying* oleh Shafiq Nordin adalah kerjasama antara Gardenia Bakeries (KL) Sdn Bhd, di mana pihak Gardenia Bakeries KL menaja pelbagai jenis produk untuk program-program sokongan pameran tersebut. Selain daripada itu, jaringan dan kerjasama dijalinan antara Malaysia Airport Berhad yang menjadi penaja ruang utama di setiap lapangan terbang bagi Pameran KUL Art Airport.

Cawangan Perkhidmatan Galeri dan Pelawat Berpandu pula memfokuskan kepada perkhidmatan berkaitan fasiliti dan program sokongan di dalam galeri seperti menyediakan program lawatan berpandu dan mewujudkan program sukarelawan.

Cawangan Creative Space memberi fokus kepada pameran bergerak serta menjalankan aktiviti Environmental Visual Assessment (EVA).

Menerusi Cawangan Creative Space, aktiviti pameran serta jaringan kerjasama antara galeri dan organisasi telah dilaksanakan antara Galeri Seni Johor, Balai Seni Negeri Kedah serta Galeri Kota Tinggi. Lawatan menerusi EVA diadakan pada tahun ini adalah ke Pusat Sains Negara, Lalaport Bukit Bintang City Centre dan pelbagai institusi dan galeri seni.

Cawangan Pameran

Seksyen Perkhidmatan Pameran

Pameran NUSA merupakan pameran kemuncak pada tahun 2022 di mana fokus pameran ini adalah untuk mengangkat koleksi himpunan tetap negara sebagai pameran utama.

Sempena pembukaan semula galeri Balai Seni Negara, Cawangan Pameran telah mengambil pendekatan untuk menambah tempoh bagi sesebuah pameran yang diadakan dengan tujuan memberikan waktu dan masa yang mencukupi kepada pelawat, penyelidik dan pelajar-pelajar seni visual untuk menghayati dan mengkaji secara komprehensif Koleksi Seni Negara. Selain daripada itu, Cawangan Pameran juga memperkenalkan satu ruangan baharu iaitu ruang Hanya Satu atau *Single*. Hanya Satu mempamerkan karya artis pilihan yang ditempatkan di ruang masuk utama galeri dengan tujuan memberikan perasaan keterujaan dan kagum kepada pelawat-pelawat yang datang berkunjung ke galeri. Tiga (3) orang artis kontemporari dipilih untuk mempamerkan karya mereka di ruangan ini.

Bakat Muda Sezaman (BMS) yang telah dijalankan pada 2021 adalah permulaan bagi amalan dasar desentralisasi yang dilaksanakan oleh Cawangan Pameran. Bagi meneruskan dasar tersebut Cawangan Pameran telah mengadakan program pameran di luar daripada galeri utama, iaitu Pameran Bergerak dan KUL Art Airport.

Pameran bergerak dimulakan di beberapa buah tempat di negeri Johor dan Kedah manakala KUL Art Airport telah diadakan di empat buah

lapangan terbang iaitu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Menerusi KUL Art Airport, penerapan aspek desentralisasi dapat menjangkau lebih ramai pengunjung untuk menghayati dan merasai pengalaman seni walau di mana sahaja mereka berada serta memberikan alternatif kepada khalayak untuk menikmati seni visual bukan sahaja di ruang galeri tetapi juga di ruang awam. Pemilihan lapangan terbang sebagai ruang pameran kerana dilihat sebagai pintu masuk pelancong tempatan dan pelancong asing dan kesempatan ini digunakan untuk memperkenalkan seni visual berciri Malaysia kepada mereka.

Program Pameran bergerak telah memberikan kemudahan kepada khalayak yang tidak berkesempatan dan berpeluang untuk berkunjung ke Balai Seni Negara, Kuala Lumpur untuk turut sama menghayati himpunan koleksi tetap negara yang terpilih di kawasan sekitar mereka. Selain daripada merealisasikan amalan dasar desentralisasi, program pameran bergerak juga secara tidak langsung telah mencipta jaringan kerjasama di antara Balai Seni Negara bersama institusi seni lain seperti Galeri Seni Johor, Muzium Mersing dan Muzium Kota Tinggi.



Secara keseluruhan, Cawangan Pameran telah berjaya melaksanakan dan menganjurkan kesemua program yang telah dirancang sepanjang tahun 2022. Berikut adalah senarai pameran, program-program pameran dan ringkasan sinopsis program pameran yang telah dilaksanakan oleh Cawangan Pameran sepanjang tahun 2022:

Bil.	Tajuk Pameran	Ruang Pameran	Tempoh
1.	Pameran NUSA	Galeri Tun Razak Galeri Reka Galeri 2A Galeri 2B Galeri 3B	21 Jun 2022 - 31 Dis 2022
2.	Pameran <i>Walking Through A Songlines</i>	Galeri 3A	21 Jun 2022 - 11 Sept 2022
3.	Pameran TERA	Galeri 3A	15 Okt 2022 - 15 Dis 2022
4.	Pameran Fotoseni	Galeri Potret Negara	21 Jun 2022 - 14 Mac 2023
5.	Pameran Hanya Satu 1. Anti Panic Buying - Shafiq Nordin 2. Tugu Atas Bukit - Saiful Razman 3. Once Upon A Longtang - Red Hong Yi	Ruang Lobi Utama Balai Seni Negara	1 Ogos 2022 - 13 Sept 2023 19 Sept 2022 - 6 Dis 2023
6.	Pameran Bergerak Koleksi Tetap Negara	Balai Seni Negeri Kedah Galeri Seni Johor Muzium Kota Tinggi	1 Ogos 2022 - 31 Jan 2023
7.	Pameran KUL Art Airport	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching	Mac 2022 - Sept 2022
8.	Pameran Pemenang Anugerah Bakat Muda Sezaman	Aras 1, Balai Seni Negara	1 Ogos 2022 - 31 Jan 2023

Sinopsis Pameran

1. Pameran NUSA

Kurator: Baktiar Naim Jaaffar, Tan Hui Koon, Mohd Azrul Amin Arshad dan Syahrul Niza Ahmad Zaini.

Pameran Koleksi Seni Negara pada kali ini mengetengahkan 466 buah karya-karya pilihan dengan tema ketenggaraan yang diberi tajuk NUSA. Persempadanan negara, budaya penerokaan dan penjelajahan maritim, kehidupan di pengkalan, jeti dan dermaga merupakan warisan budaya yang penuh berpotensi antara tema karya yang dipamerkan yang merupakan suatu himpunan ilmu pengetahuan yang besar di mana terkandung di dalamnya pengetahuan visual tradisi, moden dan sezaman.



Karya Ahmad Fuad Osman antara yang dipamerkan di dalam Pameran NUSA bertajuk *Enrique de Malacca Memorial Project*.





YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri melawat ke Pameran *Walking Through A Songline* sewaktu merasmikan Pembukaan Semula Galeri Balai Seni Negara.



En. Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara bersama Dr. Justin Lee merasmikan Pameran *Walking Through A Songline*.

2. Pameran *Walking Through A Songline*

Penyelaras: Faridah Hanim Abdul Wahab, Adinaquraisa Ibrahim, Mohd Noorhisyam Amir Nazarullah.

Pameran *Walking Through A Songline* merupakan pameran kerjasama di antara Balai Seni Negara dan National Museum of Australia (NMA), Mosser Studio Australia dan Australian High Commission di Malaysia. Pameran ini merupakan pameran digital imersif meraikan budaya masyarakat Orang Asli Australia melalui seni dan inovasi. Pameran ini membawa khalayak menelusuri perjalanan The Seven Sisters – sebuah kisah turun temurun masyarakat Orang Asli Australia diterjemah di dalam bentuk instalasi interaktif yang direka berilhamkan kepelbagaian geografi dan landskap Australia. Pameran ini telah dirasmikan oleh Dr. Justin Lee, Australian High Commissioner to Malaysia bersama En. Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara pada 14 Julai 2022.



3. Pameran TERA

Kurator dan Penolong Kurator: Faridah Hanim Abdul Wahab, Muhammad Haikhal Zulkifli, Mohd Noorhisyam Amir Nazarullah.

Pameran ini merupakan satu peninjauan konvensional dan kontemporari menyajikan seleksi koleksi seni cetak oleh pengkarya Tan Tee Chie, Lim Mu Hue, Lee Joo For, Long Thien Shih, Choong Kam Kow, Ahmad Khalil Yusof, Ponirin Amin, Ismail Zain, Sulaiman Esa, Redza Piyadasa, Lee Kian Seng, Zulkifli Yusof, Ilse Noor, Raja Zahabuddin, Ismail Hashim, Fatimah Chik, Sharifah Fatimah Syed Zubir, dan Ahmad Fuad Osman. Pameran ini bermatlamat untuk meninjau semula perkembangan seni cetak tanah air bersama sekumpulan pengamal seni cetak kontemporari negara.

'Tera' bermaksud cap, mohor, segel, meterai. Ia dirujuk sebagai teknik tradisi seni cetak yang wujud seiring dengan penciptaan tembikar tradisional kampung Mambong, Kelantan pada tahun 1868. Pameran ini menelusuri sejarah awal percetakan di Malaysia sehingga kini. Menarik dalam pameran kali ini, pengkarya jemputan yang terdiri dari Juhari Said, Awang Damit Ahmad, Jalaini Abu Hassan, Shahrul Jamili, Shamsudin Wahab, Faizal Suhif, Stephen Menon, Fadhli Mokhtar, Hafiz Shahimi, Rizo Leong, Jerome Manjat, Agnes Lau dan Fadhli Ariffin menampilkan satu persembahan inovasi karya seni cetakan alternatif dari pengolahan bahan dan aspek teknikal yang dilakukan bagi membentuk kesan-kesan cetakan di luar dari aspek cetakan konvensional ke arah seni cetak kontemporari.

Pengunjung melawat karya Faizal Suhif yang dipamerkan di dalam Pameran TERA.



4. Pameran Fotoseni

Kurator: Muhammad Haikal Zulkifli

Pameran ini membawa orang awam menelusuri perkembangan seni foto dalam koleksi tanah air secara am dan penggunaannya dalam pengkayaan seni kontemporari yang ditampilkan menerusi Koleksi Seni Negara yang dihimpun sejak tahun 1963 sehingga 2021. Pameran ini juga menghimpunkan bahan-bahan daripada arkib penerbitan dan juga Pusat Sumber LPSVN.

Kajian koleksi adalah satu tanggungjawab yang harus terus dipikul oleh kumpulan kuratorial dan LPSVN bagi menilai cabaran, justifikasi dan penilaian kritikal bagi menambah baik peranan agensi menerusi kajian-kajian terperinci agar praktis seni fotografi dapat dinilai dan dibangunkan secara lebih proaktif di mata masyarakat, dengan perhatian yang setimpal sebagai salah satu cabang seni yang penting dalam memeta perkembangan kebangsaan bagi seni tanah air.

Tangkap layar program sokongan Pameran Fotoseni yang diadakan pada 10 September 2022 oleh Prof. Madya Hasnul Jamal Saidon.



5. Pameran Hanya Satu (Single):

Kurator dan Penolong Kurator: Faridah Hanim Abdul Wahab, Adinaquraisha Ibrahim, Syahrul Niza Ahmad Zaini, Mohd Anuar Abdul Aziz, Muhammad Hafiz Osman.

5.1 Anti-Panic Buying

Anti-Panic Buying oleh Shafiq Nordin ialah refleksi daripada pengalaman pengkarya dalam melalui keadaan ketika wabak Covid-19 melanda Malaysia. Pameran ini bukan sahaja menjadi pameran pertama bagi pameran Hanya Satu, malah mencipta jalinan kerjasama di antara Balai Seni Negara dengan Gardenia Bakeries (KL) Sdn Bhd. Selain daripada pameran, suatu 'sembang seni' bagi membincangkan idea-idea berkaitan 'Trend Karya Seni Ketika Pandemik' bersama pengkarya juga telah diadakan pada 13 Ogos 2022.



Karya *Anti-Panic Buying*

5.2 Tugu Atas Bukit

Tugu Atas Bukit oleh Saiful Razman mendapat inspirasi dari novel *Rentong* (1979) karya SN Dato' Haji Shahnnon Ahmad. Karya berbentuk instalasi ini menggabungkan pelbagai jenis media. Saiful Razman membawa penonton keluar daripada had-had seni lukisan dan membenamkan mereka ke dalam sebuah landskap fizikal yang sebenar, di mana seseorang akan mengalami sendiri memori fiksi yang melakarkan kompleksiti dilema sosio-politik di sebalik kemiskinan, tradisi, agama, bangsa dan urbanisasi.

Karya ini melalui proses kolaborasi tuntas bersama para pelakon dan pemuzik demi meneroka persimpangan di antara pelbagai bentuk seni.

Karya Tugu Atas Bukit



5.3 *Once Upon A Longtang*

Once Upon A Longtang oleh Red Hong Yi atau lebih dikenali sebagai Red, terkenal dengan penggunaan objek dan bahan harian untuk lukisan dan pemasangan seninya bagi mengubah pemahaman orang ramai tentang objek dan pembuatan imej.

Once Upon A Longtang merupakan sebuah karya yang menekankan tentang sesuatu yang tidak kekal, tradisi, dan urbanisasi. Karya dirujuk melalui memori peribadi rakaman foto artis sewaktu menetap di Longtang, Shanghai bersama datuk dan nenek saudaranya. Karya instalasi ini mengandungi lapan (8) karya seni yang telah dihasilkan dengan kertas kaligrafi merah terbakar di mana bahan baru yang menjadi permulaan karya ini.

Pameran ini dibuka kepada orang ramai bermula 22 Disember 2022 sehingga 22 Mac 2023 di ruang lobi utama bangunan galeri Balai Seni Negara.

Karya *Once Upon A Longtang*



6. Pameran Bergerak Koleksi Seni Negara : Pameran Gerak Rupa

Kurator dan Penolong Kurator Muhammad Faizal Sidik, Syahrul Niza Ahmad Zaini, Mohd Anuar Abdul Aziz.

Pameran bergerak yang bertajuk 'Gerak Rupa' diadakan dengan kerjasama Lembaga Muzium Negeri Kedah dan Yayasan Warisan Johor di dua galeri dan muzium yang terpilih antaranya adalah Balai Seni Negeri Kedah, Galeri Seni Johor dan Muzium Kota Tinggi, Johor. Pameran bergerak ini adalah contoh amalan dasar desentralisasi dengan tujuan mendekatkan lagi khalayak dengan karya-karya di dalam Koleksi Himpunan Tetap Balai Seni Negara seterusnya memberi inspirasi kepada masyarakat dalam bersama-

Pameran Bergerak Koleksi Seni Negara: Pameran Gerak Rupa di Balai Seni Negeri Kedah



sama memupuk meminati seni, meraikan keindahan, cita-cita dan semangat cintakan negara bangsa melalui seni visual seterusnya sebagai perkongsian wadah ilmu sepanjang zaman.



Pameran Bergerak Koleksi Seni Negara: Pameran Gerak Rupa di Yayasan Seni Johor

7. Pameran KUL Art Airport

Kurator: Intan Rafiza Abu Bakar, Muhammad Faizal Sidik, Mohd Zuriyadi Sarpin dan Adinaquraisha Ibrahim.

7.1 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur

Karya bertajuk *Polyhedron Pavilion* ini dihasilkan oleh Allahyarham Noah Iskandar Fuad. Karya merupakan sebuah pavilion yang direka berdasarkan kajian geometri. Pavilion ini bertujuan untuk memanfaatkan identiti tempatan yang diilhamkan oleh seni dan

kraf tempatan. Struktur pavilion boleh alih ini bergerak ke bandar dan negeri yang berbeza untuk mempromosikan seni dan kraf tempatan dengan pelbagai poster dipaparkan di dalamnya. Pemilihan poster mempamerkan karya Koleksi Seni Negara sempena Pameran NUSA di Balai Seni Negara.



Karya *Polyhedron Pavilion* di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

7.2 Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang

Karya bertajuk "OH! Budaya" oleh Sumay Cheah dan Ho Lay Hoon dari OtherHalf terdiri daripada panel-panel yang saling berkait dan membentuk sebuah laluan berselirat. Ruangan panel-panel mengingatkan kita bahawa kita semua mempunyai keunikan dengan cara yang tersendiri, namun berkongsi identiti yang sama iaitu sebagai rakyat Malaysia. Ruangan ini menjadi tempat untuk semua orang untuk berhubung, berinteraksi dan bermain.

Karya OH!Budaya di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.





The Nature Mind of Landscape di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.

7.3 Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu

Karya bertajuk *The Nature Mind of Landscape* oleh Kenji Chai merupakan sebuah karya grafiti untuk mengingatkan generasi kini tentang kepentingan alam dan haiwan hidupan liar yang semakin pupus. Gambaran beberapa jenis haiwan liar dengan berlatarbelakangkan landskap hutan dan keberadaan figura wanita

memperlihatkan bagaimana hubungan antara manusia dengan alam semula jadi. Gambaran dari warisan alam dan hidupan liar ini adalah salah satu keunikan negeri Sabah yang perlu dilindungi dan dipulihara.

7.4 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching.

Karya bertajuk: *Reciting Hope* oleh Aftermath Thinker Art Collective terdiri daripada elemen-elemen alam semula jadi, pembangunan, dan teknologi. Dari segi representasi dan ekspresi karya ini, ia menstrukturkan dirinya kepada dua bentuk utama (saling berkait) yang membawa maksud "Hope". Bahagian konkrit pecah ini melambangkan bencana akibat peperangan, kejatuhan ekonomi, bencana alam sekitar dan wabak yang membawa kepada isu sosial, kemelesetan ekonomi dan kemiskinan.

Reciting Hope di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching.



8. Pameran Pemenang Anugerah Utama Bakat Muda Sezaman 2021

Merupakan pameran pemenang Anugerah Utama Bakat Muda Sezaman 2021 yang bertajuk *RED DINING* oleh Muhammad Hassanuddin Yusof. Karya berbentuk instalasi ini berinspirasi daripada masalah sosial yang sudah terlalu lama melanda masyarakat iaitu rasuah yang diterjemahkan secara metafora di dalam kiasan Bahasa Melayu sebagai 'suapan'. Karya ini pada asalnya dipamerkan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya dan dipamerkan semula di Balai Seni Negara sempena pembukaan semula Balai Seni Negara.



Karya *RED DINING* oleh Muhammad Hassanuddin Yusuf.



Cawangan Perkhidmatan Galeri dan Pelawat Berpandu

Seksyen Perkhidmatan Pameran

Cawangan Perkhidmatan Galeri Dan Pelawat Berpandu

Pada tahun 2022, Cawangan Perkhidmatan Galeri dan Pelawat Berpandu memfokuskan kesemua perkhidmatan berkaitan fasiliti dan program sokongan di dalam galeri seperti menyediakan program lawatan berpandu dan mewujudkan program sukarelawan. Selain daripada itu, cawangan ini juga telah menaik taraf di ruang-ruang galeri dengan meletakkan perabot-perabot yang bersesuaian untuk lebih mesra pengunjung. Selain daripada memberikan kemudahan kepada pengunjung yang berkunjung ke galeri, naik taraf ruang-ruang tersebut juga memberikan suasana galeri yang lebih selesa untuk pelbagai aktiviti dan program.

Program Sukarelawan SE.DIA

Suatu inisiatif untuk penambahbaikan yang dilakukan oleh cawangan ini pada tahun 2022 adalah mewujudkan program sukarelawan yang dinamakan SE.DIA bagi meningkatkan prestasi pengalaman pelanggan dan juga keterlibatan awam dalam program pameran.

Program sukarelawan SE.DIA telah dirancang sejak tahun 2021. Walau bagaimanapun, permulaan pendedahan bersama interaksi awam telah diuar-uarkan pada 23 Jun 2022 sejurus selepas pembukaan galeri dilaksanakan. Seramai

50 peserta yang berminat untuk menyertai program tersebut walau bagaimanapun selepas beberapa saringan dilakukan hanya 11 orang yang boleh memberikan komitmen penuh pada program tersebut.

Program yang disediakan adalah secara khusus akan memberikan penerangan kepada sukarelawan dari segi aspek pengetahuan berkenaan galeri, sejarah seni, konsep pameran dan pelbagai program berkaitan untuk menyediakan sukarelawan berhadapan dengan pengunjung. Sukarelawan yang berjaya menghadiri kesemua kelas telah disusun oleh Balai Seni Negara dianugerahkan sijil dan bahan promosi program dan dibenarkan berkhidmat dari bulan September ke Disember 2022. Bagi keseluruhan bulan Ogos hingga Disember 2022, Sukarelawan SEDIA telah mencatatkan 68 jam bertugas secara sukarela di galeri.





Lawatan rasmi dari Muzium Diraja Abu Bakar, Istana Besar Johor bersama pasukan lawatan berpandu.



Lawatan rasmi dari International School Parkcity, Kuala Lumpur bersama pasukan lawatan berpandu.

Program Lawatan Berpandu

Program Lawatan Berpandu pada tahun 2022 secara percuma telah mula dilaksanakan setelah pembukaan galeri pada bulan Jun. Sepanjang bulan Jun sehingga Disember 2022, galeri telah menerima 56 lawatan berkumpulan daripada pihak awam dengan jumlah keseluruhan 2170 orang peserta lawatan berpandu. Bermula 8 Ogos 2022, hari Selasa dan Khamis pada setiap minggu telah ditetapkan sebagai hari khusus bagi program Lawatan Berpandu.

Aplikasi NAGKL

Pada tahun 2022, NAGKL telah dikemas kini dengan dilengkapi fungsi pendaftaran Lawatan Berpandu, pautan pendaftaran sukarelawan SE.DIA dan juga NAGFRIENDS. Aplikasi ini turut menyediakan fungsi pendaftaran masuk ke galeri tanpa imbasan kod QR di pintu galeri. NAGKL juga telah ditambah baik dengan capaian kepada lawatan galeri LPSVN secara maya dalam bentuk VR yang boleh dikemaskini.

Digitalisasi Perkarangan, Fasilitas Dan Ruang Galeri


Digitalisasi 360° telah dilaksanakan bagi visual di kawasan perkarangan, fasilitas dan ruang galeri pada tahun 2022 dengan 10% kawasan tersebut dilengkapi titik interaktif khususnya karya arca awam, ruang fasilitas dan perincian karya dari pameran TERA. Digitalisasi akan diluaskan meliputi karya koleksi NUSA, FOTOSENI dan Pameran *Single* selari dengan perubahan di perkarangan galeri pada tahun 2023.



Data Pengunjung Fizikal

Cawangan Perkhidmatan Galeri dan Pelawat Berpandu telah mengambil inisiatif menjalankan satu sistem pendaftaran dalam talian dengan menggunakan kod QR untuk pengumpulan data pelawat galeri yang lebih berkesan, berbanding sistem pelek pelawat yang kurang mampan. Sistem kod QR diterapkan setelah penggunaannya oleh pihak kerajaan sebagai salah satu kaedah kawalan wabak COVID-19 menerusi aplikasi MySejahtera. Penggunaan sistem ini telah merekodkan 180,891 data pengunjung fizikal ke galeri sepanjang tempoh 21 Jun - Disember 2022. Melalui sistem kod QR, LPSVN kini dapat mengumpul data dengan lebih khusus bagi mengkaji demografik pengunjung dan keberkesanan program menerusi perbandingan data pameran.

Berikut adalah jumlah pengunjung yang telah direkodkan melalui sistem tersebut secara terperinci:



Jadual menunjukkan jumlah pelawat di Balai Seni Negara mengikut bulan pada tahun 2022.

2022							
Pameran/ Bulan	NUSA	SINGLE (ANTI PANIC BUYING)	SINGLE (TUGU ATAS BUKIT)	FOTOSENI	WALKING THROUGH A SONGLINES	TERA	SINGLE (ONCE UPON A LONGTANG)
Jun	2,767	1,833	-	1,756	1,755	-	-
Julai	15,573	7,175	-	7,528	8,679	-	-
Ogos	15,258	7,281	-	8,116	9,226	-	-
September	15,022	4,261	1,591	7,779	7,063	-	-
Oktober	8,355	-	3,513	4,071	-	1,497	-
November	6,907	-	3,116	3,479	-	3,026	-
Disember	10,482	-	1,030	5,707	-	5,033	2,012
	74,364	20,550	9,250	38,436	10,482	9,556	2,012

Jadual jumlah pelawat di Balai Seni Negara mengikut pecahan pameran.



Cawangan Creative Space

Seksyen Perkhidmatan Pameran

CAWANGAN CREATIVE SPACE

Pada tahun 2022, Cawangan Creative Space meneruskan penyeliaan dalam program Environmental Visual Assessment (EVA) dengan fokus kepada jalinan dan jaringan kerjasama antara galeri, syarikat korporat serta agensi kerajaan dalam membangunkan sesebuah pameran. Cawangan ini juga mengadakan lawatan dan temu bual secara tidak formal untuk mengetahui data dan informasi bagi memenuhi keperluan dari segi pengetahuan bagi penambahbaikan segala hal berkaitan pameran dan galeri.



Tarikh Kunjungan	Nama organisasi/Institusi	Tujuan
19 Mac 2022	Borneo Culture Museum, Kuching, Sarawak	Lawatan untuk mengetahui informasi berkaitan ruang dan kemudahan juga hala tuju kuratorial yang efektif dan intelek kerana muzium ini baru sahaja dibuka merupakan tanda aras kepada muzium dan galeri untuk Asia Tenggara bagi menghayati kebudayaan dan pensejarahan masyarakat Sarawak di Borneo.
1 Ogos 2022	Perasmian Pameran A-Lab, Lalaport, Kuala Lumpur.	Lawatan bertujuan untuk melihat pameran Resonating Microsoms yang dihasilkan oleh Team Lab, Japan. Perbincangan santai bersama artis Team Lab, Ghani dalam memahami <i>insight</i> pameran serta aspek teknikal terkini yang mereka gunakan dalam berpameran.
8 Nov 2022	Pameran IMMERSIO di Muzium Telekom, Kuala Lumpur.	Lawatan bertujuan melihat pameran berbentuk <i>immersive</i> yang diadakan bagi tujuan penyelidikan pameran untuk mengadakan pameran dalam genre dan bentuk yang sama di masa akan datang.
13 Feb 2022	Pameran 'Family Pride' oleh Puah Chin Kok, Studio Setiawangsa, Kuala Lumpur.	Lawatan bertujuan mengumpul data bagi pameran fotografi yang akan diadakan pada tahun 2023.
5 Dis 2023	Pusat Sains Negara	Lawatan bertujuan untuk melihat pameran <i>Immersive</i> yang dibangunkan serta cabaran teknikal yang dihadapi dalam menguruskan pameran serta memenuhi keperluan pengunjung.



Seksyen Koleksi dan Konservasi

CAWANGAN KOLEKSI
CAWANGAN KONSERVASI
PUSAT RUJUKAN SENI

**BAHAGIAN PENGURUSAN PAMERAN,
KOLEKSI DAN KONSERVASI**



Cawangan Koleksi

Seksyen Koleksi dan Konservasi

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan	Status
1.	Pengarah, Kurator	S52	1	Tetap
2.	Kurator	S48	1	Tetap
3.	Kurator	S41	1	Tetap
4.	Penolong Kurator	S38	1	Tetap
5.	Penolong Kurator	S32	1	Tetap
6.	Penolong Kurator	S29	1	Tetap
7.	Penolong Pustakawan	S32	1	Tetap
8.	Pembantu Muzium	S26	1	Tetap
9.	Pembantu Pustakawan	S26	1	Tetap
10.	Pembantu Muzium	S22	4	Tetap

Cawangan ini bertanggungjawab menguruskan Koleksi Seni Negara. Antara fungsi utama cawangan Koleksi ialah menguruskan perolehan, pendaftaran dan penyimpanan karya koleksi. Pendaftaran dan penyimpanan rekod serta fizikal Koleksi Seni Negara diselenggarakan dalam tiga ruang repositori iaitu Repositori Catan, Repositori Kertas dan Repositori Arca dan Objek Seni. Cawangan ini juga menjalankan tugas keurusetiaan kepada Jawatankuasa Perolehan Koleksi Negara.

Selain itu, cawangan ini turut menguruskan peminjaman, pengambilan dan pemulangan karya seni untuk pameran di dalam dan di luar negara.

Perolehan Karya Koleksi Negara Tahun 2022

Cawangan Koleksi telah melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Koleksi Seni Negara Bilangan 1 Tahun 2022 pada 22 Ogos 2022.

Ahli Jawatankuasa Perolehan Koleksi Negara bagi tahun 2022 adalah terdiri daripada:

- i) YBrs. Dr. Lim Swee Tin (Pengerusi)
- ii) YBrs. Encik Zain Azmir bin Zain Azahari
- iii) YBrs. Prof. Madya Jalaini bin Abu Hassan
- iv) YBrs. Encik Amerrudin Ahmad (Ketua Pengarah)
- v) Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
- vi) Pengarah Pengurusan Pameran, Koleksi dan Konservasi (Setiausaha)

Urus setia perolehan Koleksi Seni Negara telah menyediakan cadangan perolehan seperti berikut:

- i) Perolehan belian: 17 karya dan dua (2) bahan arkib daripada tujuh (7) pelukis bernilai RM472,000.00;
- ii) Perolehan hadiah: Tiga (3) karya dan satu (1) objek warisan daripada dua (2) pelukis bernilai RM715,000.00;
- iii) Perolehan komisen: Sembilan (9) karya daripada Sembilan (9) pelukis bernilai RM270,000.00.

Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Koleksi Seni Negara Bilangan 1 Tahun 2022, bersetuju:

- i) Perolehan Belian: Tiga (3) karya dan dua (2) bahan arkib setelah rundingan dibuat dengan nilai RM68,800.00 daripada empat (4) pelukis.

Perolehan karya ini belum dibuat pembayaran kepada pelukis kerana masih di dalam proses untuk mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan PB3.1 Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam yang dikemaskini pada 14 Julai 2022.

- i) Perolehan Hadiah: Dua (2) karya daripada seorang (1) pelukis dan satu (1) objek warisan bernilai RM470,000.00 seperti di **Lampiran A**

- ii) Perolehan Komisen: Sembilan (9) karya bernilai RM270,000.00 daripada sembilan (9) pelukis seperti di **Lampiran B**

Bil.	Kategori	Bil. Karya	Bil. Pelukis	Kos Belian (RM)	Kos Hadiah (RM)	Kos Komisen (RM)	Nilai
1.	Hadiah	3	1	-	470,000.00	-	470,000.00
1.	Komisen	9	9	-	-	270,000.00	270,000.00
JUMLAH		12	10	-	470,000.00	270,000.00	740,000.00

Senarai Karya Perolehan Hadiah Sebagai Koleksi Seni Negara Bil.1/2022

Bil.	Nama Pelukis dan Butiran Karya	Imej Karya	Nilai yang Dipersetujui (RM)
1.	Mohd Yusof Ismail (Yusof Gajah) b.1954, Negeri Sembilan d. 2022, Selangor Pemandangan Laut 2007 Akrilik atas kanvas 164 x 214 cm		35,000.00
2.	Mohd Yusof Ismail (Yusof Gajah) b.1954, Negeri Sembilan d. 2022, Selangor Circle Series 2009 Akrilik atas kanvas 191 x 264 cm		35,000.00
3.	Rumah Melayu No.41, Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur 1926 (dibina semula 2018 - 2019) 756.8 x 460.2 x 2,289.1 cm		400,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			470,000.00

Bicara Seni Kita: Jejak Seni Malaysia edisi negeri Johor yang terletak di bawah Zon Selatan telah berlangsung pada 12 Februari 2022. Seramai empat (4) orang panel jemputan yang telah dilantik iaitu Mohd Azhar Mohtar, Yusri Bachok, Nor Alisa Abdul Rahman dan Faezah Bahari berkongsi pandangan tentang ekosistem seni di negeri Johor. Seramai 200 peserta yang telah menyertai bicara seni ini secara dalam talian dan program ini juga telah mengumpul sebanyak 1400 (1.4k) tontonan di platform facebook *live*. Seterusnya, Shaliza Juana Mohd Jeffry dan Mohd Azhar Mohtar ini adalah seorang penyelidik yang telah dilantik bagi melakukan penyelidikan di negeri Johor yang merangkumi kesemua elemen seni. Mengikut data terkumpul yang telah diterima oleh mereka sebanyak 9.3% karya awam, 37% bagi lorong seni, 7.4% bagi persatuan, komuniti dan kolektif, 31.5% galeri, studio dan residensi serta 14.8% bagi ekosistem lain yang terdapat di negeri Johor.

Bicara Seni Kita : Jejak Seni Malaysia - Negeri Perlis

Bicara Seni Kita: Jejak Seni Malaysia edisi negeri Perlis yang terletak di bawah Zon Utara telah berlangsung pada 12 Mac 2022. Seramai empat (4) orang panel jemputan yang telah dilantik iaitu Mansor bin Mahmud, Yaakob bin Abd Aziz, Rudy Hazrin bin Abdullah dan Ahmad Soffi bin Abdul Manah berkongsi pandangan tentang ekosistem seni di negeri Perlis. Seramai 432 peserta yang telah menyertai bicara seni ini secara atas talian dan program ini juga telah mengumpul sebanyak 1,300(1.3k) tontonan di platform Facebook *live*. Seterusnya, Mansor Mahmud ini adalah seorang penyelidik yang telah dilantik bagi melakukan penyelidikan di negeri Perlis yang merangkumi kesemua elemen seni. Mengikut data terkumpul yang telah diterima oleh beliau sebanyak 27.3% karya awam, 27.3% bagi lorong seni, 9.1% bagi persatuan, komuniti dan kolektif, 18.2% galeri, studio dan residensi serta 18.2% bagi ekosistem lain yang terdapat di negeri Perlis.



Bicara Seni Kita : Jejak Seni Malaysia - Negeri Selangor

Bicara Seni Kita: Jejak Seni Malaysia edisi negeri Selangor yang terletak di bawah Zon Tengah telah berlangsung pada 16 April 2022. Seramai empat (4) orang panel jemputan yang telah dilantik iaitu Morne Binti Hashim, Faisal Bin Mohd Khialdin, Alina Binti Abdullah dan Sharmin Parameswaran berkongsi pandangan tentang ekosistem seni di negeri Selangor. Seramai 88 peserta yang telah menyertai bicara seni ini secara dalam talian dan program ini juga telah mengumpul sebanyak 2,500 (2.5k) tontonan di platform Facebook *live*. Seterusnya, Morne Binti Hashim ini adalah seorang penyelidik yang telah dilantik bagi melakukan penyelidikan di negeri Selangor yang merangkumi kesemua elemen seni. Mengikut data terkumpul yang telah diterima oleh beliau sebanyak 4.3% karya awam, 9.1% bagi lorong seni, 4.3% bagi persatuan, komuniti dan kolektif, 34.9% galeri, studio dan residensi serta 47.3% bagi ekosistem lain yang terdapat di negeri Selangor.





Bicara Seni Kita: Jejak Seni Malaysia - Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan)

Bicara Seni Kita: Jejak Seni Malaysia edisi negeri Wilayah Persekutuan yang terletak di bawah Zon Tengah dan Zon Borneo telah berlangsung pada 25 Jun 2022 di Auditorium, Balai Seni Negara Seramai tiga (3) orang panel jemputan yang telah dijemput iaitu Morne Binti Hashim, Muhammad Amir Amin Bin Mohd Idris dan Hamizah Binti Hazairi berkongsi pandangan tentang ekosistem seni di negeri Wilayah Persekutuan (Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan). Seramai 75 peserta yang telah menyertai bicara seni ini yang dijalankan secara fizikal dan program ini juga telah mengumpul sebanyak 725 tontonan di platform Facebook *live*. Seterusnya, Morne Binti Hashim ini adalah seorang penyelidik bagi Putrajaya, Muhammad Amir Amin sebagai penyelidik bagi Kuala Lumpur dan Hamizah sebagai penyelidik bagi Labuan.

Mengikut data terkumpul yang telah diterima oleh Morne sebanyak 69.2% karya awam, 7.7% bagi lorong seni, 7.7% bagi persatuan, komuniti dan kolektif, 7.7% galeri, studio dan residensi serta 15.4% bagi ekosistem lain yang terdapat di Putrajaya. Seterusnya, data terkumpul oleh Muhammad Amir Amin sebanyak 26.6% karya awam, 19.6% bagi lorong seni, 3.3% bagi persatuan, komuniti dan kolektif, 29.3% galeri, studio dan residensi serta 21.2% bagi ekosistem lain yang terdapat di Kuala Lumpur. Akhir sekali, data terkumpul oleh Hamizah Binti Hazairi sebanyak 14.5% karya awam, 56.6% bagi lorong seni, 1.8% bagi persatuan, komuniti dan kolektif, 1.8% galeri, studio dan residensi serta 25.2% bagi ekosistem lain yang terdapat di Labuan.

Program Bicara Seni Kita: Jejak Seni Malaysia (Dalam Talian)
Sepanjang Tahun 2022.

Bil.	Bulan	Nama Program	Tarikh	Masa	Platform Facebook, Instagram, Youtube, dlll.	Jumlah Peserta (E-Sijil)	Data Khalayak Maya		
							Jumlah Views	Jumlah Likes	Jumlah Share
1	Jan.	Bicara Seni Kita: Jejak Seni Malaysia PAHANG	1 Jan. 2022	4-6pm	Facebook live	103	1.0k	228	29
2	Feb.	Bicara Seni Kita: Jejak Seni Malaysia JOHOR	12 Feb. 2022	4-6pm	Facebook live	200	1.4k	163	36
3	Mac	Bicara Seni Kita: Jejak Seni Malaysia PERLIS	12 Mac. 2022	4-6pm	Facebook live	432	1.3k	113	48
4	Apr.	Bicara Seni Kita: Jejak Seni Malaysia SELANGOR	16 Apr. 2022	4-6pm	Facebook live	88	2.5k	82	20
5	Mei	Bicara Seni Kita: Jejak Seni Malaysia WILAYAH PERSEKUTUAN	25 Mei 2022	9-11am	Facebook live	75	724	56	11
Jumlah Keseluruhan						898	23.5k	642	144

PENGUMPULAN PENULISAN BUKU JEJAK SENI MALAYSIA

Pengumpulan 16 penulisan lengkap oleh para penyelidik seni negeri dalam memetakan lokasi jejak seni berdasarkan penemuan dan kajian terdahulu. Penulisan lengkap telah dikumpulkan dan diterbitkan pada tahun 2023.



DATA SEKTOR KEBUDAYAAN KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA 2022

Data (Fast Facts)

Data (*Fast Facts*) Sektor Kebudayaan ini bertujuan menghimpunkan maklumat ringkas pencapaian data dalaman LPSVN dalam menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi dan memartabatkan seni, budaya dan warisan negara. Data dikumpulkan secara bersepadu di bawah Sektor Kebudayaan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Maklumat pengumpulan data ini dilihat perlu bagi mengenal pasti dalam menyediakan produk dan melaksana tugas dalam penjimatan serta memberi impak yang berkualiti disamping penyediaan pengeluaran (*output*) jabatan.

No.	Set Data	Perincian	(Jan-Dis 2022)
1	Senarai Hasil Prestasi Pendapatan Balai Seni Negara	Hasil Sewaan - (ruang, mesin, fasiliti, vendor) Hasil Jualan - (Merchandising) Hasil Pendapatan Jabatan/ Agensi - (khidmat konservasi@imej) Hasil lain-lain - (geran mengurus, jualan tender dll)	RM 24,715,269.10
2	Bilangan Pameran	Balai Seni Negara	1. Pameran NUSA 2. Pameran Pemenang Utama Bakat Muda Sezaman 2021 3. Pameran Fotoseni 4. Pameran <i>Walking Through A Songline</i> 5. Pameran <i>Single - Anti Panic Buying</i> 6. Pameran Gerak Rupa - Johor 7. Pameran Gerak Rupa - Kedah
		Balai Seni Negara Langkawi	1. Pameran Langkawi Sebelum Bebas Cukai

No.	Set Data	Perincian	(Jan-Dis. 2022)
3	Senarai Pameran	Kerjasama Kedutaan Kerjasama Galeri Swasta / NGO / Kolektor Pameran Bergerak	1. Pameran <i>Walking Through A Songline</i> 1. Pameran Single - <i>Anti Panic Buying</i> By Syafiq Nordin 1. Pameran Gerak Rupa - Johor 2. Pameran Gerak Rupa - Kedah
4	Data Pengunjung	Balai Seni Negara Balai Seni Negara, Langkawi	267,062 2,265
5	Pengunjung Media Sosial Balai Seni Negara	Balai Seni Negara	28,012,707
6	Senarai Nilai Liputan Media	Media Cetak Media Elektronik Media Sosial/digital	RM24,893,786.00
7	Program Khalayak Maya Dalam Talian	Program/Aktiviti Jaringan dan Pendidikan Program Bicara Seni Jejak Seni Malaysia	16 program/aktiviti 6 bicara seni (Jan - Jun 2022)
8	Program <i>Inreach</i> dan <i>Outreach</i> Balai Seni Negara	<i>Inreach</i> (Program/Aktiviti Jaringan dan Pendidikan) <i>Outreach</i> (Program/Aktiviti Jaringan dan Pendidikan) Program <i>Inreach</i> dan <i>Outreach</i> YAE!	47 16 50
9	Insentif dan bantuan kepada Penggiat Industri	Program Buy Art Malaysia Program Tabung Bantuan Seni (TBS)	105 Galeri Swasta 69 pemohonan
10	Senarai Program Rumah Lelong & Pusat Kreatif Rumah Lelong	Masterpieces Malaysia KL Lifestyle Art Space Henry Butcher (Art Auction) Younie's Auction Wells Auction Buy Art Malaysia (Baucer)	RM15,378,142.40 RM4,065,137.00
11	Senarai Kerja-kerja Konservasi di Balai Seni Negara	Pemeliharaan dan Pemuliharaan Bahan Kebudayaan	3,320 karya
12	Senarai Koleksi Seni Negara	Catan, Objek, Kertas (Dari 1958 - 2022)	4,557 karya
13	Senarai Perolehan Koleksi Karya Seni Negara Penganjuran Kursus dan Latihan	Perolehan 2022	17 Perolehan

No.	Set Data	Perincian	(Jan-Dis. 2022)
14	Senarai Kerjasama <i>Memorandum of Understanding</i> (MOU)	Peringkat Negeri Peringkat Antarabangsa	4 Tiada
15	Senarai bahan penerbitan	Buku	Bercetak - 14 Digital - 1
16	Program/Acara Tahunan	1. Pelancaran Kalendar Program 2022. 2. Perasmian Program Kem Seni Pedalaman Bakun (Bakun Experience 2022) Sungai Asap, Belaga, Kapit Sarawak. 3. Perasmian KUL Art Airport bersama MAHB. 4. Perasmian Pembukaan Galeri Balai Seni Negara. 5. Hari Bersama Gardenia & Balai Seni Negara. 6. Perasmian Community Based Tourism (CBT), Langkawi, Kedah. 7. Program Keluarga Seni Malaysia: Seni Di Hati@ Art To Heart 2022. 8. Pelancaran Buku "Colours Of Malaysia The Art Of Amirudin Ariffin". 9. Pelancaran Buku "Projek Rabak:10 Tahun Berkolektif 2011-2011/ Projek Rabak:10 Years of A Colletive. 10. Meraikan Pameran TERA Suatu Ekslamasi Seni Cetak Malaysia Di Balai Seni Negara	10 acara
17	Penganjuran Kursus dan Latihan	Kursus termasuk dalaman dan luaran yang diselarasakan oleh Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	16 kursus

Data Terbuka Kebangsaan (*Open Data*)

- Kesyinambungan daripada tahun 2019, bagi tahun 2022 Unit Permodalan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah menyelaraskan inisiatif Data Terbuka di peringkat Kementerian.
- MAMPU telah mengarahkan MOTAC untuk menyediakan sebanyak 400 set data untuk inisiatif Data Terbuka Kebangsaan yang diterajui oleh Ketua Setiausaha Negara dan ditetapkan sebagai salah satu KPI YBhg. Datuk KSU.

Bil.	Tajuk
1	Data Pameran Balai Seni Negara
2	Data Pameran Balai Seni Negara, Langkawi
3	Data Pengunjung Balai Seni Negara Balai Seni Negara Balai Seni Negara, Langkawi
4	Data Pengunjung Media Sosial Balai Seni Negara
5	Data Program <i>Inreach</i> Balai Seni Negara
6	Data Program <i>Outreach</i> Balai Seni Negara
7	Data <i>Enrolment Program Young Art Entrepreneurs</i> (YAE)
8	Data Senarai Fasilitas di Balai Seni Negara
9	Data Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Balai Seni Negara
10	Data Enrolmen Bakat Muda Sezaman (BMS)
11	Data Pemenang Program Bakat Muda Sezaman (BMS)
12	Data Program <i>Inreach</i> dan <i>Outreach</i> YAE!
13	Data Perkhidmatan yang disediakan oleh Balai Seni Negara
14	Bilangan data bahan penerbitan Balai Seni Negara
15	Data Kerja-kerja Konservasi di Balai Seni Negara

- Untuk tahun ini, Balai Seni Negara telah dapat mengumpulkan sebanyak 25 set data keseluruhan yang telah ditetapkan oleh MOTAC dengan terbitan di laman <http://www.data.gov.my>.

Bil.	Tajuk
16	Data Koleksi Seni Balai Seni Negara
17	Data Penganjurkan Kursus dan Latihan
18	Data Galeri Awam
19	Data Galeri Swasta
20	Data Penerima Tabung Bantuan Seni (TBS)
21	Data Acara dan Program Rasmi
22	Data Ekosistem Jejak Seni Malaysia
23	Data Kerjasama <i>Memorandum of Understanding</i> (MOU)
24	Data Program Khalayak Maya dalam talian
25	Data Nilai Liputan Media



Unit Acara

Seksyen Penyelidikan dan Pembangunan Industri



Tahun 2022 merupakan tahun endemik iaitu pemulihan selepas Malaysia dilanda wabak COVID -19 dan beberapa *Prosedur Operasi Standard* (SOP) telah dilonggarkan untuk majlis rasmi. Justeru, Balai Seni Negara telah mengambil peluang ini untuk menjadualkan semula majlis-majlis perasmian program yang telah dirancang bagi tahun 2022.

Sebanyak 15 majlis perasmian telah diadakan sama ada di Balai Seni Negara ataupun di lokasi program/pameran diadakan. Disenaraikan majlis perasmian, perasmi, tarikh dan juga jumlah khalayak untuk laporan tahun 2022.

Majlis Perasmian di Balai Seni Negara

1. Majlis Pelancaran Kalendar Program 2022 serta penyerahan Baucar Diskaun Pembelian Karya Seni Visual (*Buy Art Malaysia*) - 15 Feb. 2022
2. Pembukaan Semula Galeri Balai Seni Negara - 21 Jun 2022
3. Naidoc Week: *Songlines Exhibition* - 14 Jul 2022
4. Hari Bersama Gardenia - 13 Ogos 2022
5. Program Keluarga Seni Malaysia - 10 Sept 2022
6. Meraikan pameran TERA - Suatu Esklamasi Seni Cetak Malaysia - 12 Nov 2022

Majlis Perasmian di Lokasi Program/Pameran

1. Perasmian *KUL Art Airport* - 3 Mac 2022
2. Program *BAKUN Art Experience 2022* Kem Seni Pedalaman - Sungai Asap Kapit, Sarawak - 28 Mac 2022
3. Perasmian Arca Dasar Laut - 23 Jun 2022
4. Majlis Perasmian Gerak Rupa: Pelukis Kedah Koleksi Balai Seni Negara - 27 Okt 2022
5. Majlis Perasmian Pameran Bergerak: Gerak Rupa, Syed Ahmad Jamal dalam Koleksi Balai Seni Negara - 21 Ogos 2022
6. Perasmian Program *Langkawi International Marble Art Camp* (LAIN MACAM) - 10 Dis 2022

Majlis Perasmian Kerjasama Program

1. Pelancaran Buku *Colours of Malaysia: The Art of Amirudin Arrifin* - 20 Okt 2022
2. Projek RABAK - 10 tahun berkolektif 2011-2021: 29 Okt 2022
3. Projek *Malaysia Fashion: A Journey in Colour* (MODA - Coffee Table Book & Fashion Exhibition) - 1 Dis 2022





MAJLIS PERASMIAN DI BALAI SENI NEGARA

**Pelancaran Kalendar Program Program 2022
Balai Seni Negara serta Penyerahan Baucar
Diskaun Pembelian Karya Seni Visual "Buy Art
Malaysia"**

15 Februari 2022 (Selasa)

2.30 petang

Perasmi: YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri,
Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya

Kehadiran: 200 orang

Majlis Pelancaran Kalendar Program 2022 Balai Seni Negara serta Penyerahan Baucar Diskaun Pembelian Karya Seni Visual "Buy Art Malaysia" telah disempurnakan oleh YB Menteri Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Majlis ini telah berlangsung pada 15 Februari 2022 di Lobi Bangunan Pentadbiran Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara. Turut hadir ke majlis pelancaran ini ialah Datuk Saraya Arbi, TKSU MOTAC, Pengerusi Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, Dato' Indera Tom Abang Saufi, Ketua Pengarah Balai Seni Negara, Encik Amerrudin Ahmad, ahli-ahli Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara dan barisan Pengurusan Tertinggi MOTAC. Majlis ini berlangsung jam 2.30 petang dan turut disiarkan secara langsung di Facebook Balai Seni Negara.



Majlis Pembukaan Semula Balai Seni Negara

21 Jun 2022 (Selasa)

3.00 petang

Perasmi: YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri,
Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya

Kehadiran: 1,000 orang

Pembukaan semula Balai Seni Negara telah diadakan pada 18 Mei 2022 setelah hampir setahun penutupan untuk penaik tarafan bangunan dan galeri. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Menteri Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya dan turut dihadiri oleh Datuk Saraya Arbi, KSU MOTAC, Pengerusi Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, Dato' Indera Tom Abang Saufi, Ketua Pengarah Balai Seni

Negara, Encik Amerrudin Ahmad, ahli-ahli Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, barisan Pengurusan Tertinggi MOTAC, jabatan dan agensi. Dengan pembukaan semula Balai Seni Negara telah membawa Pameran NUSA iaitu Pameran Koleksi Seni Visual Negara yang berlangsung di 5 buah galeri iaitu Galeri REKA, Tun Razak, 2A, 2B dan 3B dengan memaparkan sebanyak 466 buah karya.

Majlis ini juga turut meraikan peserta Bakat Muda Sezaman 2021 (BMS21) iaitu menyaksikan pengumuman dan penyerahan 11 anugerah BMS21 yang bertemakan 'Seni di Lokasi' dan 5 Anugerah Penghargaan.



Perasmian Pameran *Walking Through A Songline*

14 Julai 2022 (Khamis)

3.00 petang

Perasmi: H.E Dr. Justin Lance Lee,

Pesuruhjaya Tinggi Pejabat Kedutaan Australia

Kehadiran: 100 Orang

Walking Through a Songline ialah suatu pengalaman multimedia *pop-up* yang berdasarkan kepada sebahagian daripada pameran Muzium Negara Australia yang bertajuk *Songlines: Tracking the Seven Sisters*. Persembahan perintis ini mengikuti jejak Tjukurrpa (Impian) *the Seven Sisters* merentasi gurun Barat dan Tengah Australia ketika mereka lari dikejar oleh seorang lelaki. Pertembungan mereka terkesan pada bentuk muka bumi yang dilalui dan memberi tunjuk arah untuk mencari makanan dan air serta cara berkelakuan dengan betul.

Setiap perjalanan yang dilakukan oleh nenek moyang turun temurun telah mencipta *Songline*, yang boleh disebut sebagai laluan atau koridor ilmu. Kisah-kisah yang terkandung di dalamnya membentuk sejarah asas benua Australia, sepertimana yang diceritakan oleh para artis, penjaga dan pewaris hak tradisi. Anda akan dapat merasakan perkara ini dalam *Walking Through A Songline*. Ia merupakan suatu pengalaman imersif yang merangkumi pengetahuan kuno dan teknologi baru dan sesuai untuk semua peringkat umur.



Majlis Penyampaian Hadiah dan Meraikan Hari Bersama Gardenia sempena Pameran *Single Anti-Panic Buying*

13 Ogos 2022 (Sabtu)

10.00 pagi

Tetamu Kehormat: YBrs. Puan Hazlinah Harun,
Pengurus Besar Hal Ehwal Korporat &
Perhubungan Awam, Gardenia Bakeries (KL) Sdn
Bhd

Kehadiran: 600 Orang

Selaras dengan penganjuran Pameran '*Anti-Panic Buying*' oleh Syafiq Nordin menerusi Hanya Satu (*Single*), Balai Seni Negara dengan kerjasama Gardenia Bakeries KL telah mengadakan Hari Bersama Gardenia dengan pertandingan mewarna dan bicara seni bertajuk Trend Karya Seni Ketika Pandemik '*Anti-Panic Buying*'.

Majlis Penyampaian Hadiah dan Meraikan Hari Bersama Gardenia sempena Majlis Pameran '*Anti-Panic Buying*' Syafiq Nordin yang telah berlangsung bersempena Majlis Pembukaan semula galeri Balai Seni Negara





Perasmian Program Keluarga Seni Malaysia: Seni Di Hati@ Art To Heart 2022

10 September 2022

10.30 pagi

Perasmi: YBhg. Datuk Hajah Saraya binti Arbi
Ketua Setiausaha, Kementerian, Pelancongan,
Seni dan Budaya

Kehadiran: 4000 orang

Bersempena program Keluarga Seni Malaysia: Seni Dihati @ Art to Heart ini, kemeriahan ekosistem seni diperlihatkan sepanjang program berlangsung yang melibatkan golongan usahawan muda, kekreatifan idea, kearifan seni serta kelestarian perkongsian ilmu seni. Program ini juga mengangkat kreativiti seni dari golongan orang kurang upaya yang turut sama terlibat dalam merencanakan program ini.

Konsep Keluarga Seni Malaysia diterapkan kerana keutuhan negara terikat dengan nilai-nilai didikan sempurna dalam sesebuah keluarga. Kita adalah sebagai satu keluarga tanpa mengira agama, bangsa dan kaum. Seni itu sendiri adalah penyambung atau penghubung dalam teras asas perpaduan.





MERAIKAN PAMERAN TERA! Suatu Eksklamasi Seni Cetak Malaysia

12 November 2022 (Sabtu)

12.30 tengah hari

Perasmi: YBrs. Dr. Mohd Jamil Mat Isa,
Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Seni Halus,
Kolej Pengajian Seni Kreatif (UiTM Shah Alam)

Kehadiran: 150 orang

Pameran TERA! Suatu Eksklamasi Seni Cetak Malaysia yang merupakan satu peninjauan konvensional dan kontemporari menyajikan seleksi koleksi seni cetak oleh pengkarya Tan Tee Chie, Lim Mu Hue, Lee Joo For, Long Thien Shih, Choong Kam Kow, Ahmad Khalil Yusof, Ponirin Amin, Ismail Zain, Sulaiman Esa, Redza Piyadasa, Lee Kian Seng, Zulkifli Yusof, Ilse Noor, Raja Zahabuddin, Ismail Hashim, Fatimah Chik, Sharifah Fatimah Syed Zubir, dan Ahmad Fuad Osman. Pameran ini bermatlamat untuk

meninjau semula perkembangan seni cetak tanah air bersama sekumpulan pengamal seni cetak kontemporari negara. Pameran ini menelusuri sejarah awal percetakan di Malaysia sehingga kini.

Menarik dalam pameran kali ini, pengkarya jemputan yang terdiri dari Juhari Said, Awang Damit Ahmad, Jalaini Abu Hassan, Shahrul Jamili, Shamsudin Wahab, Faizal Suhif, Stephen Menon, Fadhli Mokhtar, Hafiz Shahimi, Rizo Leong, Jerome Manjat, Agnes Lau dan Fadhli Ariffin akan menampilkan satu persembahan inovasi karya seni cetakan alternatif dari pengolahan bahan dan aspek teknikal yang dilakukan bagi membentuk kesan-kesan cetakan di luar dari aspek cetakan konvensional ke arah seni cetak kontemporari.

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM/PAMERAN DI LOKASI LUAR

Perasmian Pameran *KUL Art Airport*

Tarikh: 9 April 2022 (Sabtu)

Masa: 3.00 petang

Tempat: Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur

Perasmi: YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri,
Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya

Kehadiran: 250 Orang

LPSVN dengan kerjasama Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) telah mengadakan pameran *KUL Art Airport* bagi mengangkat seni tempatan untuk sorotan mata dunia di pintu masuk utama negara. KUL Art direalisasikan dalam bentuk karya seni arca awam di empat buah Lapangan Terbang Antarabangsa iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. *KUL Art Airport* merupakan sebuah inisiatif Balai Seni Negara dengan kerjasama Malaysia Airports



Holding Berhad (MAHB) dalam merealisasikan karya seni awam di empat buah Lapangan Terbang Antarabangsa kendalian MAHB. Selain bertujuan menambah baik faktor keselesaan dan bersifat mesra pelanggan di ruang lapangan terbang kepada pelancong domestik dan antarabangsa, projek ini juga memberi peluang kepada seniman tempatan untuk menerokai dan memperkenalkan identiti seni dan budaya di platform antarabangsa. Pendekatan ini juga sejajar dengan konsep Seni di Lokasi yang diperkenalkan oleh Balai Seni Negara malah dilihat dapat menjadi salah satu projek seni karya

awam yang mengangkat seniman tempatan dalam mempromosi karya seni di pintu masuk negara.



Perasmian Program BAKUN Art Experience - 2022: Kem Seni Pedalaman

Tarikh: 28 Mac 2022 (Isnin)

Masa: 11.00 Pagi

Tempat: Dewan Lamin Adet Bangen Kimet Uma Baha, Sg. Asap Apau Koyan

Perasmi: YBhg. Dato' Indera Dayang Fatimah Tom Abang Saufi, Pengerusi Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara

Kehadiran: 500 orang

BAKUN Art Experience merupakan agenda baru LPSVN dalam membangunkan ekosistem seni Malaysia yang melibatkan kreativiti dan pengalaman pelukis bersama komuniti lokal di kawasan pedalaman. Program ini berteraskan landskap ekosistem seni yang kondusif, memperkasakan pembangunan produk seni dan membuka ruang kepada penggiat seni beraksi dengan lebih luas serta melahirkan usahawan seni di kalangan masyarakat lokal setempat dalam menggalakkan penghasilan produk seni, budaya dan warisan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Indera Dayang Fatimah Tom Abang Saufi, Pengerusi LPSVN pada 28 Mac 2022. Pengalaman Seni di Bakun adalah salah satu usaha yang di angkat oleh Balai Seni Negara dalam membangunkan ekosistem seni Malaysia. Program ini melibatkan kreativiti dan pengalaman pelukis bersama komuniti setempat di kawasan pedalaman. Seramai 20 orang artis yang terpilih telah membina karya di lokasi yang ditetapkan dengan tema 'eco art'. Antara objektif program ini adalah untuk mengenali budaya yang lain. Ia bagi memberi lebih pemahaman serta menghormati kepelbagaian budaya yang terdapat di negara ini. Menerusi program ini juga, ia dapat mewujudkan perkongsian pengalaman dan pengetahuan dalam mewujudkan beberapa karya di lokasi yang terlibat.







Perasmian Program *Community Base Tourism*: Arca Dasar Laut Pulau Langkawi

Tarikh: 23 Julai 2022 (Sabtu)

Masa: 7.30 pagi

Perasmii: YB Menteri Dato' Sri Hajah Nancy Shukri,
Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya

Tempat: Pengkalan Kampung Kubang Badak,
Langkawi, Kedah

Kehadiran: 500 orang

Program *Community Based Tourism* (CBT), Arca Dasar Laut di Pulau Langkawi merupakan sebuah program yang dianjurkan oleh Balai Seni Negara dengan kerjasama beberapa pihak antaranya *Marine Research and Excellent Centre* (MAREC) UITM Perlis, Lembaga Pembangunan Langkawi, Pelancongan Seni dan Budaya Negeri Kedah, *Geopark* Langkawi, Jabatan Perikanan Malaysia dan Polis Marin Langkawi.

Sejumlah 9 buah karya telah disiapkan oleh 9 orang artis yang berpengalaman yang terpilih dalam program ini. Mereka telah bersama-sama komuniti setempat yang terdiri daripada para nelayan, operatus selam skuba dan artisan tempatan dalam penghasilan karya arca ini. Mitos dan legenda Pulau Langkawi akan diangkat sebagai rujukan dalam penghasilan arca. Bahan simen konkrit yang telah dirawat dijadikan bahan utama karya dan bahan ini bersifat mesra kepada ekosistem dan ekologi marin.

Program ini telah dirasmikan pada 23 Julai 2022 oleh YB Menteri Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya dan turut dihadiri oleh Datuk Saraya Arbi, KSU MOTAC, Pengerusi Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, Dato' Indera Tom Abang Saufi, Ketua Pengarah Balai Seni Negara, Encik Amerrudin Ahmad dan ahli-ahli Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara.





Majlis Perasmian Pameran Bergerak: Gerak Rupa, Syed Ahmad Jamal Dalam Koleksi Balai Seni Negara

Tarikh: 21 Ogos 2022 (Ahad)

Masa: 2.30 petang

Tempat: Galeri Seni Johor

Perasmi: Encik Sharil Nizam bin Abdul Rahim,
Pengarah Yayasan Warisan Johor

Kehadiran: 150 orang

Majlis Perasmian Pameran Bergerak Gerak Rupa: Syed Ahmad Jamal Dalam Koleksi Balai Seni Negara telah disempurnakan oleh Pengarah Yayasan Warisan Johor, Encik Sharil Nizam bin Abdul Rahim pada 21 Ogos 2022 bertempat di Dewan Utama Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar.

Pameran Bergerak ini merupakan inisiatif Balai Seni Negara dalam berkongsi khazanah negara yang bertujuan merakamkan karya Koleksi Seni Visual Negara untuk di pameran di galeri-galeri seni dan muzium terpilih di seluruh negara. Selaras dengan visi Balai Seni Negara dalam memupuk kesedaran, kefahaman dan penghayatan terhadap seni di kalangan lapisan masyarakat tempatan.



Majlis Perasmian Gerak Rupa: Pelukis Kedah Dalam Koleksi Balai Seni Negara

Tarikh: 27 Oktober 2022 (Khamis)

Masa: 2.30 petang

Tempat: Balai Seni Negeri Kedah

Perasmi: YBhg. Prof Madya Jalaini Abu Hassan, Ahli Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara

Kehadiran: 150 orang

Majlis Perasmian Pameran Gerak Rupa Pelukis Kedah Dalam Koleksi Balai Seni Negara di Balai Seni Negeri Kedah yang dirasmikan oleh YBrs. Prof. Madya Jalaini Bin Abu Hassan, Ahli Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara pada Khamis 27 Oktober. Turut hadir pada majlis ini Ketua Pengarah Balai Seni Negara, YBrs. En. Amerrudin Ahmad, YBrs. En. Suhaidi Bin Shukri, Pengarah,

Lembaga Muzium Negeri Kedah, YBrs. En. Anuar Bin Abdul Razak, Pengarah, Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Kedah. YBrs. Dr. Hajah A'Aishah Binti Abdul Latiff, Yang Dipertua, Angkatan Pelukis Kedah, Yang Dihormati, Pn. Nornisa Binti Asmaran, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Sains Sosial Jabatan Pendidikan Negeri Kedah.

Pameran Bergerak ini merupakan inisiatif Balai Seni Negara dalam berkongsi khazanah negara yang bertujuan merakmatkan karya Koleksi Seni Visual Negara untuk di pameran di galeri-galeri seni dan muzium terpilih di seluruh negara. Selaras dengan visi Balai Seni Negara dalam memupuk kesedaran, kefahaman dan penghayatan terhadap seni di kalangan lapisan masyarakat tempatan.

Perasmian Program Langkawi International Marble Art Camp "LAIN MACAM" 2022

Tarikh: 10 Disember 2022 (Sabtu)

Masa: 11.30 pagi

Perasmis: YBrs. Encik Mohd. Yusri bin Mohd. Yusoff,
Timbalan Ketua Setiusaha (Kebudayaan)

Tempat: Dikaki Tower House Gunung Raya,
Langkawi

Kehadiran: 150 Orang

Langkawi International Marble Art Camp atau LAIN MACAM merupakan program khas Balai Seni Negara Langkawi yang dianjurkan secara dwi tahunan. Program ini merupakan rentetan *International Marble Art Camp (IMAC)* yang pernah diadakan pada tahun 2019 dan 2021.





“LAIN MACAM” boleh diertikan sebagai akronim Langkawi International *Marble Art Camp* atau slanga yang biasanya dikaitkan dengan ekspresi sesuatu kejadian yang luar biasa; aneh, pelik dan unik.

Program ini masih mengekalkan penggunaan batu pualam Langkawi sebagai bahan utama dan kali ini terbuka menggunakan gabungan bahan lain dalam penghasilan karya.

**MAJLIS PERASMIAN KERJASAMA PROGRAM
DI BALAI SENI NEGARA**





Pelancaran Buku “*Colours of Malaysia: The Art of Amirudin Ariffin*”

Tarikh: 20 Oktober 2022 (Khamis)

Masa: 5.30 petang

Perasmi: YBhg. Dato’ Indera Dayang Fatimah Tom Abang Saufi, Pengerusi Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara

Kerjasama: Sunway University Press dan Majlis Buku Negara

Kehadiran: 150 orang

Balai Seni Negara dengan kerjasama *Sunway University Press*, Majlis Buku Negara dan Kementerian Pendidikan Malaysia telah bersama-sama meraikan pelancaran buku *Colors of Malaysia: The Art of Amirudin Ariffin* di Balai Seni Negara.

Buku yang ditulis oleh Profesor Graeme Wilkinson dan Cik Bo Li ini adalah terbitan khas mengenai karya pelukis Amirudin Ariffin dan julung


kali menampilkan pilihan susun atur lukisan minyak dan cat air pelukis dari tahun 1986. Karya-karya Amirudin kebanyakannya berkisar mengenai kehidupan masyarakat luar bandar dan persekitaran semula jadinya. Beberapa karya beliau telahpun menjadi Koleksi Seni Visual Negara dan telah banyak menjadi koleksi persendirian dan beberapa syarikat besar sama ada di peringkat tempatan dan antarabangsa di Asia, Amerika Utara dan juga Eropah.



Pelancaran Buku “Projek Rabak: 10 Tahun Berkolektif 2011-2021”

Tarikh: 29 Oktober 2022 (Sabtu)
Masa: 3.00 petang
Kehadiran: 100 orang

Buku Projek Rabak: 10 Tahun Berkolektif 2011-2021 ini merupakan buku pertama dalam sejarah seni-budaya Malaysia yang merakam perkembangan sebuah kolektif dan terbitan pertama seumpamanya merujuk topik berkolektif.



Buku ini adalah hasil rangkuman penulisan oleh Mohd Jayzuan, SEFA, A.R. Shah, Sheena Baharudin, Syed Omar Husain, Nur Hanim Khairuddin, Dhan Illiani Yusof, Jack Malik, Ridhwan Saidi, Lara Hassan, Zikri Rahman, Raneerim, Abdul Hafidz Adam, Florence Lambert, Awang Ketut, Hadri Shah, Azizul Abdul Latiff, Tuk Kura, Riduan A.dullah, Hasnul Rahmat dan Fathullah Luqman Yusuff ini

Pelancaran ini juga dimeriahkan dengan majlis kenduri kampung yang diadakan secara santai di kawasan Rumah Degil dengan hidangan menu kampung serta hiasan bunga manggar.



Perasmian Pameran dan Pelancaran Buku oleh Malaysia Official Designers Association (MODA)

Tarikh: 1 Disember 2022 (Khamis)

Masa: 10.00 pagi

Perasmi: YBhg Dato' Indera Dayang Fatimah Tom
Abang Saufi, Pengerusi Lembaga Pembangunan
Seni Visual Negara

Kehadiran: 200 orang

MODA meraikan ulang tahun ke-30 dengan pelancaran pameran di Balai Seni Negara. Program ini disertai oleh puluhan pereka fesyen terkenal antaranya 3duelabel, Shikah Grover, Ashley Wong, Victor Khoo dan ramai lagi.

Bersama-sama majlis ini juga telah dilancarkan buku yang memaparkan usaha tegar MODA yang selama ini menyokong peningkatan dalam memperkasaan industri fesyen negara. Buku ini turut memuatkan coretan dan sejarah perjalanan MODA sejak 30 tahun lalu serta himpunan profil dan karya seni eksklusif 38 orang pereka fesyen terkenal tempatan dan ahli-ahli MODA.

Cawangan Pembangunan Usahawan dan Industri

Seksyen Penyelidikan dan
Pembangunan Industri



Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan	Status
1.	Pengarah, Kurator	S52	1	Tetap
2.	Kurator	S48	1	Tetap
3.	Kurator	S41	1	Tetap
4.	Penolong Kurator	S29	1	Tetap
5.	Pembantu Tadbir	N19	2	Tetap
6.	Pembantu Operasi	N11	1	Tetap

Cawangan Pembangunan Usahawan & Industri di bawah Seksyen Penyelidikan & Pembangunan Industri, Bahagian Media & Pembangunan Seni, memainkan peranan untuk membina jaringan perhubungan dengan pemain-pemain industri seni visual tanah air. Cawangan ini berperanan dalam membangunkan empat (4) buah program utama iaitu:

1. Jelajah Keusahawanan Seni (JKS)
2. *Young Art Entrepreneurs* (YAE!)
3. Platform dalam talian portal GoGalleryMY
4. Pemberian *Baucar Buy Art Malaysia* (BUY)
5. *Art Marketplace - "ArtEdecor & All Out 2022"*

Melalui kelima-lima program tersebut diharapkan mampu memastikan LPSVN sentiasa mendapat maklumat terkini mengenai pergerakan seni visual tempatan serta menjadi pusat rujukan dalaman bagi menyalurkan informasi terkini berkaitan industri seni visual Malaysia dan antarabangsa.

Terdapat pelbagai program yang telah dirancang sepanjang tahun 2022, program yang dirancang ini bertujuan menyemarakkan seni visual tempatan melalui usaha memperkenalkan program Jelajah Keusahawanan Seni kepada semua penggiat seni tanpa mengira umur dalam membantu memberi nilai tambah kepada penggiat seni untuk mendalami ilmu keusahawanan bagi membantu memasarkan hasil kreativiti mereka.

Selain itu, program pemberian Baucar Jualan Karya Seni "*Buy Art Malaysia*" juga telah dijalankan bagi tahun 2022 sekaligus membantu merancakkan industri seni negara. Cawangan ini juga berperanan sebagai penyelaras utama Program *Young Art Entrepreneurs* (YAE!), sebuah program latihan keusahawanan khusus untuk artis muda memperlengkapkan diri dengan ilmu keusahawanan bagi menjadi usahawan seni yang berdaya maju dan berdaya saing dalam industri kreatif negara.

Fungsi

- a) Menjalinkan hubungan strategik dengan pemain industri seni visual.
- b) Mengurus, menyedia dan menyelaras pengumpulan data dan maklumat lelongan seni atau program 'start-up' yang berkaitan industri seni visual negara.
- c) Merangka dan melaksanakan program keusahawanan pelukis dengan memperkenalkan program 'Art-Preneur' sebagai usaha transformasi LPSVN.



JELAJAH KEUSAHAWAN SENI

Cawangan ini telah merancang untuk menjalankan program Jelajah Keusahawanan Seni bagi tahun 2022 untuk memenuhi permintaan dari penggiat seni agar disebarluaskan lagi ilmu keusahawanan seni bermulanya program ini dijalankan pada tahun 2021. Sepanjang tahun 2022 terdapat 5 buah lokasi telah dikenal pasti. Program ini berjaya dilaksanakan di beberapa buah lokasi seperti Bakun, Sarawak, Duyong Art Gallery, Kuala Terengganu, Galeri Seni Lukis Negeri Perlis, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan tambahan satu lagi program Seni dan Usahawan di Kampung Budaya, Sarawak. Selain dari perkongsian ilmu oleh *Business Coach*, pihak Balai Seni Negara juga menjemput Pakar Rujuk setempat seperti Encik Fadly Sabran dari Kapallorek Artspace, Encik Naquib Mohammad dari Duyong Art Gallery, Encik Rizo Leong dari Pangrok Sulap dan Encik Ashwein dari HAUS Kuching. Ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kesemua peserta tentang kegiatan seni yang boleh menjana ekonomi melalui kreativiti yang ada serta gabungan kumpulan-kumpulan seni.

Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan peserta memberi maklum balas yang baik setelah ia berakhir. Program ini juga telah memberi manfaat kepada 130 orang peserta. Perkongsian di BAKUN, Sarawak juga telah berjaya diadakan bersempena dengan program Kem Seni Pedalaman di mana perkongsian oleh Alumni YAE! iaitu Encik Thanesh Kichi dan Encik Emir Nazren telah diadakan. Perkongsian turut disertai oleh Encik Ashwein dari Harapan Anak Urang Sarawak (HAUS), Kuching yang merupakan pertubuhan NGO yang melibatkan komuniti seni setempat.



PROGRAM YOUNG ART ENTREPRENEURS (YAE!)

YAE! diperkenalkan bagi menyediakan pakej untuk pelukis muda memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri keusahawanan untuk menjadi usahawan seni yang berdaya maju dan berdaya saing. Dengan mempelajari sisi perniagaan dalam bidang seni, peserta dapat mengorak langkah membina kerjaya yang diinginkan berdasarkan minat, kebolehan dan bakat yang dimiliki peserta. Program ini juga membolehkan peserta membina perniagaan sendiri dalam suasana yang terancang dengan bantuan secara *hands-on*.

Pada tahun ini, program YAE! Menerima sejumlah 19 penyertaan dan kesemua kelas dapat dijalankan secara fizikal. Selain dari kelas berbentuk teori tentang ilmu keusahawanan program ini juga dijalankan secara '*hands on*' di mana sebanyak 52 program jualan seni dan demonstrasi telah disertai oleh peserta YAE! ini.



KERANGKA PROGRAM

Business Coaching

Kelas keusahawanan dijalankan selama 4 bulan bagi MERANCANG, MEMBINA DAN MENYUSUN perniagaan peserta dengan memfokuskan ke arah keuntungan, produktiviti, pertumbuhan, pembangunan dan kemampunan perniagaan peserta.

Kelas juga dijalankan secara langsung dan buat julung kalinya diperkenalkan *Business Model Canvas* (BMC) di mana ia merupakan *roadmap* yang begitu diperlukan bagi menjalankan perniagaan dan menyasarkan keuntungan perniagaan.



IR. MOHD ADIB NOH

Ir. Mohd Adib Noh is a project management consultant and the principal of XPROJECT MANAGEMENT. He was graduated with a Bachelor in Civil Engineering from Sheffield University. He was also a G7 Contractor from 1984 to 2016 where he serve in Kumpulan Perangsang Selangor Berhad, a Government Linked-Company (GLC) involving in property development in Selangor and Kuala Lumpur.

In 2012, he was engaged by CIDB to be on the Working Group for Green Technology in Construction Industry and to review the Construction Industry Master Plan. In 2017, he was appointed as a Business Coach by Centre of Excellence for Entrepreneur Development and Research (CEDAR) under SME Bank.

DIN DERAMAN

BizCoach Din Deraman @ Salahuddin Bin Deraman is an Inspiration Speaker and Motivator, a Practitioner Professional Business Coach and Practitioner Professional Learning Facilitator as well as a Certified NLP Practitioner and Certified NLP Coach.

He graduated in Civil Engineering from Universiti Teknologi Malaysia (UTM) and Business Administration from Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). He also serves as a Business Counselor (BizKounselor) National Entrepreneurship Institute (INSKIE) and Mentor for The Star Mentoring Program (Technology Park Malaysia-TPM) and Business Coach (BEACON @ CEDAR-SME Bank).




Bala, Seri Negeri
 info@yae!my
 youngartentrepreneurs
 Bala, Seri Negeri
 National Art Gallery Malaysia
www.artgallery.gov.my

Young Art Entrepreneurs (YAE!) Sesi 1/2022

Program YAE! Sesi 1/2022 telah bermula pada 20 Jun – 20 Oktober 2022. Penyertaan kemasukan ke program YAE! 2022 telah dibuka dan diiklankan di media sosial Balai Seni Negara pada 28 Disember 2022. Pihak urus setia telah menerima sebanyak 39 permohonan dan sesi temu duga telah dijalankan pada Isnin, 4 April 2022. Ia melibatkan pengambilan seramai 19 orang peserta daripada pelbagai latar belakang pendidikan dalam bidang seni, namun 3 peserta telah menarik diri atas pelbagai sebab yang tidak dapat dielakkan. Selain daripada menjalani latihan seperti yang termaktub dalam kerangka program, peserta-peserta juga turut menjalankan pelbagai aktiviti lain bagi menyokong pembangunan insaniah peserta terutama dalam

aspek kepimpinan, komunikasi, kemahiran perniagaan sebenar, semangat kerja berpasukan dan penyelesaian konflik.

Pakar-pakar rujuk di dalam pelbagai bidang seni juga telah dijemput sebagai satu bentuk perkongsian kepada peserta iaitu; En. Kenny Teng dari G13 Gallery, Pn. Low Ngai Yuen dari Kakiseni dan En. Nor Azmi Sulong dari ArtEdecor.

Senarai Peserta

No.	Nama	Email	Alamat	Institusi Pengajian	Akademik
1	Ahmad Faiz Bin Mohammed Fisol	ahmadfaizmohdfisol@gmail.com	Pulau Pinang	UiTM Shah Alam, Selangor	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik
2.	Ahmad Khalil Bin Khaledi	khalilst3@gmail.com	Johor	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	Bachelor of Computer Aided Design
3.	Atifah binti Ridha Allah	atifahstress@gmail.com	Negeri Sembilan	Upper Iowa University Malaysia Division (UIU Malaysia Office)	Bachelor of Science in Psychology
4.	Awal Ramad Bin Mohd Sabri	awalramad0@gmail.com	Kelantan	ASWARA	Ijazah Sarjana Muda Rekaan Seni Persembahan
5.	Chelsea Jade Penafort	chelseapenafort@gmail.com	Selangor	City, University of London	Bachelor of Laws
6.	Ezaira Ezaty Binti Hamzah	eezairahamzah@gmail.com	Selangor	University Selangor	Bachelor in Digital Graphic Design
7.	Leong Sok Yeng	sokyeng.lart@gmail.com	Selangor	Malaysia Institute of Art	Diploma in Illustration

No.	Nama	Email	Alamat	Institusi Pengajian	Akademik
8.	Lim Ming Guang	jacoblmg@icloud.com	Selangor	Cambridge Assessment International Education	
9.	Lim Sheng Feiyan	fayelims@gmail.com	Kuala Lumpur	General Assembly Malaysia	Certificate of Completion in Digital Marketing
10.	Mohd Hafizal Bin Zahari	izalsk8882005@yahoo.com	Kuala Lumpur	Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC)	Bachelor of Arts (Hons) in Graphic Design
11.	Muhammad Noorhafiz Bin Zaini	noorhafizzaini@gmail.com	Selangor	Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka	Diploma Seni Halus
12.	Ng Sueh Yi	hello.cross@hotmail.com	Kuala Lumpur	Taylor's University	Bachelor of Science
13.	Nur Aina Mardhia Mohd Esmadi	ainamardhiamohdesmadi@gmail.com	Pulau Pinang	Claremont Graduate University	Master of Arts In Art Business and Fine Art
14.	Nur Hanisah Binti Zakaria	ain.hanisah@gmail.com	Kedah	Universiti Malaya (UM)	Bachelor of Finance
15.	Nur Hazimah Abu Harith	artsyjimeow@gmail.com	Selangor	UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam (Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor)	Bachelor of Science (Hons) Architecture
16.	Nurmaizurah Binti Jamaludin	maizurahjm03@gmail.com	Kuala Lumpur	Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka	Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan
17.	Tunku Nurhabibah Binti Tunku Ahmad Akhyar	bibahtunku@gmail.com	Kuala Lumpur	UITM, Sri Iskandar Perak	Diploma in Fine Arts
18.	Vishalini A/P Kumar	arsynsha@gmail.com	Pahang	Kolej Yayasan Pahang	Diploma in Graphic & Multimedia Design
19.	Wong Sze Yoong	wsyoong95@gmail.com	Kuala Lumpur	University of Science, Malaysia (USM)	Bachelor of Fine Arts



- ✉ books@wiley.com
- ✉ customerservice@wiley.com
- ✉ youngandbright@wiley.com
- ✉ editors@wiley.com
- ✉ feedback@wiley.com
- ✉ marketing@wiley.com
- ✉ subscriptions@wiley.com
- ✉ webmaster@wiley.com

Abstract

Senarai Program *Inreach* dan *Outreach* Yae! 2022

- | | | | |
|----|--|----|---|
| 1 | <i>Bad Taste an Illustration Exhibition</i> | 37 | Arca Dasar Laut (Alumni YAE!) |
| 2 | <i>Acrylic Painting Workshop</i> | 38 | <i>Go Tutorial (Sharing Session)</i> bersama panel jemputan Encik Azmi Sulong |
| 3 | <i>Glam 'N' Glits</i> | 39 | <i>Go Tutorial (Sharing Session)</i> bersama panel jemputan Encik Kenny Teng |
| 4 | Citrawarna Keluarga Malaysia 2022 (Alumni YAE!) | 40 | <i>The Godown Artist Market</i> |
| 5 | <i>Doodle Gathering</i> | 41 | <i>Classic Malaysian Moments</i> (Aeon Retail) |
| 6 | Hari Kraf Kebangsaan | 42 | <i>Go Tutorial (Sharing Session)</i> bersama panel jemputan Low Ngai Yuen |
| 7 | <i>Acrylic Painting Workshop</i> | 43 | <i>Young Crafter for Asian</i> (YOCA) |
| 8 | <i>ArtEDecor 2022</i> (Alumni YAE!) | 44 | Keluarga Seni Malaysia (Peserta YAE!) |
| 9 | "Program KemSeni Pedalaman: <i>Bakun Art Experience 2022</i> (Alumni YAE!) | 45 | <i>Women's Aid Organisation, WAO Fest 2022</i> |
| 10 | Malaysia Grand Bazaar (Alumni YAE!) | 46 | Festival Permainan Malaysia Kuala Lumpur 2022 |
| 11 | Hari Tanpa Kenderaan | 47 | Program Balai Seni Negara bersama komuniti Simunjan Sarawak |
| 12 | Tunku Azizah Fertility Foundation (TAFF) | 48 | Program <i>World Mental Health Day 2022</i> |
| 13 | <i>Collage, Colours, and Coffe</i> | 49 | <i>World Islamic Tourism Conference and Travel Mart</i> |
| 14 | <i>Acrylic Painting Workshop</i> | 50 | Program Pengukuhan Minda Usahawan Seni YAE! 2022 |
| 15 | Messy Raya Market | 51 | <i>Master Class</i> Karnival Bentong Kampungku 101 |
| 16 | Raya Hype Club | 52 | Program Juh Berami@komuniti Samariang |
| 17 | <i>Coffe Conundrum</i> | 53 | Program Juh Seni@komuniti Tabuan Melayu |
| 18 | <i>The Artisans Haven</i> | | |
| 19 | <i>Acrylic Painting Workshop</i> | | |
| 20 | Mural Project, Jerantut Hill Resort | | |
| 21 | <i>Zoom Art Class</i> | | |
| 22 | Malaysia Grand Bazaar (Alumni YAE!) | | |
| 23 | <i>Explore Your Art Journey</i> | | |
| 24 | Isetan x <i>Happy Dumpy</i> | | |
| 25 | <i>Acrylic Painting Workshop</i> | | |
| 26 | <i>Rural Creative Culture</i> | | |
| 27 | <i>Plushie Workshop</i> | | |
| 28 | Kelas Young Art Entrepreneurs (YAE!) 1/2022 | | |
| 29 | <i>Ceramic Exhibition</i> | | |
| 30 | <i>Comic Workshop</i> | | |
| 31 | <i>From Doodle to Duit</i> | | |
| 32 | <i>Project Mirro TV3</i> | | |
| 33 | Program Kempen Semarak Budi Bahasa Kita | | |
| 34 | <i>Daun Concrete Planter Workshop</i> | | |
| 35 | <i>Ceramic Exhibition</i> | | |
| 36 | <i>Batik Workshop by Tenung Art Exhibition</i> | | |



Pameran Produk Akhir Peserta YAE!

Program YAE! bagi sesi 1/2022 diakhiri dengan satu pameran yang menghimpun kesemua peserta bertempat di GMBB.KL, Bukit Bintang pada 17 - 26 Februari 2023. Di samping itu, seramai 16 peserta YAE! juga turut terlibat dalam pameran ini bagi membuat '*business pitching*' secara langsung serta cadangan-cadangan perniagaan melalui ilmu keusahawanan yang telah mereka pelajari di dalam program ini sekaligus mempamerkan hasil karya mereka kepada penggiat seni di Malaysia. Pihak Balai Seni Negara telah mendapat kerjasama dari pihak GMBB.KL yang menaja lokasi pameran dan majlis perasmian. Kerjasama ini membuktikan bahawa program ini mampu menarik perhatian pihak luar dalam mengembangkan kerjasama dan jaringan perniagaan.



PLATFORM DALAM TALIAN PLATFORM GOGALLERY.MY

Balai Seni Negara membangunkan portal www.gogallery.my sebagai hab maklumat komuniti seni visual kepada masyarakat umum. Portal ini menggunakan kaedah perkongsian sumber antara agensi dan penggiat seni. Penggiat Seni boleh mendaftar dan memuat naik kandungan yang ingin dikongsikan kepada masyarakat, sekaligus mampu mempromosikan karya dan perkhidmatan masing-masing kepada orang ramai. Antara segmen menarik di dalam *Gogallery.my* adalah -

1. Virtual Art Class
2. Virtual Art Gallery
3. Virtual Art Talk
4. Penulisan Seni

5. *Young Art Entrepreneur (YAE!) Online*
6. *Street Art - Mural and graffiti artist online*
7. Memperkenalkan pelukis potret dan karikatur, serta tempahan terus kepada pelukis
8. Koleksi Tetap - *Collection Study Room*

Objektif Penubuhan Portal Gogallery

Portal *gogallery.my* berperanan untuk membantu penggiat seni semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini dilaksanakan dengan menghargai perkongsian aktiviti yang dimuatnaik seperti, Video Tutorial Membuat Karya, *Virtual Art Class*, Penulisan Seni, *Virtual Gallery*, *Art Talk* dan aktiviti seni berkaitan. Perkongsian yang menarik akan menerima saguhati bernilai RM 500 bagi setiap karya yang dimuatnaik. Justeru, penggiat seni visual akan mendapat manfaat dari platform ini. Balai Seni Negara juga membawakan Koleksi Seni Negara melalui media sosial mereka. Keahlian terkini pendaftaran penggiat seni adalah seramai 720 orang. Pada tahun ini sebanyak RM48,000.00 telah disalurkan kepada penggiat seni melalui penyertaan sebanyak 98 buah karya seni. Jumlah video tutorial yang telah dimuatnaik di portal *gogallery.my* adalah sebanyak 357 video.

Perancangan di masa hadapan agar portal *gogallery.my* menjadi ruang untuk penggiat seni mendapatkan *pasif income* dengan memuatnaik kandungan seni yang bermanfaat seperti: Video Tutorial, Penulisan Seni dan Ulasan Pameran.



PEMBERIAN BAUCAR “BUY ART MALAYSIA (BUY)”

Cawangan ini sekali lagi diberi kepercayaan untuk melaksanakan Program Pemberian Baucar Diskaun Pembelian Karya Seni Visual Keluarga Malaysia. Ia merupakan lanjutan dari “Program Aspirasi Keluarga Malaysia” peringkat MOTAC pada tahun 2021 dengan pemberian baucar diskaun pembelian karya seni visual Malaysia yang bernilai RM 500.00 dan RM1,000.00 kepada para peminat seni.

Program pemberian baucar diskaun ini bertujuan untuk merencanakan semula industri seni visual tanah air di Malaysia dengan dana sebanyak RM1.2 juta.

PROGRAM PEMBERIAN BAUCAR DISKAUN PEMBELIAN KARYA SENI VISUAL

Kaedah Tuntutan Bayaran Balik Baucar Diskaun

Bagi tujuan pembelian dan tuntutan bayaran balik diskaun yang diberikan oleh pihak yang terlibat kepada Balai Seni Negara, langkah-langkah berikut perlu diikuti:

- Perjual perlu membuat pengesahan penggunaan kod baucar dengan mendaftar sebagai perjual di laman sesawang Balai Seni Negara dan membuat tuntutan baharu bagi setiap karya yang terjual.
- Perjual juga perlu mengesahkan kod dan pembelian pembelian di laman sesawang tersebut termasuk membuat rujuk bukti pembelian sama ada resit atau invoice.
- Di akhir program, perjual perlu menghantar keseluruhan dokumen asal secara online cetak ke Balai Seni Negara melalui maklumat perjual karya dan bukti pembelian asal melalui urusan untuk pemrosesan tuntutan wang oleh Seksyen Kawangan, Balai Seni Negara.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI

BALAI SENI NEGARA - (03-4026 7000)
 Enik Muhammad Gamar bin Wahid - (03-4026 7000 ext: 225) (gamar@artgallery.gov.my)
 Enik Hakim Iskandar Bin Zulkarnain - (03-4026 7000 ext: 385) (iskander@artgallery.gov.my)
 Cik Marlisa A/P Anthonyamy - (03-4026 7000 ext: 048) (marlisa@artgallery.gov.my)


atau layari
www.artgallery.gov.my

Logos and QR Code:

- Logo of the National Visual Arts Foundation (Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara)
- QR code for the program
- Logos for Balai Seni Negara, Kementerian Kebudayaan, and the National Art Gallery Malaysia

Perincian program

Peruntukan yang telah diberi oleh MOTAC adalah sebanyak RM1.2 juta manakala sejumlah RM1,191.500.00 telah disalurkan kepada pihak galeri yang terlibat dan sejumlah RM8,500.00 digunakan sebagai belanja mengurus. Program ini mendapat sambutan amat menggalakkan dalam membantu merencanakan semula aktiviti jualan karya seni di Malaysia sekaligus memberi manfaat kepada 580 pelukis yang terlibat.



PENYERTAAN EKSPLO SENI

ArtEDecor

Program ArtEDecor ini merupakan eksplo seni yang telah dijalankan untuk kali ke-3 pada tahun 2022. Ia merupakan eksplo seni kedua terbesar selepas Art Expo Malaysia dan menerima penyertaan di kalangan pelukis dari pelbagai kategori.

Balai Seni Negara dan MOTAC merupakan Rakan Kerjasama rasmi program ini dengan penyaluran bantuan kewangan kepada penganjur. Seramai 8 orang alumni YAE! telah terlibat di dalam program ini melibatkan sebanyak RM9,381.00 penajaan pendapatan. Pulangan ekonomi/ pendapatan bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM3,000,000.00.




All Out 2022

Cawangan ini telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan program kerjasama seni bersama *Art Expo Malaysia* yang akan menjenamakan sebuah program acara seni baharu iaitu "All Out 2022". Penyertaan ini melibatkan pameran seni fizikal dan juga dalam talian. Program ini telah dilaksanakan pada 12-29 Mei 2022 di GMBB.KL, Bukit Bintang.

Program ini mendapat kerjasama dari 25 buah galeri dan jumlah karya yang dipamerkan adalah melebihi 50 buah karya termasuk 6 buah karya instalasi.

Participating Galleries

A2 Gallery
AATO Room
Art Case Galleries
Art WeMe Contemporary Gallery
Artemis Art
ATR Gallery
Chetok I7 + AP Art Gallery
City Art Gallery
G13 Gallery
Gallery Des Artiste
HOM Art Trans
La Galerie Du Monde
NN Gallery
V'Art Space
ZHAN Art | Space



Partner



50 Quality
Artworks at
RM 10,000
and below



Supported by



Venue Support



BALAI SENI NEGARA LANGKAWI





Selain berfungsi sebagai sebuah pusat kecemerlangan dan kegiatan seni buat masyarakat dan komuniti di Pulau Langkawi, antara objektif lain penubuhan cawangan ini adalah memberi penumpuan kepada usaha-usaha menambah baik (*re-skilling*) dan menerokai serta meningkatkan kemahiran (*up-skilling*) kepada golongan pelukis dan tidak disisihkan kepada kumpulan kurator juga.

Prasarana cawangan yang berupa tiga unit lot kedai, tiga tingkat ini dilengkapi dengan kemudahan ruang galeri pada aras G, ruang serbaguna (galeri atau bengkel) di aras 1, ruang pejabat dan pusat rujukan seni di aras 2.

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan	Status
1.	Kurator	S41	1	Tetap
2.	Penolong Kurator	S29	1	Tetap
3.	Penolong Kurator	S29	2	Kontrak
4.	Pembantu Tadbir	N19	1	Kontrak







PROGRAM PAMERAN

Langkawi Sebelum Bebas Cukai

16 September 2021 – 24 Ogos 2022

Pameran Langkawi Sebelum Bebas Cukai merupakan sebuah pameran yang mempamerkan gambar-gambar Pulau Langkawi pada dan sebelum tahun 1987 (1 Januari 1987 merupakan tarikh pengisytiharan Pulau

Langkawi sebagai Pulau Bebas Cukai). Tajuk pameran ini diambil sebagai salah satu wadah yang dapat dikongsi bersama pengunjung untuk mengenali secara visual keadaan Pulau Langkawi. Kepelbagaian konteks dapat dilihat menerusi perubahan fizikal lokasi dan kesan pembangunan yang merubah corak ekonomi, politik dan sosial masyarakat ketika itu. Namun,



pameran ini bukanlah penceritaan kronologi sejarah menerusi paparan fotografi pembentukan Pulau Langkawi semata-mata. Pengumpulan bahan dalam pameran ini merupakan hasil kajian tinjauan dan perkongsian daripada beberapa agensi kerajaan, pihak swasta dan persendirian yang sudi bekerjasama. Cetakan realiti yang dipersembahkan adalah sebuah memori peribadi

yang disimpan dan tidak pernah ditunjukkan secara terbuka. Sebanyak 250 keping gambar telah berjaya diterima dan dipamerkan.

Tepuk Amai-Amai

25 Ogos – 17 November 2022

Pameran Tepuk Amai-Amai diadakan bersempena *Langkawi Writers' Festival* yang telah melabuhkan tirai pada November lepas. Ia melibatkan para pengkarya buku kanak-kanak tempatan. Bahan pameran termasuklah karya ilustrasi asli dan cetakan digital, instalasi seni dan juga buku-buku bergambar kanak-kanak ilustrasi yang dipamerkan. Pameran ini juga melibatkan beberapa karya terpilih beberapa pengkarya baru. Aras 1 Galeri dimuatkan dengan ilustrasi pemenang Anugerah Buku Bergambar dan juga

karya terkini mereka. Aras 2 pula mempamerkan hasil karya peserta-peserta yang telah menghadiri Bengkel Penulisan dan Ilustrasi Buku Bergambar Kanak-kanak anjuran Morne Art Gallery bersama Balai Seni Negara Langkawi pada bulan Ogos yang lepas.



CBT, IMAC DAN LSBC

1 Disember 2022 – Kini

Merupakan gabungan tiga jenis pameran iaitu yang pertama adalah Pameran *Community Based Tourism* (CBT) Arca Dasar Laut yang merupakan satu anjuran program di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui agensinya Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) yang mendapat kerjasama erat daripada pengkarya seni jemputan dan komuniti setempat di Pulau Langkawi terutamanya penduduk sekitar Kubang Badak. Pameran ini mempamerkan arca-arca yang dihasilkan sewaktu program CBT dijalankan. Seterusnya, pameran yang kedua adalah Pameran *International Marble Art Camp* (IMAC) 2019 & 2021. IMAC adalah program kem seni yang memfokuskan kepada penggunaan material batu pualam atau batu marmar. Program ini menghimpunkan pengarca tempatan dan antarabangsa dalam meneroka teknik dan

pengetahuan melalui eksperimentasi dengan sifat-sifat bahan. Program IMAC telah diiktiraf sebagai program utama yang dianjurkan dua tahun sekali oleh Balai Seni Negara Langkawi. Justeru, pameran ini mempamerkan arca-arca yang telah berjaya dihasilkan sewaktu Program IMAC berlangsung. Akhir sekali, pameran yang terakhir adalah Pameran Langkawi Sebelum Bebas Cukai (LSBC). Pameran ini merupakan sebuah pameran yang mempamerkan gambar-gambar Pulau Langkawi pada dan sebelum tahun 1987. Namun, pameran ini bukanlah penceritaan kronologi sejarah menerusi paparan fotografi pembentukan Pulau Langkawi semata-mata. Pengumpulan bahan dalam pameran ini merupakan hasil kajian tinjauan dan perkongsian daripada beberapa agensi kerajaan, pihak swasta dan persendirian yang sudi bekerjasama.



AKTIVITI BENGKEL, PROGRAM DAN KEM SENI

Tinjauan ke Pameran Studio Terbuka 'Nia Khalisa'

19 Mei 2022

Bilangan Peserta: 4 orang

Anjuran: LPSVN

Balai Seni Negara Langkawi sempat berkunjung ke Bon Ton Langkawi bagi meninjau pameran studio terbuka artis residensi Cult Gallery, Nia Khalisa.




Lawatan Ke Perasmian 'Beranda Art Gallery'

20 Mei 2022

Bilangan Peserta: 4 orang

Anjuran: LPSVN

Merupakan lawatan untuk meninjau pameran pada hari perasmian 'Beranda Art Gallery' yang terletak di Kampung Dusun. Galeri ini merupakan galeri milik Encik MH Azizi Amat Tokimin, seorang artis seni visual dan usahawan seni kayu. Galeri ini merupakan tarikan kepada pelancong yang meminati seni lukisan.



Lawatan Ke Pelancaran '1001 Rumpun Buluh'

21 Mei 2022

Bilangan Peserta: 2 orang

Anjuran: LPSVN

Merupakan lawatan untuk meninjau pameran pada hari pelancaran '1001 Rumpun Buluh' yang terletak di Langkawi Bamboo Shapers, Ulu Melaka.





Program Outreach - Bengkel Batik dan Catan, SMK Kelibang

25 Mei 2022

Bilangan Peserta: 35 orang

Anjuran: LPSVN

Bengkel Mewarna Batik ini dianjurkan dengan kerjasama SMK Kelibang bersama Balai Seni Negara Langkawi yang melibatkan pelajar-pelajar serta tenaga pengajar Pendidikan Khas sekolah ini. Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman baru serta merupakan salah satu bentuk terapi buat para pelajar. Seramai 35 orang pelajar telah menyertai bengkel ini dengan jayanya bersama artis jemputan, Nursyahmir Nazreen bin Setapa dimana para pelajar serta tenaga pengajar yang lain mempelajari seni mewarna batik.



Bengkel Penyuntingan Gambar Menggunakan Aplikasi 'Snapseed'

27 - 28 Mei 2022

Bilangan Peserta: 20 orang

Anjuran: LPSVN

Bengkel ini merupakan program untuk mempelajari cara penyuntingan gambar menggunakan aplikasi Snapseed yang boleh di muat turun dari peranti telefon. Bengkel ini terhad kepada 20 orang sahaja. Tenaga pengajar bagi bengkel ini ialah Tony dan Safirah.



Bengkel 'Upcycle Pop Up Workshop'

24 Jun 2022

Bilangan Peserta: 16 orang

Anjuran: LPSVN

Bengkel ini merupakan satu program untuk mempelajari cara membuat produk dengan hanya menggunakan plastik terpakai. Sebagai contohnya, ada peserta yang membuat beg tangan, beg silang dan ada juga yang membuat hiasan dinding mengikut kreativiti masing-masing yang sebelumnya diajarkan dahulu oleh tenaga pengajar iaitu Puan Rebecca Yau Yi Min.



Program Pembersihan Pulau Pasir (CSR)

18 - 22 Julai 2022

Bilangan Peserta: 14 orang

Anjuran: LPSVN

Aktiviti pemuliharaan alam sekitar, bagi Program Permukiman Seni Pulau Pasir sempena Program Community Based Tourism, Arca Dasar Laut. Program ini telah dijayakan dan disertai oleh kakitangan Balai Seni Negara Kuala Lumpur dan juga Balai Seni Negara Langkawi.



Lawatan ke @SB.LGK, @RUMAHMAWART dan @TOWERHOUSE

21 Julai 2022

Bilangan Peserta: 40 orang

Anjuran: LPSVN

Sesi lawatan ke SB.LGK, RumahMawArt dan Towerhouse bersama peserta dan pemenang Bakat Muda Sezaman 2021. Sesi lawatan ini juga diselitkan dengan program bicara seni mengenai sejarah dan proses penubuhan tempat-tempat tersebut.



Majlis Perasmian Program *Community Based Tourism*: Arca Dasar Laut di Pulau Langkawi

23 Julai 2022

Bilangan Peserta: 500 orang

Anjuran: LPSVN, UiTM, LADA, FELCRA Berhad, Sri Bayu Inn Langkawi

Telah berlangsung majlis perasmian Program *Community Based Tourism*: Arca Dasar Laut di Pulau Langkawi yang juga melibatkan Balai Seni Negara Kuala Lumpur. Majlis Perasmian ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Hajah Sri Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Majlis turut dihadiri YBhg. Datuk Hajah Saraya Binti Arbi, Ketua Setiausaha MOTAC, YB Tuan Mohd Firdaus Ahmad, Exco Pelancongan, Seni dan Budaya Belia dan Sukan Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Kedah, YBhg. Dato' Indera Dayang Fatimah Tom Abang Saufi, Pengerusi LPSVN dan YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah LPSVN.



Bengkel Seni: 'Nocturnal Wildlife of Langkawi' di Bon Ton Resort Langkawi

23-24 Julai 2022

Bilangan Peserta: 30 orang

Anjuran: LPSVN

Bengkel Seni 'Nocturnal Wildlife of Langkawi' telah dijalankan di Bonton Resort, Langkawi.

Bengkel Seni: Kaligrafi Khat Nasakh & Khat Thuluth

29 - 30 Julai 2022

Bilangan Peserta: 30 orang

Anjuran: LPSVN

Bengkel ini diadakan supaya dapat memupuk minat khalayak ramai akan seni kaligrafi khat yang kian pudar di mata masyarakat. Tenaga pengajarnya iaitu Encik Md Saleh Dawam merupakan seorang yang mahir dalam bidang kaligrafi khat ini. Beliau berasal daripada Batu Pahat, Johor dan telah menetap di Pulau Langkawi sejak 1995 sehingga kini. Di bengkel ini, beliau memberikan penerangan secara teori dan demonstrasi penulisan khat Nasakh dan khat Thuluth. Bengkel ini juga menggunakan tulisan Jawi tanpa menggunakan sebarang frasa atau petikan ayat Al-Quran bagi mengelakkan sebarang isu keagamaan dan perkauman dan menggalakkan supaya lebih ramai peserta dari pelbagai agama dan kaum dapat menyertainya.



Bengkel Seni: Arca Pasir di Pulau Langkawi

6 Ogos 2022

Bilangan Peserta: 8 orang

Anjuran: LPSVN

Merupakan bengkel *Up-Skilling* dan *Re-Skilling* anjuran Balai Seni Negara Langkawi bersama tenaga pengajar Encik Ikhwan Ibrahim dalam memberi kemahiran baru kepada masyarakat. Peserta didedahkan bagaimana cara untuk membuat arca menggunakan pasir. Program ini dijalankan di Taman Lagenda.





**Bengkel Seni: Sempena Bulan Kemerdekaan
Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di
SMK Kelibang**

16 -17 Ogos 2022

Bilangan Peserta: 35 orang

Anjuran: LPSVN

Bengkel Seni Arca Kolaj Jalur Gemilang kerjasama antara Balai Seni Negara Langkawi dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) SMK Kelibang, Langkawi. Program ini dianjurkan bersempena sambutan bulan kemerdekaan melibatkan pelajar-pelajar dan tenaga pengajar Pendidikan Khas sekolah ini. Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman baru serta merupakan salah satu bentuk terapi bagi pelajar pendidikan khas sekolah ini.



**Bengkel Penulisan dan Ilustrasi Buku
Bergambar Kanak-Kanak**

19-20 Ogos 2022

Bilangan Peserta: 30 orang

Anjuran: LPSVN

Bengkel Penulisan dan Ilustrasi Buku Bergambar Kanak-Kanak merupakan bengkel anjuran Balai Seni Negara Langkawi bersama Morne Art Gallery di ruang galeri aras 2. Pesertadidedahkan tentang cara-cara dan penghasilan buku kanak-kanak melalui proses idea, menulis skrip, jalan cerita, ilustrasi dan lain-lain.

Bengkel Seni: 'Lino Cut' Sempena Hari Kokurikulum dan Karnival Bulan Kemerdekaan di SMK Mahsuri

29 Ogos 2022

Bilangan Peserta: 40 orang

Anjuran: LPSVN

Bengkel Seni: Lino Cut ini merupakan bengkel sempena Hari Kokurikulum dan Karnival Bulan Kemerdekaan di SMK Mahsuri, Langkawi. Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman baru mempelajari tentang *Lino Cut*. Seramai 40 Orang pelajar telah menyertai bengkel ini.



Bengkel Seni Pastel Minyak dan Cat Akrilik di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra

23 - 24 September 2022

Bilangan Peserta: 30 orang

Anjuran: LPSVN

Bengkel ini melibatkan murid-murid Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra. Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan mempelajari teknik yang betul tentang pastel minyak dan cat akrilik.



Program 'Langkawi International Marble Art Camp 2022': LAIN MACAM 2022

2-15 Disember 2022

Bilangan Peserta: 1500 orang

Anjuran: LPSVN, LADA, Galeria Perdana, Cuti-Cuti Malaysia, Kompleks Kraf Langkawi, Dikaki Towerhouse, Tentuhala Collective, Hikari Riders, Sembilan Langkawi, The Kasbah

Program LAIN MACAM 2022 yang telah dijayakan di Dikaki Tower House, Gunung Raya Langkawi.



Bengkel Seni: Bengkel 'Cyanotype' di Dikaki Tower House, Gunung Raya Langkawi

10 Disember 2022

Bilangan Peserta: 81 orang

Anjuran: LPSVN

Bengkel *Cyanotype* yang dijayakan hasil kerjasama Dikaki Sunprint Studio dan juga Balai Seni Negara Langkawi yang bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman baru mempelajari cara mencetak gambar menggunakan cara *cyanotype*.



Bengkel Seni: Bengkel 'Tie-Dye' Di Dikaki Tower House, Gunung Raya, Langkawi

10 Disember 2022

Bilangan Peserta: 23 orang

Anjuran: LPSVN

Bengkel *Tie-Dye* yang dijayakan hasil kerjasama MaWart dan juga Balai Seni Negara Langkawi yang bertujuan untuk memberi pengalaman baru tentang mempelajari cara membuat seni *tie-dye* yang sangat menarik.



Bengkel Seni: Grafiti Bersama Komuniti Kampung Bukit Lembu

23 - 24 Disember 2022

Bilangan Peserta: 20 orang

Anjuran: LPSVN

Bengkel ini telah diadakan di Kampung Bukit Lembu, Kedawang, Langkawi.





Data Pengunjung di Balai Seni Negara Langkawi 2022

Bil.	Bulan	Jumlah Pengunjung
1	JANUARI	487
2	FEBRUARI	126
3	MAC	119
4	APRIL	137
5	MEI	143
6	JUN	165
7	JULAI	155
8	OGOS	128
9	SEPTEMBER	196
10	OKTOBER	215
11	NOVEMBER	113
12	DISEMBER	286



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan	Status
1.	Kurator	S44	1	Tetap
2.	Pegawai Tadbir	N41	1	Kontrak
3.	Penolong Kurator	S29	1	Tetap
4.	Pembantu Tadbir	N19	2	Tetap

Unit Komunikasi Korporat berperanan sebagai pusat saluran komunikasi utama Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara dengan pihak luar dan orang awam. Unit ini berperanan untuk membina imej dan mempromosikan perkhidmatan, dasar dan program jabatan. Selain itu, Unit Komunikasi Korporat juga memainkan peranan penting dalam penyampaian dan penyaluran maklumat, meningkatkan imej korporat jabatan, perhubungan awam, promosi serta publisiti melalui media massa dan media sosial.

Fungsi

1. Merangka strategi dan pelan perhubungan awam dan publisiti.
2. Merangka strategi dan pelan promosi dan pengiklanan melalui pelbagai saluran.
3. Menjalinkan hubungan dengan rakan media.
4. Menyelaraskan kandungan media sosial rasmi Balai Seni Negara.
5. Mengendalikan sidang akhbar.
6. Menyelaraskan lawatan rasmi.
7. Pengumpulan data pengunjung.
8. Menyelaraskan aktiviti penggambaran.
9. Menguruskan hal-hal berkaitan aduan awam.

DATA PENGUNJUNG

Pada setiap tahun Balai Seni Negara menerima kunjungan dari para pelancong domestik dan antarabangsa yang terdiri daripada pelbagai kategori untuk menyaksikan pameran-pameran dan menyertai pelbagai program anjuran Balai Seni Negara di galeri utama dan program-program *outreach*. Pada 21 Jun 2022, galeri Balai Seni Negara kembali dibuka setelah ditutup selama kira-kira 2 tahun bagi kerja-kerja membaikpulih bangunan yang berskala besar. Bagi tahun 2022, LPSVN menetapkan

sasaran sebanyak 22,100,000 pengunjung yang merangkumi pengunjung fizikal (*onsite*) dan maya (*online*). Secara keseluruhannya, jumlah pengunjung pada tahun 2022 adalah sebanyak 28,282,034. Bagi pengunjung fizikal (*onsite*), ia meliputi pengunjung daripada kedua-dua buah galeri iaitu Balai Seni Negara dan Balai Seni Negara Langkawi.

Data Pengunjung Fizikal (*Onsite*)

Bil.	Bulan	Jumlah Pengunjung
1.	Januari	6,209
2.	Februari	14,596
3.	Mac	7,707
4.	April	6,319
5.	Mei	75,253
6.	Jun	11,063
7.	Julai	26,460
8.	Ogos	27,326
9.	September	41,372
10.	Oktober	16,330
11.	November	15,437
12.	Disember	21,255
JUMLAH		269,327

Data Pengikut Media Sosial 2022

Bil.	Media Sosial	Jumlah Pengikut
1.	Facebook	50,040
2.	Youtube	1,551
3.	Instagram	30,220
4.	Twitter	4,695
5.	Tik Tok	3,927
6.	Telegram	242
JUMLAH		90,675


Data Pelawat (Online)

Bil.	Kategori	Pelawat
1.	Portal NAG	321,260
2.	Facebook Follower	50,040
3.	Facebook Engagement (Reach, Impression, Views)	5,719,265
4.	Instagram NAG Follower	30,220
5.	Instagram Engagement (Reach, Impression, Views)	3,022,611
6.	Instagram NAG Langkawi Follower	1,396
7.	Instagram NAG Langkawi Engagement (Reach, Impression, Views)	21,033
8.	Mobile Apps	431
9.	Google Search	18,479,971
10.	Youtube (Subscriber)	1,551
11.	Youtube (Views)	15,869
12.	Twitter	4,695
13.	Telegram NAG (Subscriber)	242
14.	Telegram NAG (Views)	28,776
15.	Telegram NAG Langkawi (Subscriber)	216
16.	Telegram NAG Langkawi (Views)	5,065
17.	TikTok Follower	3,927
18.	TikTok (Views, Likes)	183,793
JUMLAH		28,012,707

PROMOSI DAN PUBLISITI


Pada tahun 2022, Unit Komunikasi Korporat terus giat menjalankan aktiviti promosi menerusi platform media sosial dan menggunakan pendekatan baharu iaitu melalui *Reels* di Instagram. Selain itu, Unit Komunikasi Korporat juga turut meluaskan penggunaan Facebook, Instagram, Twitter, Telegram, TikTok dan Youtube bagi menyampaikan maklumat, bahan media, mewujudkan interaksi di antara Balai Seni Negara dengan pelayar internet, serta mempromosi aktiviti-aktiviti terkini Balai Seni Negara. Antaranya ialah: -

- Koleksi Tetap Balai Seni Negara
- Pameran
- Program-program terkini Balai Seni Negara
- Produk Balai Seni Negara (buku, *merchandise* dan lain-lain)
- Program-program utama agensi-agensi di bawah MOTAC
- Ucapan hari perayaan dan festival negara
- Keratan Akhbar berkaitan Balai Seni Negara dan berkaitan dengan seni visual.



**PENGURUSAN KRISIS PERHUBUNGAN
JABATAN**

Pada tahun 2022, Unit Komunikasi Korporat menerima sejumlah 199 aduan, pertanyaan dan cadangan daripada orang awam melalui panggilan telefon, e-mel, Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA), pelantar media sosial (Facebook, Intagram, Twitter dan Tik Tok) serta aplikasi komunikasi WhatsApp. Kesemua aduan, pertanyaan dan cadangan secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu prestasi perkhidmatan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara.



Bil.	Medium	Jumlah
1.	E-mel	22
2.	WhatsApp	45
3.	Panggilan Telefon	28
4.	Media Sosial	104
5.	Sistem SiSPAA	0
JUMLAH		199

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

Untuk tahun 2022, Balai Seni Negara telah menandatangani Memorandum Persefahaman dan juga memperbaharui jalinan kerjasama seperti berikut:



Bil.	Memorandum Persefahaman	Tarikh
1.	Memorandum Persefahaman antara Majlis Bandaraya Ipoh dengan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara di Hotel Travelodge Ipoh, Perak.	7 Nov 2022

LAWATAN RASMI 2022

Sepanjang tahun 2022, LPSVN menerima kunjungan hormat dan lawatan rasmi seperti berikut:

Bil.	Lawatan Rasmi	Tarikh
1.	Lawatan Rasmi Kumpulan Kolektor Seni Jakarta ke LPSVN.	20 Okt 2022
2.	Kunjungan Hormat YBrs. Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.	25 Okt 2022



AKTIVITI PENGGAMBARAN 2022

Pada tahun 2022, beberapa aktiviti penggambaran seperti filem, drama dan siaran langsung diadakan oleh syarikat swasta di Balai Seni Negara. Secara tidak langsung, melalui aktiviti penggambaran ia turut membantu mempromosi Balai Seni Negara kepada khalayak.

Bil.	Aktiviti Penggambaran/Organisasi	Tarikh Penggambaran
1.	Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas)	26 Apr 2022
2.	Penggambaran Program Tumit Tinggi 2022 (RTM)	28 Jul 2022
3.	Penggambaran Rumah Pusaka Sutan Puasa	12 Ogos 2022
4.	Penggambaran Drama Siri 40 Episod "Jesnita"	17 Ogos 2022
5.	Penggambaran Video Berkaitan Sejarah Melayu oleh Capmaniacs	25 Ogos 2022
6.	Penggambaran Drama "I Love You, Sayang" (TV3)	20 Nov 2022
7.	Lintas Langsung Malaysia Hari Ini (MHI) TV3	21 Ogos 2022
8.	Sesi Fotografi dan Videografi (Post-Wedding Photoshoot)	14 Nov 2022



SIDANG MEDIA

Bil.	Program	Tarikh
1.	Majlis Perasmian Kalendar Program 2022 dan Pelancaran Baucar 'Buy Art Malaysia'	15 Feb 2022
2.	Majlis Perasmian Pameran KUL Art Airport	9 Apr 2022
3.	Majlis Pembukaan Semula Balai Seni Negara	21 Jun 2022
4.	Perasmian Program <i>Community Based Tourism</i> : Arca Dasar Laut Anjuran Balai Seni Negara	23 Jul 2022
5.	Majlis Tayangan Video Pameran <i>Single</i> Tugu Atas Bukit oleh Saiful Razman	16 Nov 2022
6.	Majlis Malaysian Fashion: A Journey In Colour MODA Coffee Table Book and Fashion Exhibition	1 Dis 2022
7.	Majlis Perasmian Program "Langkawi International Marble Art Camp" (LAIN MACAM 2022)	10 Dis 2022




LIPUTAN MEDIA 2022


Unit Komunikasi Korporat sentiasa komited dalam memastikan hubungan dan jalinan kerjasama yang berterusan dengan rakan media bagi kelangsungan ekosistem seni visual. Tahun 2022 menyaksikan negara mendepani era pemulihan pasca COVID-19 dan Balai Seni Negara tidak terkecuali selaku agensi yang bertanggungjawab dalam menyebarkan maklumat berkaitan seni kepada masyarakat umum. Melalui sokongan pihak media, segala informasi mengenai seni dapat disampaikan kepada orang awam seterusnya menggalakkan apresiasi seni dalam kalangan masyarakat.

Media	Bilangan Liputan	AD Value (RM)	PR Value (RM)
Majalah	24	406,531.49	1,626,125.96
Surat khabar	167	2,802,008.35	11,208,033.40
Dalam Talian	395	1,825,400.00	7,031,600.00
Televisyen	32	1,189,506.66	4,758,026.64
JUMLAH	618	6,223,446.50	24,893,786.00


Perbandingan Nilai Liputan Media Tahun 2020-2022



Nilai Liputan Media 2022



Liputan Media 2022



PAMERAN KUL ART AIRPORT

KUL Art Airport merupakan inisiatif Balai Seni Negara dengan kerjasama Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) dalam merealisasikan karya seni awam di empat (4) buah Lapangan Terbang Antarabangsa kendalian MAHB. Lapangan terbang yang terlibat adalah: -

- i. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur - "*Polyhedron Pavilion*" oleh Allahyarham Noah Iskandar Fuad (b.1996 - d.2021)
- ii. Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang - "*OH! Budaya*" oleh Sumay Cheah & Ho Lay Hoon dari *OtherHalf*
- iii. Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu - "*The Nature Mind of Landscape*" oleh Kenji Chai
- iv. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching - "*Reciting Hope*" oleh *Aftermath Thinker Art Collective*

Pameran KUL Art Airport berlangsung bermula Mac 2022 sehingga Jun 2022. Majlis perasmian pameran KUL Art Airport disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya pada 9 April 2022 di Balai Pelepasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Empat (4) buah lapangan terbang berkenaan dipilih kerana ia merupakan pintu masuk negara di mana mampu menarik pelancong sama ada domestik mahupun antarabangsa. Ia membuka peluang kepada penggiat seni visual Malaysia untuk mempamerkan karya sekaligus memperkenalkan budaya tempatan kepada pelancong antarabangsa.

Lapangan Terbang	Jan.	Feb.	Mac	Apr.	Mei	Jun	Jumlah Keseluruhan
KLIA	266,614	269,166	405,829	584,775	903,769	1,096,193	3,526,346
Pulau Pinang	2,455	3,515	9,990	41,184	84,418	117,639	259,201
Kota Kinabalu	0	0	41	2,256	14,536	24,353	41,186
Kuching	1,768	1,789	1,781	3,163	15,441	22,082	46,024





UNIT AUDIT DALAM

Unit Audit Dalam (UAD) Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN), Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Telah Ditubuhkan Pada 20 Julai 2006 Selaras Dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1979 (Pelaksanaan Audit Dalam Di Agensi-Agensi Kerajaan Persekutuan). Penubuhan UAD di jabatan ini adalah bertujuan menambah baik sistem pengurusan kewangan yang sedia ada dan memastikan ia mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. Bagi membolehkan UAD menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan, unit ini telah diletakkan secara terus di bawah Ketua Pengarah, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara Selaku Pegawai Pengawal.

Pelaksanaan pengauditan oleh UAD telah disediakan selaras dengan perkembangan dan perubahan dalam peranan Audit Dalam, khususnya dalam memberi khidmat perundingan dan menambah nilai kepada organisasinya. Selaras dengan itu, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 (Pelaksanaan Audit Dalam Di Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri) bagi memantapkan lagi pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian dan Jabatan Persekutuan serta Kerajaan Negeri.

Visi

Melaksanakan pengauditan secara profesional serta mengemukakan laporan kepada Ketua Pengarah ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan dan prestasi LPSVN.

Misi

Menjalankan pengauditan yang berkesan serta mengeluarkan laporan yang bebas dan berobjektif demi mempertingkatkan tahap pengurusan kewangan dan mewujudkan satu mekanisme ke arah tadbir urus yang baik bagi LPSVN.

Objektif

Objektif UAD adalah untuk membantu pihak pengurusan dalam mempertingkatkan pengurusan kewangan serta pematuhan kepada peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan seiring dengan pencapaian matlamat organisasi.

Perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan	Status
1.	Juruaudit	W41	1	Tetap
2.	Penolong Juruaudit	W29	1	Tetap

Jawatankuasa Audit (JKA)

Jawatankuasa ini ditubuhkan selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998 yang berperanan untuk mengawasi dasar dan sistem perakaunan, kawalan dalaman dan laporan kewangan serta meneliti dan mengkaji laporan daripada UAD dan laporan Ketua Audit Negara. Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun.

Fungsi Jawatankuasa Audit

- i) Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman organisasi
- ii) Mengkaji aktiviti organisasi diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan
- iii) Mengkaji tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa
- iv) Mengkaji aset dan kepentingan organisasi dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan
- v) Memberi nasihat/pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk sistem ICT

- vi) Melaporkan kepada Ketua Pengarah hasil pengauditan dan mengambil tindakan susulan terhadap perkara yang dibangkitkan
- vii) Menyediakan rancangan tahunan Audit Dalam dan Laporan Tahunan Audit Dalam untuk kelulusan Ketua Pengarah
- viii) Membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun

Keanggotaan Jawatankuasa Audit Tahun 2022

- i) Pengerusi
YBrs. Encik Hazlan Abdul Aziz
- ii) Ahli Jawatankuasa
YBhg. Dato' Dr. Mohamed Najib Ahmad Dawa
YBrs. Encik Iskandar Abdullah @ Sim Kia Miang
- iii) Setiausaha
YBrs. Encik Norazmi Jumali
- iv) Urus Setia
Cik Noor Elissa Hajidan

Program Pengauditan Unit Audit Dalam Tahun 2022

Berikut adalah pengauditan yang telah dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam:

Bil.	Aktiviti
1.	Pra Pengauditan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Balai Seni Negara
2.	Pengauditan Susulan Penyata Kewangan Balai Seni Negara Tahun 2021
3.	Pengauditan Prestasi Program <i>International Marble Art Camp</i> 2021 (IMAC2021)
4.	Pemantauan bagi Program " <i>Community Based Tourism</i> " (CBT) Arca Dasar Laut di Pulau Langkawi, Kedah
5.	Pengauditan Susulan dan Pemeriksaan Mengejut oleh Unit Audit Dalam

Aktiviti Unit Audit Dalam

- i) Mesyuarat Jawatankuasa Audit Tahun 2022
 - Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 1 2022 (23 Mei 2022)
 - Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 2 2022 (27 September 2022)
 - Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 3 2022 (11 Disember 2022)
- ii) Lawatan Kerja Program Community Based Tourism (Cbt) Arca Dasar Laut Di Pulau Langkawi, Kedah
- iii) Lawatan Kerja Program Langkawi International Marble Art Camp 2022 (Lain Macam) Di Pulau Langkawi, Kedah

Mesyuarat Jawatankuasa Audit

Bil. 1/2022 - 23 Mei 2022

S'ekar Pinang, Langkawi, Kedah



Bil. 3/2022 – 11 Disember 2022
Panji-Panji Tropical Wooden Home,
Langkawi, Kedah



Lawatan Kerja Program Community Based
Tourism: Arca Dasar Laut, Pulau Pasir,
Langkawi, Kedah
22 Mei 2022





Lawatan Kerja Program Langkawi International
Marble Art Camp 2022, Langkawi, Kedah
10 Disember 2022

Lawatan Resideni/Studio Artis
Studio Puyu (Suhaimi Fadzir)
11 Disember 2022





UNIT INTEGRITI

Unit Integriti ditubuhkan pada 1 Julai 2017 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013: Penubuhan Unit Integriti di semua Agensi Awam. Unit ini diletakkan di bawah seliaan Ketua Pengarah (KP), Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara bagi memastikan dasar-dasar berkaitan tadbir urus yang baik serta pengurusan tatatertib dapat dilaksanakan dengan efektif berteraskan prinsip *governans* tadbir urus, integriti dan anti-rasuah.

TERMA RUJUKAN

Unit Integriti memfokuskan kepada empat (4) terma rujukan pemantapan *governans* tadbir urus, integriti dan anti-rasuah dalam pengurusan pentadbiran Kerajaan berdasarkan Punca Kuasa – Arahan YAB Perdana Menteri Malaysia No.1 Tahun 2018.

- 1) Dasar, Perundangan dan Peraturan;
- 2) Sistem dan Prosedur Kerja;
- 3) Pengukuhan *Governans* Tadbir Urus dan Integriti; dan
- 4) Pengesanan, Pemuatan, Punitif dan Pemulihan.

FUNGSI

- 1) Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.
- 2) Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.
- 3) Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.
- 4) Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.
Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.
- 5) Memastikan pemuatan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.
- 6) Melaksanakan fungsi keurussetiaan Lembaga Tatatertib.

KEANGGOTAAN

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan	Status
1.	Pegawai Tadbir	N41/44	1	Tetap
2.	Pembantu Tadbir	N22	1	Tetap

AKTIVITI

DASAR, PERUNDANGAN DAN PERATURAN

Mengenal pasti, mengkaji serta memperakukan pindaan atau keperluan kepada mana-mana dasar dan perundangan kementerian, jabatan dan agensi serta peraturan-peraturan yang dapat mengatasi kelemahan pengurusan. Mempertingkatkan kawalan dalaman terhadap pelanggaran integriti, perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan tadbir urus. Mewujudkan dan mendokumentasikan pelan pencegahan bagi meningkatkan amalan tadbir urus terbaik bagi mengatasi kerenah birokrasi ke arah pencapaian sistem penyampaian Perkhidmatan Awam yang berintegriti dan berakauntabiliti.

a) Pematuhan Integriti

Garis Panduan/Kod Etika

Kod Etika Pakaian Pegawai LPSVN telah diwujudkan bagi mempamerkan keterampilan diri pegawai LPSVN untuk mencerminkan imej profesional LPSVN dalam menjalankan fungsi dan tanggungjawab yang telah diamanahkan demi kepentingan LPSVN khususnya dan negara secara amnya berdasarkan Punca Kuasa – Arahan Ketua Pengarah Bil.1 Tahun 2022: Kod Etika Pakaian Pegawai LPSVN.



Hebahan Poster *Integrity Awareness* Berkaitan Peraturan/Pekeliling Perkhidmatan/Undang-Undang Yang Berkuat kuasa

Pematuhan dan Etika Organisasi – 16 Hebahan:

Kebenaran Melakukan Pekerjaan Luar Bagi Pegawai LPSVN

Elakkan Keterhutangan Yang Serius

Jangan Bocorkan Rahsia Kerajaan

Kebenaran Bertulis Ke Luar Negara

Body Shaming Adalah Jenayah

Gangguan Seksual, Jangan Takut Untuk Melapor

Pematuhan Prosedur Operasi *Standard* (SOP),
Pekeliling Yang Berkuat Kuasa

Amalan Berintegriti

Pegawai Balai Seni Negara Yang Berintegriti

Ketidakhadiran Bertugas, Ponteng Kerja
Seseorang Pegawai Tidak Boleh Cuai Dalam
Melaksanakan Tugas

Pemantauan Berkala Permohonan Kelulusan
Pegawai Melakukan Pekerjaan Luar

Pemantauan Berkala Ketidakhadiran Pegawai
Tanpa Cuti Atau Tanpa Kebenaran Atau Tanpa
Alasan Yang Munasabah

Tepati Waktu Bekerja

Peliharalah Batasan Hubungan Sesama Staf

Kerahsiaan/ Keselamatan Maklumat dan Data
Peribadi

Kod Etika Pakaian Pegawai LPSVN

Peringatan Mesra Integriti – 2 Hebahan:

Fasa Peralihan Ke Endemik

Nasihat KKM Bagi Mengurangkan Risiko
Penularan Jangkitan COVID-19



SISTEM DAN PROSEDUR KERJA

Mengenal pasti dan mengkaji kelemahan atau keperluan sistem dan prosedur kerja kementerian, jabatan dan agensi yang lapuk ataupun terlalu rumit sehingga menimbulkan pelbagai kerenah birokrasi, melemahkan pentadbiran, ketidakadilan serta membuka peluang kepada perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Kementerian, jabatan dan agensi hendaklah mengambil tindakan untuk menambah baik dan memperakukan apa-apa perubahan dalam sistem dan prosedur kerja yang berkaitan serta memaklumkan kepada seluruh warga kerja kementerian, jabatan dan agensi.

a) Tadbir Urus

Keurussetiaan Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR)

Mesyuarat JAR diadakan sebanyak tiga (3) kali setahun di peringkat jabatan berdasarkan empat (4) terma rujukan yang digariskan berdasarkan Arahan YAB Perdana Menteri Malaysia No.1 Tahun 2018 – Pemantapan *Governans* Tadbir Urus, Integriti dan Anti-Rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan *Governans*-Tadbir Urus, Integriti dan Anti-Rasuah Kebangsaan.

- Mesyuarat JAR Bil.1 Tahun 2022 diadakan pada 16 Mac 2022.
- Mesyuarat JAR Bil.2 Tahun 2022 diadakan pada 23 Ogos 2022.
- Mesyuarat JAR Bil.3 Tahun 2022 diadakan pada 8 November 2022.

Bil.	Aktiviti
1.	Mengurus setia Mesyuarat JAR dengan merujuk kepada empat (4) terma rujukan: i) Dasar, Perundangan dan Peraturan ii) Sistem dan Prosedur Kerja iii) Pengukuhan <i>Governans</i> Tadbir Urus dan Integriti iv) Pengesanan, Pematuhan Punitif dan Pemulihan
2.	Melaporkan isu berbangkit di peringkat Jabatan kepada pihak kementerian berdasarkan empat (4) terma rujukan menerusi Mesyuarat JAR Kementerian

Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) LPSVN 2022 - 2026

OACP merupakan satu dokumen anti-rasuah bagi menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan anti-rasuah organisasi. Matlamat utama OACP adalah untuk memastikan tadbir urus organisasi bebas daripada amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa sekaligus mendukung aspirasi nasional “Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”. OACP LPSVN 2022-2026 memfokuskan kepada empat (4) strategi utama iaitu:

- i) Memperkukuh kompetensi, integriti dan kredibiliti aspek kawal selia pameran, koleksi dan konservasi.
- ii) Mempertingkatkan keberkesanan dan usaha-usaha pembangunan dan pengurusan media dan pembangunan seni.
- iii) Mempertingkatkan keberkesanan, kecekapan pengurusan kewangan dan ketelusan perolehan awam.
- iv) Membudayakan persekitaran kerja berintegriti ke arah penyampaian perkhidmatan awam terbaik.

PENGUKUHAN GOVERNANS DAN INTEGRITI

Mengenal pasti isu dan tindakan yang bersesuaian bagi memperkukuh aspek *governans* tadbir urus dan integriti melalui inisiatif pencegahan, penggalakan dan pembudayaan *governans* tadbir urus dan penginstitution integriti secara terancang bagi mencegah pelanggaran integriti, perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan tadbir urus.


a) Program Pengukuhan Integriti.

- Program Webinar “Etika Penjawat Awam dan Tanggungjawab Penyelia” kepada pada 18 Mac 2022.
- Program Webinar “Kesedaran Gangguan Seksual dan *Body Shaming*” pada 26 April 2022.
- Program Kursus “Penyelia Super” pada 2 Oktober 2022.
- Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR)

Etika Penjawat Awam dan Tanggungjawab Penyelia



Kesedaran
Gangguan Seksual
dan *Body Shaming*



Kursus Penyelia
Super



Majlis Ikrar Bebas
Rasuah



1. PENGESANAN, PEMATUHAN, PUNITIF DAN PEMULIHAN

Melaksanakan tindakan pengesanan, pematuhan, punitif dan pemulihan yang tegas secara adil dan saksama terhadap sebarang pelanggaran undang-undang, peraturan dan prosedur kerja atau kod etika kerja. Bekerjasama dengan agensi penguat kuasa yang berkaitan atau mana-mana pihak lain bagi mengambil tindakan sewajarnya terhadap sebarang bentuk salah laku atau jenayah yang dilakukan oleh warga organisasi dan pihak luar yang berkepentingan dengan organisasi. Mengambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera berdasarkan undang-undang atau peraturan tatatertib terhadap mereka yang terlibat.

a) Pengurusan Aduan.

Menerima dan merekod aduan/maklumat daripada pelbagai sumber seperti melalui pegawai unit sendiri, e-mel, pengadu datang sendiri, surat, surat layang dan lain-lain.

b) Pengesanan dan Pengesahan.

Menjalankan aktiviti pengesanan dan pengesahan maklumat berdasarkan fail/kertas siasatan daripada Aktiviti Pengurusan Aduan yang diterima.

c) Keurusetiaan Jawatankuasa Lembaga Tatatertib.

Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Tatatertib ini ditubuhkan selaras dengan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605). Di antara aktiviti keurusetiaan jawatankuasa di bawah Lembaga Tatatertib adalah seperti berikut:

Bil.	Aktiviti
1.	Mengurus setia mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat
2.	Mengurus setia mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Bukan Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat
3.	Mengurus setia mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Tatatertib

- Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Bukan Dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Kategori Kumpulan Sokongan dan Kumpulan B, C dan D di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 LPSVN, Bil.1 Tahun 2022 diadakan pada 31 Mei 2022.
- Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Bukan Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat Bagi Kategori Kumpulan Pengurusan Dan Profesional/Kumpulan A di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 LPSVN, Bil.1 Tahun 2021 diadakan pada 21 Jun 2022.
- Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Bukan Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat Bagi Kategori Kumpulan Pengurusan Dan Profesional/Kumpulan A di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 LPSVN, Bil. 2 Tahun 2021 diadakan pada 2 Ogos 2022.
- Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Bukan Dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Kategori Kumpulan Sokongan dan Kumpulan B, C dan D di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 LPSVN, Bil. 2 Tahun 2022 diadakan pada 26 Ogos 2022.
- Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat Bagi Kategori Kumpulan Pengurusan Tertinggi/ Kumpulan Pengurusan Dan Profesional/Kumpulan A di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 LPSVN, Bil. 1 Tahun 2022 diadakan pada 30 November 2022.

TEPATI WAKTU BEKERJA

Jadilah Warga Berintegriti,
Patuhi Peraturan

TIDAK datang
lewat ke pejabat

TIDAK mengetik
Kad Perakam
Waktu orang lain

TIDAK keluar
sewenang-
wenangnya
tanpa kebenaran



بالاي سنڤا
Balai Seni Negara
National Art Gallery

Unit Integriti
Balai Seni Negara

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



SEKSYEN DASAR DAN PENTADBIRAN
SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT
SEKSYEN PEMBANGUNAN
SEKSYEN KEWANGAN



Seksyen Dasar dan Pentadbiran

Bahagian Khidmat Pengurusan

Seksyen Dasar dan Pentadbiran merupakan seksyen di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan dan terbahagi kepada empat (4) unit iaitu Unit Pentadbiran Am, Unit Keselamatan, Unit Perolehan serta Unit Pengurusan Aset dan Stor.

FUNGSI

1. Mengurus setia dasar, perundangan dan Mesyuarat Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara.
2. Menyelaras pengurusan pejabat LPSVN termasuk sistem rekod dan fail, keceriaan premis dan keselamatan.
3. Menguruskan aktiviti perolehan yang terdiri dari pengurusan tender, sebut harga dan perolehan terus.
4. Menyelaras aktiviti pengurusan aset yang melibatkan pendaftaran aset, semakan aset serta pelupusan aset kerajaan.

KEANGGOTAAN

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan	Status
1.	Pegawai Tadbir	N44	1	Tetap
2.	Penolong Pegawai Tadbir Tinggi	N36	1	Tetap
3.	Penolong Pegawai Keselamatan	KP32	1	Tetap
4.	Penolong Pegawai Tadbir	N29	1	Tetap
5.	Pembantu Tadbir	N22	1	Tetap
6.	Pembantu Tadbir P/O	N19	4	Tetap
7.	Pembantu Keselamatan	KP19	1	Kontrak

Aktiviti

1. Operasi Pentadbiran Pejabat

Bil.	Aktiviti
1.	Menyelaras maklum balas Pengurusan Tertinggi dan Kementerian
2.	Menyelaras Mesyuarat Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara
3.	Menyelaras urusan Parlimen LPSVN
4.	Menyelaras Penyediaan Laporan Tahunan LPSVN
5.	Penyediaan, pengurusan, keselamatan dan keceriaan ruang-ruang pejabat LPSVN
6.	Mengurus operasi dan selenggaraan kenderaan pejabat
7.	Menyelaras pendaftaran fail, dokumen, surat dan komunikasi rasmi LPSVN
8.	Penyediaan keperluan Ahli Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara
9.	Pengurusan utiliti
10.	Pengurusan Aset dan Stor

2. Dasar dan Pentadbiran

Bil.	Aktiviti
1.	Pada tahun 2022, Seksyen Dasar dan Pentadbiran telah menguruskan proses semula lapan (8) orang Ahli Lembaga dari sesi yang terdahulu dan dua (2) orang Ahli Lembaga baharu kepada YB Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Pelantikan ahli Lembaga tersebut membolehkan struktur keahlian Lembaga dapat diperkemaskan.
2.	Mengurus setiakan Mesyuarat Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara sebanyak tiga (3) bagi membentangkan cadangan dan dasar untuk membantu memperbaiki operasi LPSVN serta membangun industri seni visual Malaysia.

3. Perolehan

Bil.	Kaedah Perolehan	Kaedah Perolehan	Kaedah Perolehan
1.	Perolehan Pembelian Terus	952	RM5,731,362.67
2.	Perolehan Rundingan Terus	14	RM1,313,077.48
3.	Sebut Harga	37	RM4,847,850.52
4.	Tender	3	RM1,911,940.19

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia

Bahagian Khidmat Pengurusan

Objektif kewujudan Seksyen Pengurusan Sumber Manusia adalah untuk memastikan pengurusan sumber manusia Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) boleh dilaksanakan secara lebih terancang, tersusun dan lebih fokus terhadap aktiviti teras LPSVN. Seksyen ini juga berusaha meningkatkan kebolehan, kemahiran dan keupayaan tenaga sumber manusia supaya mereka lebih berdaya saing serta dapat memberi sumbangan yang lebih cemerlang dalam membantu meningkatkan kemajuan seni visual negara.

Seksyen ini terbahagi kepada dua (2) unit iaitu:

- i. Unit Pembangunan Organisasi dan Perkhidmatan
- ii. Unit Pembangunan Modal Insan dan Kompetensi

Fungsi

- i. Menguruskan pengambilan jawatan di bawah perwakilan kuasa Ahli Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara.
- ii. Mengurus Hal-hal Perjawatan dan Perkhidmatan.
- iii. Menguruskan Pengesahan Jawatan dan Pemberian Taraf Berpencen.
- iv. Merancang Pembangunan Sumber Manusia dan Pembangunan Organisasi.
- v. Menguruskan pembangunan sumber manusia dan perhubungan pekerja.

KEANGGOTAAN

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan	Status
1.	Pegawai Tadbir	N41	1	Tetap
2.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	Tetap
3.	Penolong Pegawai Tadbir	N29	1	Tetap
4.	Pembantu Tadbir	N26	1	Tetap
5.	Pembantu Tadbir	N22	3	Tetap
6.	Pembantu Tadbir P/O	N19	1	Tetap

AKTIVITI**Operasi Perkhidmatan Sumber Manusia dan
Kerjaya Tahun 2022**

Bil.	Aktiviti
1.	Pelaksanaan <i>Human Resource Management Information System</i> (HRMIS) selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15 Tahun 2005.
2.	Menguruskan lima (5) urusan Kenaikan Pangkat Kumpulan Pelaksana.
3.	Menguruskan empat (4) urusan Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan dan Profesional.
4.	Menguruskan satu (1) urusan Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan Tertinggi.
5.	Menguruskan seramai tujuh (7) orang pegawai telah dilanjutkan tempoh pelantikan secara "Contract of Service".
6.	Menguruskan sebelas (11) pelantikan "Contract for Service".
7.	Menguruskan pengambilan tujuh belas (17) orang Personel MySTEP.
8.	Menguruskan seramai empat (4) orang pegawai diperakukan pengesahan perkhidmatan.
9.	Menguruskan sebanyak empat belas (14) urusan tanggung kerja yang telah diluluskan untuk pegawai dan kakitangan.
10.	Menguruskan tiga (3) urusan permohonan pinjaman perumahan kerajaan.
11.	Menguruskan seramai tujuh (7) orang pegawai LPSVN untuk menduduki Peperiksaan Perkhidmatan anjuran JPA dan Peperiksaan Subjek Jabatan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan.
12.	Menguruskan sebanyak enam belas (16) kursus anjuran LPSVN yang telah dilaksanakan dan peratus kehadiran sebanyak 100% yang menghadiri kursus melebihi lima (5) hari setahun.
13.	Menguruskan seramai empat puluh enam (46) orang pelajar daripada IPTA dan IPTS bagi menjalani latihan industri di Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara.
14.	Menguruskan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) secara berjadual telah diadakan setiap tiga (3) bulan dan laporan mesyuarat telah dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.
15.	Menguruskan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara yang telah bersidang pada 20 Januari 2022 dan telah memutuskan seramai sebelas (11) orang pegawai dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.



Bengkel Latihan Sistem Pengurusan Aset Alih Kerajaan (SPA)



Bengkel Pemurniaan Sasaran Kerja Utama (SKU)



Program Khidmat Nasihat Art, Blockchain & Non-Fungable Token (NFT)



Kursus *Human Resources Champion*: Pengurusan Gaji, Kemudahan dan Elaun

Seksyen Teknologi Maklumat

Bahagian Khidmat Pengurusan

Seksyen Teknologi Maklumat merupakan seksyen di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan.

FUNGSI

Seksyen Teknologi Maklumat menjadi pelaksana inisiatif-inisiatif pemangkin sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan melalui ICT yang telah meletakkan kepentingan seksyen ini dalam agenda dengan mewujudkan perkhidmatan pembangunan seni visual Negara berasaskan ICT.

Visi

ICT sebagai pemangkin pembangunan industri seni visual negara dan penghayatan seni.

Misi

1. Meningkatkan kecekapan pengurusan organisasi melalui pembudayaan dan tadbir urus ICT yang berkesan.
2. Memperkukuh kemudahan ICT bagi membantu rakyat berinteraksi, menghargai dan memiliki khazanah seni visual secara mudah dan pantas.

KEANGGOTAAN

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan	Status
1.	Pegawai Teknologi Maklumat	F41	1	Tetap
2.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA32	1	Tetap
3.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA29	1	Tetap
4.	Juruteknik Komputer	FT19	1	Tetap
5.	Personel MyStep	-	1	Kontrak

AKTIVITI

1. Operasi ICT

Bil.	Aktiviti
1.	Mentadbir dan menyelenggara infrastruktur dan keselamatan rangkaian setempat (LAN) dan (WiFi) Balai Seni Negara Kuala Lumpur dan Balai Seni Negara Langkawi. • Sistem perkabelan LAN dan WiFi ini merangkumi 2 blok bangunan berprasarana Balai Seni Negara Kuala Lumpur; - o Rangkaian ICT berkabel/wayar yang disokong oleh 60 <i>node</i> sambungan kekal dengan kelajuan 20 Mbps. - o Rangkaian ICT tanpa wayar termasuk WiFi untuk kakitangan dan pelanggan serta pengunjung galeri- galeri LPSVN berkelajuan 100Mbps. - o Akses ke intranet dan internet • Sistem perkabelan LAN dan WiFi ini merangkumi 1 Lot blok bangunan tiga (3) tingkat di Balai Seni Negara Langkawi; - o Rangkaian ICT berkabel/wayar yang disokong oleh 60 <i>node</i> sambungan kekal dengan kelajuan 10 Mbps. - o Rangkaian ICT tanpa wayar termasuk WiFi untuk kakitangan dan pelanggan serta pengunjung galeri- galeri LPSVN berkelajuan 30Mbps/ - o Akses ke intranet dan internet.
2.	Mentadbir dan menyelenggara aplikasi-aplikasi LPSVN sedia ada; • Portal rasmi laman web LPSVN • Sistem pertahanan rangkaian (Firewall) • Sistem Pengurusan Kewangan (GRP 9.0) • <i>Virtual Machine Software</i> LPSVN (VMware) • KOHA - Sistem Pengurusan Pusat sumber (Perpustakaan) • SPiKeS - Sistem Pengurusan Koleksi Seni • <i>Data Recovery System</i> (DRC) • <i>Active Directory</i> • Portal GoGallery • Portal WiFi • Portal dan Aplikasi Jejak Seni Malaysia
3.	Memberi sokongan teknikal komputer dan peralatan-peralatan ICT lain kepada 161 orang kakitangan serta selenggara aset teknologi maklumat LPSVN.
4.	Pentadbir kesiap siagaan akses bagi inisiatif/aplikasi guna sama kerajaan untuk kegunaan organisasi; • Aplikasi SAGA (<i>Standard Accounting for Government Agencies</i>) • HRMIS • SPA/MyAsset - Sistem Pengurusan Aset dan Inventori • GPIS - <i>Government Procurement Information System</i> • <i>Google Workspace</i> (GWS) - Sistem E-mel Bersepadu
5.	Pembangunan modal insan: • Latihan teknikal kepada pegawai dan kakitangan ICT • Memberi khidmat nasihat penggunaan perkhidmatan pendigitalan ICT iaitu <i>Video Conference</i> secara dalam talian (<i>online</i>). • Latihan aplikasi terkini (Microsoft Office, In Design, Photoshop, Micromedia). • Kursus Buku Vot • Kursus Kursus Pengenalan Kesedaran Keselamatan Maklumat ICT

2. Latihan Pegawai ICT & Kakitangan LPSVN

Bil.	Projek	Faedah
1.	Teknologi "Update" Pendigitalan ICT	Semua pegawai ICT menghadiri latihan teknologi pendigitalan ICT secara sendiri di beberapa platform dalam talian (<i>online</i>) yang disediakan oleh pihak kerajaan dan juga syarikat ICT yang berkaitan.

3. Projek Pembangunan Portal & Aplikasi Mudah Alih (*Mobile Apps*) Jejak Seni Malaysia

Bil.	Projek	Faedah
1.	Projek Pembangunan Portal & Aplikasi Mudah Alih (<i>Mobile Apps</i>) Jejak Seni Malaysia	Mendokumentasi dan memetakan ekosistem seni yang ada di seluruh Malaysia. Projek pembangunan Portal dan Aplikasi Mudah Alih (<i>Mobile Apps</i>) Jejak Seni Malaysia ini bersesuaian dengan norma baharu untuk capaian yang lebih mudah oleh semua penggiat seni dalam mempromosi dan menjual hasil karya melalui platform secara maya.

4. Sistem Pengurusan NAG Store Bersepadu LPSVN (*POS System*)

Bil.	Projek	Faedah
1.	Sistem Pengurusan NAG Store Bersepadu LPSVN (<i>POS System</i>)	Penstrukturan semula data, pencetak 'barcode' dan melatih pegawai dalam penggunaan POS Sistem bagi sistem pengurusan di Kedai Galeri, Balai Seni Negara Kuala Lumpur. Balai Seni Negara Langkawi juga terlibat dalam sistem pengurusan ini. .

5. Naiktaraf Storan dan Penyelenggaraan Pelayan LPSVN

Bil.	Projek	Faedah
1.	Naiktaraf Storan dan Penyelenggaraan Pelayan LPSVN bagi tempoh 3 tahun	Membolehkan sistem yang digunakan ini beroperasi dengan baik. Pelayan utama LPSVN menggunakan teknologi pelayan virtual iaitu terdapat 14 sistem LPSVN yang beroperasi di dalam pelayan utama. Sehingga kini, pelayan storan telah mencapai 80% dan memerlukan penambahan storan untuk membolehkan peningkatan data bagi sistem utama dan penambahan sistem baru boleh dijalankan beserta dengan penyelenggaraan.

6. Menggantikan 'Unified Threat Management' (Firewall)

Bil.	Projek	Faedah
1.	Menggantikan 'Unified Threat Management' (Firewall) bagi tempoh 5 tahun	Menggantikan Firewall berjenama 'Sophos' sedia ada yang digunakan pada tahun 2016. Oleh itu, tempoh penggantian bagi Firewall yang baru setelah 5 tahun digunakan adalah seiring dengan keperluan teknologi semasa.

7. Perkhidmatan Sistem Pengurusan Pusat Rujukan Seni (KOHA)

Bil.	Projek	Faedah
1.	Perkhidmatan Sistem Pengurusan Pusat Rujukan Seni (KOHA)	Sistem ini digunapakai oleh Unit Pusat Rujukan Seni.
2.	Latihan kepada Pegawai	Kursus yang dihadiri oleh Unit Pusat Rujukan Seni dan Seksyen Teknologi Maklumat LPSVN untuk mengetahui penggunaan sistem dan mempercepatkan proses kerja harian.

8. Sistem Pengurusan Kewangan (GRP 9.0)

Bil.	Projek	Faedah
1.	Sistem Pengurusan Kewangan (GRP 9.0)	Sistem Pengurusan Kewangan daripada SAGA 8.0 kepada GRP 9.0 selaras dengan aplikasi gunasama untuk semua agensi. GRP 9.0 digunapakai oleh Seksyen Kewangan. GRP 9.0 dibangunkan untuk memenuhi keperluan agensi kerajaan dalam semua saiz dan menyediakan teknologi moden yang diperlukan untuk memastikan tahap capaian dan kestabilan serta fleksibiliti yang tertinggi.

9. Menaiktaraf Sistem 'Active Directory' Windows Server LPSVN

Bil.	Projek	Faedah
1.	Menaiktaraf Sistem 'Active Directory' Windows Server LPSVN	Menaiktaraf Sistem 'Active Directory' Windows Server 2022 daripada Sistem 'Active Directory' Windows Server 2018 LPSVN. Active Directory ini membolehkan kerja-kerja mengawal, memelihara aspek keselamatan rangkaian terkini komputer (Windows), menyimpan konfigurasi jaringan user, group, domain name komputer, hardware serta polisi keselamatan ICT dalam satu database berpusat.



Seksyen Pembangunan

Bahagian Khidmat Pengurusan

Seksyen Pembangunan merupakan satu unit yang beroperasi di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan bagi mengekalkan fungsi bangunan dan peralatan-peralatan yang terdapat di dalam bangunan berada dalam keadaan baik. Selain itu, bagi memastikan setiap aktiviti-aktiviti yang dijalankan berjalan dengan sempurna, seksyen ini juga menguruskan operasi kerja-kerja penyelenggaraan bangunan, merancang, menyediakan laporan/kertas cadangan projek-projek fizikal serta melaksanakan kerja-kerja pengubahsuaian dan pembaikan kecil bangunan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara.

Fungsi

- Memastikan projek-projek pembangunan fizikal jabatan dilaksanakan dengan cekap dan sejajar dengan dasar kerajaan.
- Memberi sokongan teknikal bagi memastikan penyelenggaraan bangunan sentiasa berada dalam tahap yang baik.
- Memastikan semua peralatan mekanikal dan elektrik sentiasa berfungsi dengan lancar dan baik.
- Memberikan khidmat nasihat berkenaan teknikal bagi program dan pameran yang berlangsung di dalam dan luar bangunan LPSVN.

Keanggotaan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan	Status
1.	Pegawai Jurutera Kanan	JA36	1	Tetap
2.	Penolong Jurutera	JA29	3	Tetap
3.	Pembantu Kemahiran	H26	1	Tetap
4.	Penjaga Jentera Elektrik	J19	1	Tetap
5.	Pembantu Kemahiran	H19	1	Tetap
6.	Pembantu Tadbir	N19	1	Tetap
7.	Pembantyu Operasi	N11	1	Tetap

Operasi

Bil.	Aktiviti
1.	Penyelenggaraan bangunan dan peralatan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara
2.	Menyelia dan memastikan projek-projek pembangunan disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan
3.	Memberi khidmat nasihat hal-hal berkaitan teknikal dan bangunan
4.	Mengurus dan memantau keperluan teknikal untuk acara rasmi.

Pembangunan Projek

Bil.	Projek	Faedah
1.	Kerja-kerja Ubahsuai Ruang Dalam Galeri	- Memastikan ruang-ruang galeri yang telah dibaikpulih dan dilengkapi hiasan dalaman bagi tujuan pameran yang lebih menarik kepada pengunjung. - Memberikan keselesaan yang berterusan kepada pengunjung dan kakitangan LPSVN.
2.	Cadangan Kerja-kerja Pembaikan Bumbung Bangunan Galeri LPSVN	- Memastikan ruang kemudahan dan fasiliti dalam keadaan sempurna dan selamat bagi pengunjung dan kakitangan LPSVN. - Membolehkan pegawai dan kakitangan dapat melaksanakan tugas dengan baik dan selamat.
3.	Kerja-kerja Pembaikan Keretakan Dinding Dalam dan Luar serta Kerja-kerja Mengecat Bangunan Galeri LPSVN	- Memastikan ruang kemudahan dan fasiliti dalam keadaan sempurna dan selamat bagi pengunjung dan kakitangan LPSVN. - Menaikkan imej LPSVN sebagai sebuah pusat seni terunggul di Malaysia.
4.	Kerja-kerja Penurapan Semula Jalan serta Pencucian dan Pembaikan Semula Laluan Siar Kaki Sekitar Premis Bangunan LPSVN	Memastikan ruang kemudahan dan jalan serta parkir dalam keadaan sempurna dan selamat bagi pengunjung dan kakitangan LPSVN
5.	Cadangan Kerja-kerja Ubahsuai Kafe Galeri, Kedai Galeri & Ruang Dalam Lobi Utama Bangunan Galeri LPSVN	Memastikan ruang kemudahan dan fasiliti kafeteria dalam keadaan sempurna kepada pengunjung dan kakitangan untuk berehat dan aktiviti bersosial.
6.	Penyiapan Baki Kerja-kerja Naiktaraf Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) dan Kad Akses di Bangunan Galeri dan Pentadbiran Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara	Menjadikan kualiti peralatan dan teknologi keselamatan setaraf dengan teknologi terkini bagi memastikan karya koleksi dan bangunan dalam keadaan baik dan selamat.
7.	Kerja-kerja Pembaikan Bangunan Art Depot Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN)	- Memastikan ruang pengkarya atau penggiat seni dalam keadaan baik dan sempurna. - Menjadikan keselesaan kepada pengkarya untuk menjalankan aktiviti pembelajaran dan menghasilkan karya koleksi yang lebih menarik kepada pengunjung ke kawasan Art Depot.



Seksyen Kewangan

Bahagian Khidmat Pengurusan



Pengurusan Kewangan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) telah dipertanggungjawabkan kepada Seksyen Kewangan yang terletak di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan. Seksyen ini yang dianggotai oleh 7 orang kakitangan dan merupakan salah satu seksyen yang tidak kurang pentingnya dalam menjana kemajuan dalam mencapai visi, misi dan objektif LPSVN.

Seksyen ini, bertanggungjawab untuk memastikan semua proses pesanan tempatan perkhidmatan/bekalan, pembayaran bil dan emolumen kakitangan LPSVN serta penerimaan hasil dapat diproses dengan cepat dan direkodkan dengan cara yang betul berdasarkan prinsip kewangan yang telah digariskan oleh Jabatan Akauntan Negara. Ini dapat dibuktikan apabila Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara telah mencapai prestasi 100% dalam pemprosesan bil dan tuntutan mengikut agensi/badan berkanun bagi tahun 2022.

Sehingga kini LPSVN menggunakan sistem SAGA (*Standard Accounting System for Government Agencies*) yang diperkenalkan pada April 2006 yang kini telah dinaiktaraf kepada *Government Resource Planning* versi 9 (GRP 9.0) pada tahun 2021 dalam memastikan setiap *output* berkaitan dengan skop kewangan dapat dihasilkan dengan tepat dan sistematik.

Bagi tahun 2022, LPSVN telah menerima peruntukan Dana Mengurus daripada Kementerian Kewangan Malaysia sebanyak RM 20,200,000.00 yang mana jumlah ini telah meningkat sebanyak 8.4% secara keseluruhannya berbanding peruntukan Dana Mengurus yang

diterima pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, bagi menampung ketidakcukupan peruntukan mengurus akibat sekatan peruntukan yang dikenakan, LPSVN telah menggunakan peruntukan dalaman sebanyak RM 8,047,360.00 menjadikan peruntukan mengurus keseluruhan tahun 2022 adalah sebanyak RM 28,247,360.00.

FUNGSI

Menyokong tadbir urus organisasi LPSVN serta melaksanakan semua aspek pengurusan dan perakaunan selaras dengan peraturan kewangan yang ditetapkan.

KEANGGOTAAN

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan	Status
1.	Akauntan	WA44	1	Tetap
2.	Penolong Akauntan Kanan	WA32	1	Tetap
3.	Penolong Akauntan	WA29	2	Tetap
4.	Pembantu Akauntan Kanan	WA22	2	Tetap
5.	Pembantu Akauntan	WA19	1	Tetap

AKTIVITI/OPERASI KEWANGAN

Bil.	Aktiviti
1.	Menyediakan cek/E-Pembayaran (<i>eft</i>) bagi proses pembayaran untuk perkhidmatan/bekalan yang telah selesai dibekalkan kepada LPSVN.
2.	Menyediakan borang pesanan tempatan (<i>Local Order</i>).
3.	Mengurus dan memproses pembayaran emolumen dan elaun tetap kepada kakitangan.
4.	Merekod dan menyediakan resit bagi hasil yang diterima.
5.	Menyediakan laporan kewangan dan belanjawan
6.	Menyediakan penyata-penyata yang berkaitan dengan proses pengauditan.

PENCAPAIAN

Pembangunan/penambahbaikan tadbir urus kewangan

Bil.	Projek	Faedah
1.	Memperoleh Sijil Bersih Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan LPSVN bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.	Mempamerkan kekemasan tadbir urus kewangan dan perbelanjaan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara untuk menjalankan visi, misi dan objektif.
2.	Memperoleh Sijil Pematuhan SAGA atau 'SAGA Compliant' pada 5 Julai 2017 dan merupakan agensi pertama di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) yang telah berjaya mendapat sijil berkenaan daripada Jabatan Akauntan Negara. Jabatan Akauntan Negara telah melaksanakan lawatan susulan (selaras Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2018) terhadap agensi ini memandangkan LPSVN telah memperolehi Sijil Pematuhan SAGA melebihi tempoh tiga (3) tahun dari tarikh Sijil Pematuhan SAGA. LPSVN telah menerima Sijil Pematuhan susulan SAGA pada 25 Februari 2022 dan merupakan Badan Berkanun Persekutuan (BBP) yang pertama di Malaysia yang memperolehi sijil ini bagi versi GRP 9.0	Membolehkan LPSVN menyediakan penyata akaun dengan lebih cepat, kemas, terkini dan dapat disediakan pada setiap hari mengikut standard perakaunan yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara.

PECAHAN PERUNTUKAN MENGRUS (OE)

Dana Mengurus, Lembaga Pembangunan Seni
Visual Negara Bagi Tahun 2022 dan 2021

Bil.	Projek	Peruntukan 2022 (RM)	Peruntukan 2021 (RM)
1.	Dasar Sedia Ada	20,000,000.00	17,000,000.00
2.	Dasar Baru	-	80,000.00
3.	Dasar <i>One-Off</i>	200,000.00	1,550,000.00
4.	Rezab Dalam LPSVN	8,047,360.00	9,205,230
Jumlah Keseluruhan		RM 28,247,360.00	RM 27,835,230.00

DANA MENGRUS LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA

PERUNTUKAN 2022



PERUNTUKAN 2021



LAPORAN PENCAPAIAN PRESTASI PROGRAM/AKTIVITI/PROJEK

Bil.	Key Performance (KPI)	Program/ Aktiviti/ Projek dilaksanakan	Objektif	Risiko Utama (Risk key)	Status Kemajuan	Outcome
1.	Pengauditan Penyata Kewangan LPSVN setiap tahun	Penguatkuasaan pmatuhan arahan pentadbiran dan pekiling berkuat kuasa	Memperolehi sijil bersih	Pelanggaran arahan dalaman dan pekiling berkuat kuasa	Telah memperolehi sijil bersih pada tahun 2021	Kekemasan tadbir urus kewangan dan perbelanjaan LPSVN lebih berintegriti dalam mencapai visi, misi dan objektif.
2.	Sesi semakan sistem SAGA (selaras Surat Pekeling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2018)	Memastikan sistem perakaunan sedia ada ditadbir dengan baik dan boleh dipercayai (berintegriti).	Memperolehi pmatuhan SAGA	Keputusan hasil semakan susulan pmatuhan SAGA yang gagal akan menyebabkan integriti laporan daripada sistem boleh diragui	Telah memperolehi Sijil Pmatuhan SAGA pada 5 Julai 2017 dan pmatuhan susulan SAGA pada 25 Februari 2022	Laporan kewangan yang dikeluarkan dari sistem lebih cepat dan berintegriti

HALA TUJU DAN PERANCANGAN MASA HADAPAN

Bil.	Aktiviti
1.	Memperolehi Sijil Bersih bagi Pengauditan Penyata Kewangan
2.	Menyediakan buku Arahan Kewangan (AK) untuk rujukan pegawai dan kakitangan LPSVN

Penyata Kewangan



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 31.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara 2011 [Akta 724].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara 2011 [Akta 724]. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, sama ada disebabkan fraud atau

kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;


- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urusan niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Seksyen 9 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] menyatakan jika badan berkanun tidak dapat mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan, badan berkaniun hendaklah memohon pelanjutan secara bertulis sebelum tamat had masa itu dan mendapat kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan. Pelanjutan masa yang diluluskan tidak boleh melebihi tiga bulan secara agregat bagi tiap-tiap tahun kewangan. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan telah meluluskan pelanjutan masa sehingga 30 September 2023 kepada Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara. Bagaimanapun, penyata kewangan belum beraudit yang lengkap telah dikemukakan kepada saya pada 17 November 2023, iaitu selepas sembilan bulan berakhirnya tahun kewangan. Perkara ini tidak menepati kehendak Akta 240.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara 2011 [Akta 724] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
13 FEBRUARI 2024



PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami Shaik Rizal bin Shaik Sulaiman dan Eugene Sylester a/l Stephen yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

Bagi pihak Lembaga,



.....
NAMA : SHAIK RIZAL BIN SHAIK SULAIMAN
GELARAN : Pengerusi
TARIKH : 16 NOV 2023
TEMPAT : KUALA LUMPUR



.....
NAMA : EUGENE SYLESTER A/L STEPHEN
GELARAN : Ahli Lembaga Pengarah
TARIKH : 16 NOV 2023
TEMPAT : KUALA LUMPUR

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA**

Saya, Amerrudin bin Ahmad, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)

diakui oleh penama di atas)

di Kuala Lumpur)

Wilayah Persekutuan)

pada)

1 6 NOV 2023



AMERRUDIN BIN AHMAD
(701007-02-5035)



43A-1-M, JALAN NEGERA
SENTUL-1
BANDAR BARU SENTUL
51000 KUALA LUMPUR

PESURUHJAYA SUMPAH

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2022**

	NOTA	2022 RM	2021 RM
ASET			
Aset Semasa			
Tunai dan Kesetaraan Tunai	5	62,061,791	15,048,262
Simpanan Tetap	6	-	55,000,000
Akaun Belum Terima bagi Urus Niaga Pertukaran	7	175,148	81,247
Inventori	8	84,067	89,089
Aset Semasa Lain	9	177,749	280,571
Jumlah Aset Semasa		62,498,755	70,499,169
Aset Bukan Semasa			
Pelaburan	10	22,153	25,234
Hartanah, Loji dan Peralatan	11	47,682,573	49,895,193
Aset Tak Ketara	12	341,818	278,632
Koleksi Negara	13	113,369,673	112,629,673
Aset Bukan Semasa Lain	14	174,343	227,351
Jumlah Aset Bukan Semasa		161,590,560	163,056,083
Jumlah Aset		224,089,315	233,555,252
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Akaun Belum Bayar bagi Urus Niaga Pertukaran	15	1,748,782	2,007,707
Geran Tertunda	16	5,634,843	5,321,353
Peruntukan Manfaat Pekerja	17	155,761	21,845
Jumlah Liabiliti Semasa		7,539,386	7,350,905
Liabiliti Bukan Semasa			
Deposit	18	316,936	339,243
Geran Tertunda	16	23,823,371	25,533,137
Peruntukan Manfaat Pekerja	17	543,840	612,262
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		24,684,147	26,484,642
Jumlah Liabiliti		32,223,533	33,835,547
ASET BERSIH			
Lebihan Berkumpul:			
Dana Mengurus	19	87,760,764	85,288,998
Dana Amanah	20	4,788,396	15,854,085
Dana Koleksi Negara	21	99,316,622	98,576,622
Jumlah Aset Bersih		191,865,782	199,719,705
Jumlah Aset Bersih dan Liabiliti		224,089,315	233,555,252

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	NOTA	2022 RM	2021 RM
PENDAPATAN			
Hasil Dapada Urus Niaga Pertukaran	22	1,247,802	801,150
Hasil Dapada Urus Niaga Bukan Pertukaran	23	23,431,880	21,161,893
Jumlah Pendapatan		<u>24,679,682</u>	<u>21,963,043</u>
Tolak: PERBELANJAAN			
Emolumen	24	8,649,120	8,278,317
Perkhidmatan dan Bekalan	25	17,914,341	13,036,271
Susut nilai	11	5,462,825	5,461,890
Pelunasan Aset Tak Ketara	12	42,573	98,820
Perbelanjaan Lain	26	1,204,746	877,685
Jumlah Perbelanjaan		<u>33,273,605</u>	<u>27,752,983</u>
Kurangan Pendapatan Bagi Tahun Sebelum Cukai		(8,593,923)	(5,789,940)
Tolak: Cukai	27	-	-
Kurangan Pendapatan Bagi Tahun Selepas Cukai		<u>(8,593,923)</u>	<u>(5,789,940)</u>

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

**PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Tahun 2022	Dana Mengurus		Dana Amanah		Dana Koleksi Negara		Jumlah	
	RM		RM		RM		RM	
Baki Seperti Pada 1 Januari 2022	85,288,998		15,854,085		98,576,622		199,719,705	
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Dari Perbelanjaan Bagi Tahun Semasa	2,471,766		(11,065,689)		-		(8,593,923)	
Tambahan Tahun Semasa	-		-		740,000		740,000	
Baki Seperti Pada 31 Disember 2022	87,760,764		4,788,396		99,316,622		191,865,782	
Tahun 2021								
Baki Seperti Pada 1 Januari 2021	82,513,028		24,419,995		98,446,622		205,379,645	
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Dari Perbelanjaan Bagi Tahun Semasa	2,775,970		(8,565,910)		-		(5,789,940)	
Tambahan Tahun Semasa	-		-		130,000		130,000	
Baki Seperti Pada 31 Disember 2021	85,288,998		15,854,085		98,576,622		199,719,705	

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	NOTA	2022 RM	2021 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Kurangan Pendapatan Sebelum Cukai		(8,593,923)	(5,789,940)
Pelarasan Untuk:			
Peruntukan Manfaat Pekerja	17	207,353	136,990
Untung Rugi Nilai Saksama Pelaburan	10	3,081	(4,860)
Pelarasan Hartanah, Loji dan Peralatan Terlebih Rekod	11	427,741	12,021
Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	11	5,462,825	5,461,890
Pelunasan Aset Tak Ketara	12	42,573	98,820
Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan		29	1
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	22	(31)	(16,700)
Kurangan Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja		(2,450,352)	(101,778)
Kurangan/(Pertambahan) Simpanan Tetap		55,000,000	(45,000,000)
(Pertambahan)/Kurangan Akaun Belum Terima bagi Urus Niaga Pertukaran		(93,901)	83,753
Kurangan Inventori		5,022	20,978
Kurangan Aset Semasa dan Aset Bukan Semasa Lain		155,830	109,054
Kurangan Akaun Belum Bayar bagi Urus Niaga Pertukaran		(258,925)	(804,950)
Bayaran Manfaat Pekerja	17	(141,859)	(58,331)
(Kurangan)/Pertambahan Deposit		(22,307)	174,888
		54,643,860	(45,474,608)
Aliran Tunai Bersih Daripada/(Digunakan Untuk) Aktiviti Operasi		52,193,508	(45,576,386)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	11	(3,762,990)	(4,003,889)
Hasil Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan		46	16,700
Pembelian Aset Tak Ketara	12	(20,759)	(4,000)
Pembelian Koleksi Negara		-	(1,209,500)
Aliran Tunai Bersih Digunakan Untuk Aktiviti Pelaburan		(3,783,703)	(5,200,689)
ALIRAN TUNAI DIGUNAKAN UNTUK AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Geran Tertunda Terimaan	16	7,702,590	2,634,000
Geran Tertunda Pelunasan	16	(9,098,866)	(4,235,703)
Pemulangan Lebihan Peruntukan Geran		-	(323,268)
Aliran Tunai Bersih Digunakan Untuk Aktiviti Pembiayaan		(1,396,276)	(1,924,971)
Lebihan Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai		47,013,529	(52,702,046)
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		15,048,262	67,750,308
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	5	62,061,791	15,048,262

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

PENYATA PRESTASI BAJET
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Sebenar 2022	Dalam Ringgit Malaysia (RM)	Sebenar 2021	Bajet Diterima	Bajet Diluluskan	Perbezaan Bajet Diluluskan dan Sebenar
PENDAPATAN					
1,247,802	Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran	801,150	-	-	(1,247,802)
23,431,880	Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran	21,161,893	28,447,360	20,200,000	(3,231,880)
<u>24,679,682</u>	Jumlah Pendapatan	<u>21,963,043</u>	<u>28,447,360</u>	<u>20,200,000</u>	<u>(4,479,682)</u>
Tolak: PERBELANJAAN					
8,649,120	Emolumen	8,278,317	8,572,795	8,649,120	-
17,914,341	Perkhidmatan dan Bekalan	13,036,271	16,676,786	11,550,880	(6,363,461)
5,462,825	Susut nilai	5,461,890	-	-	(5,462,825)
42,573	Perlunasan Susut nilai	98,820	-	-	(42,573)
1,204,746	Perbelanjaan Lain	877,685	3,197,779	-	(1,204,746)
<u>33,273,605</u>	Jumlah Perbelanjaan	<u>27,752,983</u>	<u>28,447,360</u>	<u>20,200,000</u>	<u>(13,073,605)</u>
Kurangan Pendapatan Bagi Tahun					
(8,593,923)	Sebelum Cukai	(5,789,940)	-	-	8,593,923
-	Tolak: Cukai	-	-	-	-
Kurangan Pendapatan Bagi Tahun					
<u>(8,593,923)</u>	Selepas Cukai	<u>(5,789,940)</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>8,593,923</u>

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah meluluskan dan menyalurkan Peruntukan Mengurus LPSVN bagi tahun 2022 berjumlah RM20,200,000 (2021: RM18,630,000) iaitu peningkatan 8.43% berbanding tahun lepas. Bagi menampung perbelanjaan mengurus sedia ada yang tidak mencukupi, kelulusan menggunakan Dana Rezab Tunai LPSVN sejumlah RM8,247,360 telah diperoleh melalui mesyuarat Lembaga bil. 3/2021 pada 23 November 2021 menjadikan peruntukan semasa berjumlah RM28,447,360.

Belanjawan disediakan menggunakan asas tunai berdasarkan batas perbelanjaan yang diluluskan MOF manakala penyediaan penyata kewangan pula disediakan pada asas akrual yang spesifik atas justifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan dan hasil di dalam penyata kewangan. Perbezaan masih wujud apabila tempoh penyediaan belanjawan dan penyata kewangan disediakan pada tarikh berbeza mengikut garis panduan berkuatkuasa.

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

PENYATA PRESTASI BAJET
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Jadual Penyesuaian Penyata Prestasi Bajet Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut :

	Operasi (RM)	Pelaburan (RM)	Pembiayaan (RM)	Jumlah (RM)
Amaun Sebenar Penyata Perbandingan				
Bajet dan Sebenar	24,679,682	-	-	24,679,682
Perbelanjaan Sebenar Tahun Semasa	(27,337,385)	-	-	(27,337,385)
Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan	29	-	-	29
Pengurangan Aset	55,066,951	-	-	55,066,951
Pengurangan Liabiliti	(1,612,014)	-	-	(1,612,014)
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	(31)	-	-	(31)
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	-	(3,762,990)	-	(3,762,990)
Pembelian Aset Tak Ketara	-	(20,759)	-	(20,759)
Hasil Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan	-	46	-	46
Amaun Sebenar Penyata Aliran Tunai	50,797,232	(3,783,703)	-	47,013,529

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

1. KEGIATAN UTAMA

Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) di bawah Akta Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara 2011 (Akta 724) merupakan agensi yang beroperasi dan hanya tertakluk kepada bidang kuasa di Malaysia.

Aktiviti utama LPSVN adalah mengadakan pameran, memelihara dan mengumpulkan karya-karya seni visual selaras Akta Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara 2011 (Akta 724).

Tiada perubahan penting dalam aktiviti utama sepanjang tahun kewangan.

Pejabat LPSVN terletak di No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur. Setakat 31 Disember 2022, LPSVN beroperasi di pejabat ini.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang merupakan matawang perbentangan dan fungsi LPSVN. Semua maklumat kewangan dibentangkan dalam "RM" dan telah dibundarkan kepada ringgit yang terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

Penyata Kewangan 2022 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara pada 16 November 2023.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.a Asas Penyediaan

Penyata Kewangan telah disediakan menggunakan konvensyen kos sejarah yang telah diubahsuaikan bagi penilaian Koleksi Negara dan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

2.b Pengiktirafan Pendapatan

i) Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti. Hasil urus niaga daripada pertukaran bagi LPSVN adalah daripada sewaan bangunan, faedah simpanan tetap, faedah akaun semasa, untung rugi jualan aset LPSVN, tuntutan/rebat daripada syarikat insurans, terimaan bayaran denda lewat bagi projek pembangunan dan faedah pelaburan dalam dan luar negara. Faedah diterima daripada simpanan tetap serta dividen telah diambil kira dalam akaun mengikut asas akrual.

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.b Pengiktirafan Pendapatan (Sambungan)

ii) Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah.

Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran adalah daripada pemberian tetap Kerajaan dan sumbangan atau tajaan pameran daripada sektor swasta dan korporat manakala sumber pendapatan dalaman LPSVN adalah daripada jualan penerbitan, faedah pinjaman kenderaan dan komputer, keahlian '*membership*', jualan dokumen tender, komisyen '*Creative Space*', jualan *NAG Store*, pelunasan Geran Tertunda serta pindahan daripada Tabung Endowment untuk menampung perbelanjaan operasi LPSVN.

Pelunasan Geran Tertunda hendaklah dikurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu. Pendapatan daripada jualan di *NAG Store* diiktiraf mengikut asas hasil jualan ditolak nilai kos inventori dan perbelanjaan-perbelanjaan *NAG Store*.

2.c Hartanah, Loji dan Peralatan serta Susut nilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian kemerosotan terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan diturunkan nilai pada amaun yang dijangka dapat diperolehi jika pada pendapat LPSVN amaun tersebut adalah kurang daripada nilai buku bersih secara berkekalan. Tiada kos pemulihan yang dikenakan ke atas hartanah, loji dan peralatan. Kadar susut nilai tahunan yang digunapakai adalah seperti berikut:

Hartanah, Loji dan Peralatan	Kadar Tahunan
Bangunan	2%
Naik taraf bangunan	10%
Alat pejabat	15%
Perabot dan kelengkapan	10%
Memperbaiki pejabat	10%
Kenderaan	20%
Alat fotografi	15%

Susut nilai bagi hartanah, loji dan peralatan adalah berdasarkan kepada kaedah susut nilai garis lurus sehingga setiap aset itu mencapai nilai sisa ke atas jangka hayat berguna berdasarkan kepada nisbah setahun maka aset itu boleh dilupuskan.

Mana-mana aset yang dibeli sebelum 15 hari bulan akan dikira susut nilainya pada bulan berkenaan. Manakala aset yang dibeli selepas 15 hari bulan akan dikira bermula pada bulan berikutnya.

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA (Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.d Aset Tak Ketara serta Susut nilai

Aset Tak Ketara ialah aset bukan kewangan yang dapat dikenal pasti tanpa kewujudan secara fizikal. Aset Tak Ketara meliputi pangkalan data dan perisian kerana sifatnya yang boleh dimiliki atau dikawal organisasi dan mempunyai nilai wang.

Susut nilai bagi aset tak ketara adalah berdasarkan kepada kaedah susut nilai garis lurus sehingga setiap aset itu mencapai nilai sisa ke atas jangka hayat berguna berdasarkan kepada nisbah setahun maka aset itu boleh dilupuskan.

Aset Tak Ketara	Kadar Tahunan
Pangkalan Data	10%
Perisian	10%

2.e Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja dalam pelaksanaan yang dilakukan oleh LPSVN akan dimodalkan dalam hartanah, loji dan peralatan setelah mendapat sijil perakuan layak menduduki (*Certificate of Fitness-CF*) ataupun sijil perakuan siap kerja (*Certificate of Practical Completion-CPC*). Susut nilai tidak dikenakan ke atas kerja dalam pelaksanaan yang masih dalam pembinaan.

2.f Koleksi Negara

Koleksi Negara merupakan khazanah negara yang dikumpulkan untuk tujuan naratif sejarah negara dan seni visual di Malaysia. Koleksi Negara adalah Koleksi Seni Visual yang diperoleh daripada proses perolehan, penerimaan hadiah dan komisen yang diluluskan oleh LPSVN dan dijadikan aset tetap LPSVN. Polisi bagi Koleksi Negara ini tidak disusutnilai tetapi dinilai semula setiap 5 tahun mengikut kaedah '*compounding*' melalui satu jawatankuasa yang dilantik.

2.g Pelaburan

Pelaburan dinyatakan pada nilai saksama pelaburan.

2.h Kemerosotan Aset

Nilai aset yang dibawa disemak pada tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat tanda-tanda kemerosotan. Jikalau wujud tanda-tanda demikian, nilai aset dijangka dapat diperoleh dianggarkan. Nilai dijangka dapat diperoleh merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan aset dan nilai diguna, yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka yang didiskaunkan.

Kerugian kemerosotan dicajkan terus kepada Penyata Prestasi Kewangan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam nilai dijangka dapat diperolehi diiktirafkan sebagai keterbalikan kerugian kemerosotan terdahulu dan diiktirafkan setakat nilai aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susut nilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian kemerosotan diiktirafkan sebelum ini.

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA (Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.i Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai realisasi bersih. Kos meliputi kos pembelian barang siap untuk dijual terus kepada pembeli. Kos ditentukan mengikut asas masuk dulu keluar dulu. Nilai realisasi bersih adalah anggaran harga jualan dalam urusan perniagaan biasa, tolak semua anggaran kos jualan.

2.j Geran Tertunda

Geran Tertunda digunakan untuk tujuan pembangunan dan program khas oleh LPSVN. Dana ini diperolehi daripada Kerajaan bagi tujuan sesuatu pembangunan dan akan dipermodalkan manakala untuk program khas akan dilunaskan sehingga projek selesai. Objektif dana ini adalah memastikan peruntukan yang diluluskan akan dikawalselia serta dibelanjakan mengikut siling yang telah ditetapkan.

2.k Dana Mengurus

Dana Mengurus digunakan untuk perbelanjaan operasi dan pengurusan LPSVN. Pendapatan bagi dana ini diterima melalui peruntukan setiap tahun daripada Kerajaan, rezab LPSVN berserta sumbangan-sumbangan lain yang diterima dari semasa ke semasa. Objektif dan dasar dana ini adalah bertujuan mengawalselia peruntukan diterima setiap tahun supaya setiap peruntukan diterima dibelanjakan mengikut siling yang diluluskan Lembaga dan Menteri bertanggungjawab kepada LPSVN.

2.l Dana Amanah

Dana ini terdiri daripada empat kategori:

i) Tabung Endowmen

Dana ini diperolehi daripada sumbangan Kerajaan, PetroliaM Nasional Berhad (Petronas) dan Malayan Banking Berhad (Maybank). Objektif dana ini adalah bertujuan sebagai Dana Induk kumpulan wang seni visual yang mana akan digunakan berdasarkan kelulusan Lembaga dan Menteri bertanggungjawab kepada LPSVN. Dasar penggunaan modal adalah tertakluk kepada Akta Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara 2011 (Akta 724).

ii) Tabung Pinjaman

Dana ini digunakan untuk tujuan pinjaman kenderaan dan komputer kakitangan LPSVN. Objektif dana ini adalah menyediakan peruntukan kepada kakitangan untuk melaksanakan pinjaman kakitangan berdasarkan pekeliling yang berkuat kuasa.

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA (Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.l Dana Amanah (Sambungan)

iii) Urusniaga

Dana ini digunakan untuk tujuan penjanaaan pendapatan produk dan perkhidmatan LPSVN serta perbelanjaan yang melibatkan penjanaaan pendapatan. Objektif dana ini bertujuan sebagai mempromosi LPSVN secara berterusan selain sentiasa mengekalkan impak keberadaan di setiap lokasi program anjuran lain-lain jabatan atau agensi yang disertai.

iv) Projek

Dana ini digunakan untuk tujuan projek-projek yang telah dirancang setiap tahun akan dibelanjakan mengikut keperluan dan peruntukan yang diterima melalui peruntukan mengurus, pembangunan dan menggunakan Rezab Tunai LPSVN. Dalam pelaksanaan projek, terdapat juga pelaksanaan projek yang memerlukan tempoh masa yang panjang iaitu melebihi satu tahun yang memberi kesan kepada perbelanjaan LPSVN. Pengelasan sebagai belanja projek adalah hanya perbelanjaan projek pembangunan dan projek ICT sahaja.

2.m Dana Koleksi Negara

Dana ini adalah nilai Koleksi Negara LPSVN yang dipermodalkan.

2.n Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai adalah berjangka pendek dan mempunyai kecairan yang tinggi dengan tempoh kematangan tidak melebihi tiga bulan dari tarikh mula pegangan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki tunai di tangan dan di bank, serta simpanan tetap di bank dan institusi kewangan yang berlesen yang tidak digunakan sebagai cagaran.

2.o Pelan Sumbangan Tetap

LPSVN juga menyumbang kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), yang merupakan skim sumbangan yang ditakrifkan. Skim sumbangan yang ditakrifkan adalah satu skim di mana LPSVN membayar sumbangan yang ditetapkan tetapi tidak mempunyai tanggungjawab untuk membayar sumbangan yang lebih sekiranya dana ini tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semula manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan pekerja untuk tempoh semasa atau tempoh yang lalu. Sumbangan kepada skim sumbangan yang ditakrifkan akan dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh ianya dikaitkan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA (Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.p Peruntukan Manfaat Pekerja

Manfaat pekerja terdiri daripada:

i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Bayaran ganjaran kontrak dan bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) kepada pekerja kontrak serta bayaran GCR kepada pekerja tetap dalam tempoh kurang 365 hari daripada gaji terakhir pekerja.

Pemberian awal *award* wang tunai GCR sebanyak 80 hari daripada jumlah hari maksimum pengumpulan GCR hanya dibuat sekali sahaja sepanjang perkhidmatan pekerja sejajar dengan Pekeliling Perkhidmatan Ceraian PP.1.3.4 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2022, manakala baki GCR terkumpul akan dibayar pada tahun persaraan wajib pekerja.

ii) Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Bayaran ganjaran kontrak dan bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) kepada pekerja kontrak serta bayaran GCR kepada pekerja tetap dalam tempoh melebihi 365 hari daripada gaji terakhir pekerja.

Pengiraan kos manfaat persaraan dilaksanakan berdasarkan pengiraan aktuari bertaualiah dengan menggunakan kaedah "*Projected Unit Credit Method*" selaras dengan MPSAS 25 adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{GCR atau Jumlah Ganjaran sebelum } \textit{Present Value (PV)} \times \text{Tahun Berkhidmat}}{\text{Baki Tahun Bersara} \times (1+4\%)^{\text{baki tahun perkhidmatan}} - 1}$$

2.q Kriteria Ketidakpastian Anggaran

i) Cukai Pendapatan

Bermula tahun 2015, LPSVN adalah tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 yang mana berisiko dikenakan cukai pada masa akan datang.

ii) Rosotnilai Koleksi Negara

Nilai Koleksi Negara adalah ditentukan berdasarkan nilai sejarah dan permintaan terhadap karya. Nilai koleksi berisiko untuk rosotnilai apabila tiada permintaan dalam pasaran.

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA (Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.r Akaun Belum Terima Am dan Akaun Belum Terima Perniagaan

Kadar peruntukan Hutang Ragu yang dibuat ke atas Akaun Belum Terima Am dan Akaun Belum Terima Perniagaan adalah berdasarkan kepada penyemakan akhir tahun ke atas baki hutang untuk tempoh tertentu yang belum dapat dipungut. Kadar-kadarnya adalah seperti berikut:

<u>Usia Tunggakan Hutang</u>	<u>Kadar Peruntukan Hutang Ragu</u>
Kurang dari 90 hari (0-89 hari)	0%
90 hari hingga 180 hari (90-180 hari)	20%
181 hari hingga 365 hari (181-365 hari)	50%
Lebih 365 hari (Lebih setahun)	100%

Hutang lapuk akan dihapuskira pada tempoh ianya dikenalpasti.

3. INSTRUMEN KEWANGAN

Objektif pengurusan risiko kewangan LPSVN adalah bagi mengoptimalkan perbelanjaan yang ketara untuk mendapatkan pulangan lumayan dalam mempromosikan seni lukis. Polisi pengurusan risiko kewangan LPSVN bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan adalah mencukupi untuk menjalankan operasinya dengan lancar. LPSVN membiayai operasinya dengan menggunakan peruntukan Kerajaan dan sumber dalaman. Oleh itu, LPSVN tidak terdedah kepada risiko kadar faedah daripada pinjaman bank.

3.a Pengiktirafan dan Pengukuran Awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila LPSVN menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada nilai saksama dicampur, dalam keadaan sesuatu instrumen kewangan tidak dinyatakan pada nilai saksama melalui Penyata Prestasi Kewangan, kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan perolehan atau terbitan instrumen kewangan.

3.b Pengkelasan Instrumen Kewangan dan Penilaian Berikutan

LPSVN mengkategorikan instrumen kewangan sebagaimana berikut:

i) Aset Kewangan

Pengkelasan aset kewangan berdasarkan MPSAS adalah bergantung kepada tujuan aset kewangan berkaitan dilabur LPSVN. LPSVN menentukan pengkelasan aset kewangan pada waktu pembelian dibuat. Aset kewangan yang selain daripada kategori Pendahuluan dan Pinjaman Kakitangan dan Penghutang Pelbagai dan Prabayar ditunjukkan secara berasingan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

3. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

3.b Pengkelasan Instrumen Kewangan dan Penilaian Berikutan (Sambungan)

i) Aset Kewangan (Sambungan)

Pengiktirafan dan penilaian awal aset kewangan adalah sebagaimana berikut:

- Pembelian dan penjualan aset kewangan diiktiraf pada tarikh urus niaga iaitu tarikh di mana LPSVN berkomitmen untuk membeli atau menjual aset kewangan berkaitan.
- Pengiktirafan awal aset kewangan adalah pada nilai saksama termasuk kos transaksi yang berkaitan.

Polisi perakaunan bagi aset kewangan adalah seperti berikut:

i.i Pendahuluan dan Pinjaman Kakitangan

Instrumen Pendahuluan dan Pinjaman Kakitangan adalah aset kewangan bukan derivatif dan mempunyai jadual bayaran yang telah ditetapkan atau ditentukan di mana aset kewangan ini tidak disenaraikan dalam pasaran aktif. Aset kewangan Pendahuluan dan Pinjaman Kakitangan diiktiraf pada tarikh urus niaga di mana LPSVN berkomitmen untuk memberi pinjaman termasuk kos transaksi yang berkaitan jika ada.

Polisi perakaunan bagi aset kewangan Pendahuluan dan Pinjaman Kakitangan adalah sebagaimana berikut:

Pinjaman Kakitangan

Tiada kesan signifikan untuk mencatat aset kewangan Pinjaman Kakitangan pada nilai saksama bagi tujuan penilaian berikutnya. Terdapat dua (2) jenis skim pinjaman yang ditawarkan kepada staf LPSVN pada kadar faedah yang diluluskan oleh Lembaga berdasarkan terma dan syarat perkhidmatan sebagaimana berikut:

- Pinjaman Kenderaan; dan
- Pinjaman Komputer/telefon pintar

Dana yang digunakan untuk membiayai pinjaman kepada kakitangan untuk dua (2) skim di atas adalah tertakluk kepada alokasi dana yang diluluskan oleh Lembaga.

Pinjaman Kakitangan dikelaskan seperti berikut:

Aset Semasa: Aset yang dijangka direalisasikan dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas tarikh pelaporan.

Aset Bukan Semasa: Aset yang dijangka direalisasikan melebihi tempoh dua belas (12) bulan selepas tarikh pelaporan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

3. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

3.b Pengkelasan Instrumen Kewangan dan Penilaian Berikutan (Sambungan)

i) Aset Kewangan (Sambungan)

i.i Pendahuluan dan Pinjaman Kakitangan (Sambungan)

Pinjaman Kakitangan (Sambungan)

LPSVN menerima pakai kadar faedah 4% setahun berasaskan **baki berkurangan** atas pinjaman bagi tujuan pembelian kenderaan dan pembiayaan komputer dan telefon pintar kepada kakitangan yang layak. Kadar faedah bagi pinjaman komputer dan telefon pintar berubah daripada 4% setahun kepada 2% setahun sejajar dengan pindaan Pekeliling Perbendaharaan WP9.1 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2022. Perubahan kadar ini tidak terpakai kepada pinjaman komputer dan telefon pintar sedia ada yang diluluskan sebelum 1 Januari 2022.

i.ii Penghutang Pelbagai dan Prabayar

Aset kewangan Penghutang adalah dinilai pada amaun inoivis. Tiada kesan signifikan untuk mencatat aset kewangan Penghutang pada nilai saksama bagi tujuan penilaian berikutnya memandangkan sifatnya adalah berjangka pendek.

ii) Liabiliti Kewangan

Semua liabiliti kewangan kecuali yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui Penyata Prestasi Kewangan akan diukur pada kos terluas. Nilai saksama melalui kategori untung dan rugi terdiri daripada liabiliti kewangan derivatif (kecuali derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan) atau liabiliti kewangan yang ditetapkan secara khusus ke dalam kategori ini semasa pengiktirafan awal.

Liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui Penyata Prestasi Kewangan akan diukur pada nilai saksama di mana untung atau rugi diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

iii) Liabiliti Luar Jangka

Suatu liabiliti luar jangka perlu dibentangkan, kecuali kemungkinan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi adalah tipis kecuali bagi kes-kes di mana jumlah yang terlibat adalah material dan LPSVN berpendapat bahawa pendedahan adalah perlu. Terdapat dua perkara ingin dimaklumkan iaitu:

iii.i LPSVN telah melaburkan sejumlah RM100 juta bersama CIMB Principal Asset Management Bhd (CPAM) di bawah produk CIMB Islamic Dali Equity Theme Fund (CIMB IDETF) pada 17 Jun 2014. Satu kontrak perjanjian pelaburan telah dimeterai seperti arahan pelaburan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang meluluskan pelaburan tersebut. Pelaburan ini telah melalui proses kelulusan menurut Akta 724 di mana perlu mendapatkan kelulusan Mesyuarat Lembaga, YB Menteri dan YB Menteri Kewangan telah diperolehi.

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA (Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

3. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

3.b Pengkelasan Instrumen Kewangan dan Penilaian Berikutan (Sambungan)

iii) Liabiliti Luar Jangka (Sambungan)

Semasa tempoh pengauditan Penyata Kewangan LPSVN tahun 2017 yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara pada Mei 2018, didapati terdapat pelanggaran terma kontrak pelaburan tersebut oleh CPAM yang telah menjejaskan modal pelaburan RM100,000,000 dan memberi kesan terhadap persembahan tahun 2017.

LPSVN telah melantik khidmat guaman iaitu Tetuan AmerBon bagi tuntutan gantirugi dan dalam proses perundangan. Pelaburan ini telah dinyatakan di dalam penyata kewangan pada nilai saksama.

- iii.ii Baki tuntutan bagi perkhidmatan Kerja-kerja pemulihan (*Conservation*) dan Naik taraf Masjid Di Raja Sultan Suleiman Klang telah dinyatakan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan seperti pada 31 Disember 2020 sebagai Akaun Belum Terima bagi Urusniaga Pertukaran berjumlah RM150,000. Projek ini telah bermula pada 19 Julai 2016 dan telah tamat pada 28 April 2017 di mana keperluan konservasi ini telah disyor Jabatan Warisan Negara (JWN) kepada Jabatan Kerja Raya (JKR).

LPSVN telah melantik khidmat guaman iaitu Tetuan AmerBon bagi tuntutan Akaun Belum Terima bagi Urus Niaga Pertukaran dan dalam proses perundangan terhadap tuntutan bagi baki bayaran yang belum dapat dikutip.

3.c Pengurusan Risiko Kewangan

LPSVN terdedah kepada beberapa risiko lanjutan daripada penggunaan beberapa instrumen kewangan. Risiko-risiko berkenaan dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi atau pun meminimumkan pendedahan LPSVN kepada risiko-risiko ini adalah seperti berikut:

i) Risiko Mudah Tunai

LPSVN mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang berhemat untuk meminimumkan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

ii) Risiko Pasaran

Risiko pasaran adalah risiko berlakunya perubahan dalam pasaran seperti harga saham di dalam pasaran yang aktif dan kadar hibah yang memberi kesan kepada pendapatan LPSVN atau pun nilai instrumen kewangan yang dipegang. Tujuan utama pengurusan risiko pasaran ini adalah untuk mengawal dan memastikan bahawa pendedahan instrumen kewangan LPSVN di dalam lingkungan yang munasabah disamping dapat memberi pulangan yang optima lanjutan daripada pendedahan ke atas risiko ini.

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

3. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

3.c Pengurusan Risiko Kewangan (Sambungan)

ii) Risiko Pasaran (Sambungan)

Simpanan Tetap:

Perubahan kadar hibah pasaran tidak memberi kesan kepada pelaburan ini memandangkan pelaburan ini mempunyai kadar yang tetap.

Pelaburan:

LPSVN melabur di dalam saham amanah yang terdedah kepada risiko pasaran akibat risiko turun naik instrumen kewangan berikutan perubahan harga pasaran dengan risiko minimum yang telah dijamin oleh pengurus dana serta saham tersiar harga adalah berisiko minimum. Namun begitu, bermula tahun 2017 semua pelaburan dinyatakan pada nilai saksama disebabkan oleh LPSVN dalam proses mendapatkan prosiding mahkamah bagi jaminan modal pelaburan dalam CIMB Islamic Dali Equity Theme Fund.

iii) Risiko Kecairan

LPSVN sentiasa menguruskan aliran tunai operasi dan mengawal dana agar semua bayaran dan keperluan dana adalah mencukupi. Antara langkah pengurusan kecairan yang berhemah ialah LPSVN mengekalkan tahap kecairan yang mencukupi dan memastikan pelaburan mudah dicairkan mencukupi untuk membiayai semua tanggungan yang genap tempoh pembayaran.

iv) Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko berlakunya kerugian kewangan jika pihak yang terlibat di dalam instrumen kewangan tidak dapat menunaikan obligasi kontrak mereka. LPSVN terdedah kepada risiko ini menerusi Pelaburan dan Tunai dan Kesetaraan Tunai.

LPSVN hanya meluluskan pelantikan institusi kewangan yang mempunyai pengiktirafan kredit yang baik dan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

3. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

3.d Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau risiko dan ganjaran atas aset tersebut pada kuantum yang signifikan. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa dan jumlah ganjaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperoleh tolak sebarang liabiliti baru diambil alih) serta sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak tamat atau dibatalkan atau luput. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan ganjaran yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau diambil alih liabilitinya, diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

4. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Kakitangan Penting Pihak Berkaitan

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab melalui perancangan dan kawalan ke atas LPSVN sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Kakitangan penting termasuklah mana-mana pengarah dalam entiti berkenaan. Ganjaran terhadap kakitangan penting pihak pengurusan LPSVN dimana pembayaran adalah seperti berikut:

PERBELANJAAN	2022 RM	2021 RM
Elaun Ahli Lembaga	452,113	457,985
Emolumen Ketua Pengarah dan Pengarah Bahagian	680,550	668,624
Bilangan Ahli Lembaga Pengarah	10	11

5. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2022 RM	2021 RM
Wang Tunai di Tangan	1,200	1,250
Baki di Bank	62,060,591	15,047,012
	62,061,791	15,048,262

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

6. SIMPANAN TETAP	2022 RM	2021 RM
Maybank Islamic Berhad	-	7,000,000
CIMB Islamic Bank Berhad	-	48,000,000
	<u>-</u>	<u>55,000,000</u>

Kadar faedah efektif bagi simpanan tetap tahun 2021 adalah diantara 1.90% hingga 2.15% setahun. Tempoh matang simpanan tetap adalah 3 bulan hingga 12 bulan.

7. AKAUN BELUM TERIMA BAGI URUS NIAGA PERTUKARAN	2022 RM	2021 RM
Akaun Belum Terima Perniagaan	175,148	81,247
	<u>175,148</u>	<u>81,247</u>

8. INVENTORI

Inventori merupakan inventori barang dagangan yang disimpan untuk dijual kepada pengunjung. Butiran inventori pada 31 Disember 2022 dan 31 Disember 2021 seperti berikut:

	2022 RM	2021 RM
Inventori:		
Nilai Kos	83,487	82,730
Nilai Realisasi Bersih	580	6,359
Baki Pada 31 Disember	<u>84,067</u>	<u>89,089</u>

9. ASET SEMASA LAIN	2022 RM	2021 RM
Prabayar	104,352	101,352
Pinjaman Kenderaan Jangka Pendek	48,654	53,225
Pinjaman Komputer Jangka Pendek	24,743	30,881
Faedah Terakru Simpanan Tetap	-	95,113
	<u>177,749</u>	<u>280,571</u>

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

10. PELABURAN	2022 RM	2021 RM
<u>Nilai Pada Harga Pasaran</u>		
Boustead Singapore Limited:		
Baki Pada 1 Januari	25,234	20,374
Untung Rugi Nilai Saksama Pelaburan	(3,081)	4,860
Baki Pada 31 Disember	<u>22,153</u>	<u>25,234</u>

Pelaburan LPSVN terdiri daripada Saham Boustead Singapore Limited yang diperolehi secara hadiah.

11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	2022 RM	2021 RM
Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan adalah aset-aset yang telah disusut nilai sepenuhnya yang masih lagi digunakan seperti:		
Pada Kos:		
Naik Taraf Bangunan	12,046,056	7,806,715
Alat Pejabat	3,169,784	3,046,590
Perabot dan Kelengkapan	3,411,308	3,135,588
Memperbaiki Pejabat	2,023,750	2,023,750
Kenderaan	812,666	812,666
Alat Fotografi	<u>313,809</u>	<u>313,809</u>

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Tahun 2022	Bangunan RM	Naik Taraf Bangunan RM	Alat Pejabat RM	Perabot dan Kelengkapan RM	Memperbaiki Pejabat RM	Kenderaan RM	Alat Fotografi RM	Kerja Dalam Pelaksanaan RM	Jumlah RM
<u>Pada Kos</u>									
Baki Pada 1 Januari 2022	28,320,500	43,822,556	7,148,990	6,580,435	2,023,750	812,666	459,039	3,190,251	92,358,187
Tambahan	-	-	908,913	184,547	-	-	-	2,669,530	3,762,990
Pelupusan	-	-	(27,299)	(24,476)	-	-	-	-	(51,775)
Pengkelasan	-	5,270,181	-	-	-	-	-	(5,355,181)	(85,000)
Pelarasn Harga Kontrak (PHK)	-	(13,330)	-	-	-	-	-	(414,411)	(427,741)
Baki Pada 31 Disember 2022	28,320,500	49,079,407	8,030,604	6,740,506	2,023,750	812,666	459,039	90,189	95,556,661
<u>Susut nilai terkumpul</u>									
Baki Pada 1 Januari 2022	5,255,856	24,873,471	4,482,984	4,646,972	2,023,659	812,660	387,392	-	42,462,994
Susut nilai Semasa	566,410	3,860,750	667,816	345,899	-	-	21,950	-	5,462,825
Pelupusan	-	-	(27,264)	(24,467)	-	-	-	-	(51,731)
Pengkelasan	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Baki Pada 31 Disember 2022	5,822,266	28,734,221	5,123,536	4,968,404	2,023,659	812,660	389,342	-	47,874,088
Amaun bawaan									
Pada 31 Disember 2022	22,498,234	20,345,186	2,907,068	1,772,102	91	6	69,697	90,189	47,682,573
Tahun 2021									
<u>Pada Kos</u>									
Baki Pada 1 Januari 2021	26,999,533	43,653,366	7,100,334	6,520,695	2,023,750	942,819	387,049	868,926	88,496,472
Tambahan	-	-	48,656	59,740	-	-	71,990	3,823,503	4,003,889
Pelupusan	-	-	-	-	-	(130,153)	-	-	(130,153)
Pengkelasan	1,320,967	169,190	-	-	-	-	-	(1,490,157)	-
Pelarasn Tahun Terdahulu	-	-	-	-	-	-	-	(12,021)	(12,021)
Baki Pada 31 Disember 2021	28,320,500	43,822,556	7,148,990	6,580,435	2,023,750	812,666	459,039	3,190,251	92,358,187
<u>Susut nilai terkumpul</u>									
Baki Pada 1 Januari 2021	4,654,934	21,041,651	3,862,919	4,271,055	2,023,659	926,937	350,101	-	37,131,256
Susut nilai Semasa	600,922	3,831,820	620,065	375,917	-	15,875	17,291	-	5,461,890
Pelupusan	-	-	-	-	-	(130,152)	-	-	(130,152)
Pengkelasan	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Baki Pada 31 Disember 2021	5,255,856	24,873,471	4,482,984	4,646,972	2,023,659	812,660	367,392	-	42,462,994
Amaun bawaan									
Pada 31 Disember 2021	23,064,644	18,949,085	2,666,006	1,933,463	91	6	91,647	3,190,251	49,895,193

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

12 ASET TAK KETARA

Tahun 2022	Pangkalan Data RM	Perisian RM	Jumlah RM
<u>Pada Kos</u>			
Baki Pada 1 Januari 2022	984,338	188,938	1,173,276
Tambahan	-	20,759	20,759
Pelupusan	-	-	-
Pengkelasan	85,000	-	85,000
Baki Pada 31 Disember 2022	<u>1,069,338</u>	<u>209,697</u>	<u>1,279,035</u>
<u>Pelunasan terkumpul</u>			
Baki Pada 1 Januari 2022	806,278	88,366	894,644
Pelunasan	29,138	13,435	42,573
Pelupusan	-	-	-
Pengkelasan	-	-	-
Baki Pada 31 Disember 2022	<u>835,416</u>	<u>101,801</u>	<u>937,217</u>
Amaun bawaan			
Pada 31 Disember 2022	<u>233,922</u>	<u>107,896</u>	<u>341,818</u>
Tahun 2021			
<u>Pada Kos</u>			
Baki Pada 1 Januari 2021	984,338	184,938	1,169,276
Tambahan	-	4,000	4,000
Pengkelasan	-	-	-
Baki Pada 31 Disember 2021	<u>984,338</u>	<u>188,938</u>	<u>1,173,276</u>
<u>Pelunasan terkumpul</u>			
Baki Pada 1 Januari 2021	720,004	75,820	795,824
Pelunasan	86,274	12,546	98,820
Pengkelasan	-	-	-
Baki Pada 31 Disember 2021	<u>806,278</u>	<u>88,366</u>	<u>894,644</u>
Amaun bawaan			
Pada 31 Disember 2021	<u>178,060</u>	<u>100,572</u>	<u>278,632</u>

**2022
RM**

**2021
RM**

Termasuk dalam aset tak ketara adalah aset-aset yang telah disusut nilai sepenuhnya yang masih lagi digunakan seperti:

Pada Kos:

Pangkalan Data
Perisian

740,314
64,956

383,614
64,956

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

13. KOLEKSI NEGARA	2022 RM	2021 RM
Baki Pada 1 Januari	112,629,673	111,290,173
Koleksi Negara yang Dihadiahkan (Nota 21)	740,000	130,000
Koleksi Negara yang Dibeli	-	1,209,500
Baki Pada 31 Disember	<u>113,369,673</u>	<u>112,629,673</u>
 Koleksi Negara yang Dihadiahkan	 10,064,557	 9,324,557
Koleksi Negara yang Dibeli	22,860,171	22,860,171
Penilaian Semula Koleksi Negara Hadiah	33,247,948	33,247,948
Penilaian Semula Koleksi Negara Belian	<u>47,196,997</u>	<u>47,196,997</u>
	<u>113,369,673</u>	<u>112,629,673</u>

Koleksi Negara telah dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Karya pada tahun 2018. Penilaian semula seterusnya dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2023.

14. ASET BUKAN SEMASA LAIN	2022 RM	2021 RM
Pinjaman Kenderaan Jangka Panjang	149,691	180,118
Pinjaman Komputer Jangka Panjang	<u>24,652</u>	<u>47,233</u>
	<u>174,343</u>	<u>227,351</u>

15. AKAUN BELUM BAYAR BAGI URUS NIAGA PERTUKARAN	2022 RM	2021 RM
Ikhtisas dan Hospitaliti	340,948	431,897
Pelbagai Akaun Belum Bayar	897,574	584,599
Perbelanjaan Terakru	445,764	953,208
Pemiutang Kakitangan	<u>64,496</u>	<u>38,003</u>
	<u>1,748,782</u>	<u>2,007,707</u>

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

16. GERAN TERTUNDA

	2022 RM	2021 RM
Program Kementerian:		
Baki Pada 1 Januari	3,191,602	2,682,435
Penerimaan Geran Tertunda	6,997,700	2,619,000
Penggunaan Geran Tertunda	(6,047,755)	(1,786,565)
Pulangan Geran Tertunda	-	(323,268)
Baki Pada 31 Disember	4,141,547	3,191,602
Projek Pembangunan:		
Baki Pada 1 Januari	27,662,888	30,097,026
Penerimaan Geran Tertunda	704,890	15,000
Pelunasan Geran Tertunda	(3,051,111)	(2,449,138)
Baki Pada 31 Disember	25,316,667	27,662,888
Baki Pada 31 Disember	<u>29,458,214</u>	<u>30,854,490</u>
Geran Tertunda Jangka Pendek	5,634,843	5,321,353
Geran Tertunda Jangka Panjang	23,823,371	25,533,137
	<u>29,458,214</u>	<u>30,854,490</u>

Geran Tertunda akan dilunaskan sebagai pendapatan secara berperingkat apabila sesuatu harta itu telah siap dan dikenakan susut nilai. Kadar yang dikenakan untuk pelunasan Geran Tertunda dan juga susut nilai naik taraf bangunan adalah sebanyak 10% dan bangunan sebanyak 2%.

17. PERUNTUKAN MANFAAT PEKERJA

	2022 RM	2021 RM
Baki Pada 1 Januari	634,107	555,448
Pembayaran Dalam Tahun Semasa	(141,859)	(58,331)
Peruntukan Tahun Semasa	207,353	136,990
Baki Pada 31 Disember	<u>699,601</u>	<u>634,107</u>
Manfaat Pekerja Jangka Pendek	155,761	21,845
Manfaat Pekerja Jangka Panjang	543,840	612,262
	<u>699,601</u>	<u>634,107</u>

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

18. DEPOSIT	2022 RM	2021 RM
<i>Wang Jaminan Perlaksanaan:</i>		
i. Naik Taraf Pusat Repositori dan Konservasi	104,386	104,386
ii. Menaik taraf Projek Art Depot	-	59,969
iii. Kerja Pembaikan Bumbung Bangunan Galeri	87,444	174,888
iv. Ubahsuai Kafe Galeri, Kedai Galeri dan Ruang Dalam Lobi Utama Bangunan Galeri	30,256	-
v. Pembaikan Keretakan Dinding Dalam dan Luar	44,475	-
vi. Naik Taraf CCTV dan Kad Akses	27,263	-
vii. Penurapan Semula Jalan dan Pembaikan Semula Laluan Siar Kaki Sekitar Premis	11,426	-
viii. Pembaikan Bangunan Art Depot	11,686	-
	<u>316,936</u>	<u>339,243</u>
 19. DANA MENGURUS	 2022 RM	 2021 RM
Baki Pada 1 Januari	85,288,998	82,513,028
Lebih Pendapatan Dari Perbelanjaan	<u>2,471,766</u>	<u>2,775,970</u>
Baki Pada 31 Disember	<u>87,760,764</u>	<u>85,288,998</u>
 20. DANA AMANAH	 2022 RM	 2021 RM
Baki Pada 1 Januari	15,854,085	24,419,995
Kurangan Pendapatan Dari Perbelanjaan	<u>(11,065,689)</u>	<u>(8,565,910)</u>
Baki Pada 31 Disember	<u>4,788,396</u>	<u>15,854,085</u>
 21. DANA KOLEKSI NEGARA	 2022 RM	 2021 RM
Baki Pada 1 Januari	98,576,622	98,446,622
Tambahan Tahun Semasa: Koleksi Negara yang Dihadiahkan (Nota 13)	<u>740,000</u>	<u>130,000</u>
Baki Pada 31 Disember	<u>99,316,622</u>	<u>98,576,622</u>

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

22. HASIL DARIPADA URUS NIAGA PERTUKARAN	2022 RM	2021 RM
Sewaan Bangunan	95,100	91,400
Faedah Simpanan Tetap	1,059,605	119,390
Faedah Akaun Semasa	77,899	565,790
Faedah Pelaburan	1,038	2,098
Untung Rugi:		
Jualan Aset	31	16,700
Nilai Saksama Pelaburan	-	4,860
LAD Projek Pembangunan	14,079	876
Lain-lain Hasil	50	36
	<u>1,247,802</u>	<u>801,150</u>
23. HASIL DARIPADA URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN	2022 RM	2021 RM
Jualan NAG Store	85,729	21,527
Faedah Akaun Semasa	9,054	6,538
Tolak Kos Barang Dijual:		
Inventori Awal	89,089	110,067
Bekalan Bahan	4,496	19,940
Ikhtisas dan Hospitaliti	30,153	-
Inventori Akhir	(84,067)	(89,089)
	<u>39,671</u>	<u>40,918</u>
	<u>55,112</u>	<u>(12,853)</u>
Pemberian Tetap Kerajaan	20,200,000	18,630,000
Jualan Penerbitan	3,450	20,008
Jualan Barang Lain	-	793
Pelunasan Geran Tertunda	3,051,111	2,449,138
Faedah Pinjaman Kenderaan dan Komputer	9,008	8,557
Perkhidmatan Lain	113,199	66,250
	<u>23,431,880</u>	<u>21,161,893</u>
24. EMOLUMEN	2022 RM	2021 RM
Gaji Pokok Kakitangan Awam	5,330,907	5,132,785
Elaun-Elaun Kakitangan Awam	2,041,597	2,105,632
Caruman Majikan	929,976	899,249
Elaun Lebih Masa	332,840	129,013
Imbuhan Tahunan dan Lain-Lain	13,800	11,638
	<u>8,649,120</u>	<u>8,278,317</u>

Jumlah kakitangan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 adalah seramai 135 orang yang terdiri daripada 128 orang kakitangan tetap dan 7 orang kakitangan kontrak (2021: seramai 135 orang terdiri daripada 129 orang kakitangan tetap dan 6 orang kakitangan kontrak). Bagi tahun 2022 bayaran emolumen dan elaun bagi kakitangan kontrak berjumlah RM339,662 (2021: RM321,466) dibayar di bawah Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti.

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

25. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	2022 RM	2021 RM
Perjalanan Dalam dan Luar Negeri	1,082,305	587,095
Pengangkutan	39,933	4,989
Perhubungan dan Utiliti	2,996,969	2,823,306
Sewaan	1,421,139	1,008,024
Penyelenggaraan	2,145,930	1,010,482
Bekalan Bahan dan Minyak	1,488,977	993,735
Ikhtisas dan Hospitaliti	8,739,088	6,608,640
	<u>17,914,341</u>	<u>13,036,271</u>
26. PERBELANJAAN LAIN	2022 RM	2021 RM
Ganjaran Kakitangan	9,817	12,514
Gantian Cuti Rehat	203,007	124,477
Pemberian dan Bantuan Lain	622,000	455,000
Untung Rugi:		
Jualan Aset	29	1
Nilai Saksama Pelaburan	3,081	-
Cukai dan Pelbagai	<u>366,812</u>	<u>285,693</u>
	<u>1,204,746</u>	<u>877,685</u>
27. CUKAI	2022 RM	2021 RM
Cukai Tahun Semasa	<u>-</u>	<u>-</u>
Cukai Pendapatan semasa dikira pada kadar cukai pendapatan berkanun 28% atas lebihan yang diterima dalam tahun kewangan.		
Penyesuaian bagi perbelanjaan cukai pendapatan yang dikenakan atas kurangan pendapatan pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan efektif adalah seperti berikut:		
Kurangan Pendapatan bagi tahun sebelum cukai	<u>(8,593,923)</u>	<u>(5,789,940)</u>
Cukai Pada Kadar 28%	(2,406,298)	(1,621,183)
Pendapatan Tidak Dikenakan Cukai	(6,510,311)	(5,908,195)
Perbelanjaan Tidak Dibenarkan Untuk Percukaian	7,429,384	6,935,652
Cukai Aset Tertunda Tidak Diiktiraf	<u>1,487,225</u>	<u>593,726</u>
Cukai Tahun Semasa	<u>-</u>	<u>-</u>

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
(Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

28. KOMITMEN MODAL		Kos Dibenarkan RM	Jumlah Pembayaran RM	Baki RM
2022:				
i.	Naik Taraf Galeri Pameran	11,944,731	11,930,197	14,534
ii.	Naik Taraf Pusat Repositori dan Konservasi di Bangunan BSVN	4,290,719	4,283,663	7,056
iii.	Pengubahsuaian 3 Unit Lot Kedai 46, 47 dan 48 Galeri dan Pejabat Cawangan LPSVN Langkawi	978,127	978,127	-
iv.	Mengubahsuaui Ruang Pejabat di Bangunan Pentadbiran	332,994	332,994	-
v.	Menaiktaraf Projek Art Depot	1,406,682	1,406,682	-
vi.	Kerja-kerja Pembaikan Bumbung Bangunan Galeri	3,608,627	3,575,987	32,640
vii.	Naik Taraf Sistem Pencegah Kebakaran di Bangunan Galeri	426,950	426,950	-
viii.	Naik Taraf Sistem CCTV dan Kad Akses	792,068	759,886	32,182
ix.	Pembangunan dan Mentauliah Portal dan Aplikasi Jejak Seni Malaysia	85,000	85,000	-
x.	Ubahsuaui Kafe Galeri, Kedai Galeri dan Ruang Dalam Lobi Utama Bangunan Galeri	765,127	612,600	152,527
xi.	Ubahsuaui Dalaman 2 Unit Lot Kedai Cawangan Langkawi	220,753	25,677	195,076
2021:				
i.	Naik Taraf Galeri Pameran	11,944,731	11,930,197	14,534
ii.	Naik Taraf Pusat Repositori dan Konservasi di Bangunan BSVN	4,762,586	4,185,225	577,361
iii.	Pengubahsuaian 3 Unit Lot Kedai 46, 47 dan 48 Galeri dan Pejabat Cawangan LPSVN Langkawi	992,826	967,413	25,413
iv.	Mengubahsuaui Ruang Pejabat di Bangunan Pentadbiran	351,848	325,270	26,578
v.	Menaiktaraf Projek Art Depot	1,456,532	1,364,575	91,957
vi.	Kerja-kerja Pembaikan Bumbung Bangunan Galeri	3,540,395	2,259,447	1,280,948
vii.	Naik Taraf Sistem Penghawa Dingin Berpusat di Bangunan Galeri	3,289,899	3,289,899	-
viii.	Naik Taraf Sistem Pencegah Kebakaran di Bangunan Galeri	427,080	426,950	130
ix.	Naik Taraf Sistem CCTV dan Kad Akses	674,300	169,469	504,831
x.	Pembangunan dan Mentauliah Portal dan Aplikasi Jejak Seni Malaysia	85,000	21,250	63,750

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA (Dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

29. LITIGASI

i. Pelaburan di CIMB Islamic Dali Equity Theme Fund

LPSVN telah membuat pengaduan kepada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur melalui Tetuan AmerBon pada 5 Mac 2020 kepada Principal Asset Management Berhad dan Ahmad Azwan Aboo Mansoor berkaitan isu pelaburan bagi mendapatkan ganti rugi berjumlah RM32,870,827.17.

Status terkini sedang dalam pengurusan kes dan tarikh perbicaraan ditetapkan pada 24-26 Julai 2024 dan 29 Julai-2 Ogos 2024.

ii. Projek Konservasi Masjid Diraja Sultan Suleiman Klang

Tunggakan daripada Syarikat Zakaria Bin Mohd Sdn Bhd merupakan Akaun Belum Terima bagi Urus Niaga Pertukaran berkaitan Projek Konservasi Masjid Diraja Sultan Suleiman Klang berjumlah RM73,747.53. Projek ini disyorkan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) dan LPSVN telah menjadi sub kontraktor kepada kontraktor dilantik iaitu Syarikat Zakaria Bin Mohd Sdn Bhd.

LPSVN telah menerima cek daripada Syarikat Zakaria Bin Mohd Sdn Bhd berjumlah RM76,252.47 pada 16 Februari 2021 selaras dengan perintah mahkamah bertarikh 22 Disember 2020. Di dalam perintah tersebut juga menyatakan untuk LPSVN menandatangani RM76,252.47 yang diberikan Defendan ke dalam akaun mahkamah terlebih dahulu sehingga proses perbicaraan selesai. Jumlah tersebut telah didepositkan ke dalam akaun Mahkamah pada 2 April 2021 melalui bank deraf.

Berdasarkan keputusan rayuan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 25 Mac 2022, telah mengesahkan keputusan Mahkamah Majistret Kuala Lumpur dan memihak kepada LPSVN. LPSVN melalui Tetuan AmerBon telah memfailkan affidavit permohonan pada 8 Ogos 2022 bagi pengeluaran RM76,252.47 yang disimpan di dalam Akaun Mahkamah dan masih lagi dalam proses pihak mahkamah.

Pada 19 Mei 2022 Syarikat Zakaria Bin Mohd Sdn Bhd telah membuat tuntutan di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur. Tetuan AmerBon telah memfailkan pernyataan jawapan pada 30 Jun 2022 dan pemfailan affidavit untuk *strike out* kes tersebut pada 11 Ogos 2022 atas alasan *res judicata* kerana tuntutan yang sama telah pun didengar dan diputuskan sebelum ini telah memihak kepada LPSVN. Permohonan untuk *strike out* kes ini telah dibenarkan oleh Mahkamah Majistret pada 26 Oktober 2022.

Namun, pada 9 Februari 2023 Syarikat Zakaria Bin Mohd Sdn Bhd telah memfailkan rayuan luar masa atas keputusan tersebut, namun pada pengurusan kes 17 Mac 2023 Mahkamah mendapati terdapat kesilapan dan kecacatan terhadap permohonan tersebut dan diminta untuk memfailkan semula. Tiada sebarang pemfailan semula dibuat sehingga kini.

Memandangkan kes tuntutan baru daripada Syarikat Zakaria Bin Mohd Sdn Bhd di Mahkamah Majistret masih belum selesai, sepertimana persetujuan kedua-dua pihak sebelum ini, wang tuntutan RM73,747.53 berserta kos yang sepatutnya dibayar kepada LPSVN masih lagi disimpan oleh Tetuan AmerBon. Tetuan AmerBon akan menguruskan permohonan pembayaran semula beserta kos-kos lain daripada Tetuan Fakhri & Co, wakil Syarikat Zakaria Bin Mohd Sdn Bhd kepada LPSVN setelah kes selesai.

